Aluan & Penghargaan

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله الطيبين الطاهرين وعلى أصحابه الغر المحجلين وعلى من تبعهم بإحسان إلى يوم الدين. أما بعد،

Sesungguhnya kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah kerana dengan limpah kurnia-Nya maka sebuah terjemahan yang berjudul: KEPADA ALLAH… SETERUSNYA TERHADAP SEJARAH” di mana kitab asalnya:

اعترافات علماء الشيعة لله ثم للتاريخ كشف الأسرار وتبرئة الأئمة الأطهار

*Suatu pengakuan dan pengiktirafan Ulama Syiah terhadap Allah dan sejarah – suatu pembongkaran rahsia yang terpendam dan pembersihan diri Imam-imam yang athaar (**أطهار**)* karangan Al-Syeikh Al-Allamah Dr. Sayid Husain Al-Musawi Al-Husaini.

KENAPA AKU MENINGGALKAN SYIAH

Buku ini sebenarnya satu lagi pendedahan secara akademik yang sekali gus membongkar beberapa perkara pokok pegangan Syiah Imamiah. Yang penting bagi setiap pembaca ialah dapat membezakan antara pegangan Imam-imam Dua Belas yang tulen dan penyelewengan yang dilakukan oleh beberapa orang tokoh Syiah khususnya selepas tahun 329 H.

Selain daripada buku ini, ada lagi sebuah buku yang lain berjudul:

الشيعة والتصحيح: الصراع بين الشيعة والتشيع

Karangan Al-Allamah Dr. Sayid Musa Al-Musawi yang bererti: *Syiah dan pembetulan. Krisis antara Syiah dan Tasyayyu’.*

Adalah diharapkan buku ini telah selamat diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia dan berada di dalam pasaran Insya Allah.

Semoga Allah sentiasa memberkati setiap usaha yang dicurahkan oleh kumpulan penterjemah buku ini yang telah **berjaya menghasilkan suatu terjemahan yang sungguh bernilai.**

Pada saya, **buku-buku sebegini amat penting untuk dibaca secara teliti** oleh setiap pembaca kerana ianya dihasilkan melalui suatu keinsafan dan kesedaran dalaman oleh seorang tokoh besar di kalangan Ulama Syiah Ahli Bait رضي الله عنهم.

Di samping buku terjemahan ini, para pembaca diharapkan dapat merujuk teks asalnya untuk **sama-sama menghayati pemikiran Al-Allamah Dr. Sayid Husain Al-Musawi Al-Husaini.**

Kepada pengarang asal buku ini iaitu Al-Allamah Dr. Sayid Husain Al-Musawi Al-Husaini didoakan agar sentiasa berada dalam pemeliharaan dan petunjuk Allah ﷻ. Amin.

Hormat dari saya,

Hj. Abd Aziz bin Hj. Hanafi
Jitra, Kedah Darul Aman, Malaysia
5 Rabiulawal 1429 H
13 Mac 2008 M

Mukadimah Penterjemah I

بسم الله الرحمن الرحيم

Alhamdulillah segala puji dan syukur kepada Tuhan yang telah memberi petunjuk dan hidayah kepada hamba-Nya ke jalan yang benar. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s yang telah menyatukan umat Islam di bawah payung kebenaran, kaum keluarga, para sahabat Baginda dan sesiapa yang berpegang teguh dengan sunnah Nabi sehingga hari kiamat.

Alhamdulillah tanda syukur yang tidak terhingga kepada Allah Rabbul 'Izati atas taufik dan izin-Nya, terjemahan buku "Pengakuan Ulama' Syiah kepada Allah dan sejarah" ini dapat disiapkan.

Buku asal karangan Dr. Husain Musawi ini begitu banyak faedah dalam membongkar kejadian-kejadian sebenar yang berlaku di dalam Syiah. Peristiwa-peristiwa yang disebut

oleh penulis, merupakan suatu perkara yang asing bahkan tidak pernah didengari oleh mereka yang berfahaman dengan fahaman Ahli Sunnah. Perkara ini tidak akan dapat diketahui melainkan setelah hidup bersama-sama dengan golongan Syiah ini. Jasa dan sumbangan penulis begitu besar dalam menyingkap kebenaran sebagai tatapan kepada sesiapa yang sentiasa mencari dan mencintai kebenaran.

Tambahan pula, gaya penulisan buku ini yang bersahaja tetapi padat dengan fakta-fakta daripada kitab-kitab muktabar Syiah memudahkan pembaca daripada semua peringkat memahami dengan baik maksud yang hendak disampaikan oleh penulis.

Pada kesempatan ini penterjemah mengalungkan penghargaan yang tidak terhingga kepada ibu dan keluarga atas sokongan yang diberikan, semua guru-guru yang pernah mendidik dan memberi bimbingan kepada penterjemah khususnya kepada Al-Fadhil Ustaz Haji Muhammad Aidil Azwal bin Zainudin atas tunjuk ajar yang diberikan dalam usaha menyiapkan terjemahan buku ini. Tidak dilupakan sahabat-sahabat yang banyak membantu dan kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung ataupun tidak. Jazakumullahu khairan kathira. Semoga Allah membalas jasa kalian kelak.

Jutaan kemaafan dipohon jika terdapat kesalahan dan kesilapan serta kekurangan dalam usaha terjemahan ini. Penterjemah memohon teguran dan tunjuk ajar daripada sidang pembaca dalam usaha memantapkan lagi kefahaman penterjemah pada masa akan datang.

Akhir kalam, semoga dengan usaha yang sedikit ini mendapat perhatian daripada Allah Yang Maha Esa dan memberi manfaat kepada umat Islam seluruhnya. Wallahu ‘alam.

Abdul Hadi bin Awang
Kuliyah Usuluddin Jabatan Hadis
Universiti Al Azhar, Kaherah, Mesir.

al_jazeera13@yahoo.com

Mukadimah Penterjemah II

بسم الله الرحمن الرحيم

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S, keluarga baginda, para Sahabat dan pengikut-pengikutnya sehingga hari Kiamat.

Terjemahan kecil berkenaan Syiah ini dihidangkan kepada pembaca dalam bentuk yang mudah di hadam sekalipun sebenarnya ia padat dengan fakta-fakta ilmiah. Para penterjemah cuba untuk memaksimumkan faedah kepada pembaca dengan tambahan maklumat pada bahagian nota kaki. Ia merangkumi pengenalan ringkas bagi individu-individu yang disebut di dalam kitab, tempat-tempat, permasalahan yang samar dan lain-lain lagi. Nota kaki yang ditulis oleh penulis asal dibezakan dengan nota kaki penterjemah dengan diletakkan tanda -penulis- di hujung. Selain itu sub-sub topik yang

diletakkan di dalam kurungan [ ] ditambah bagi memudahkan pembaca mengikuti perbahasan.

Moga Allah memberi petunjuk kepada kita semua dalam mengharungi zaman yang bercampur baur di dalamnya kebenaran dan kebatilan. Sesungguhnya Dia Maha Berkuasa atas setiap sesuatu.

Mohd Firdaus Bin Hat
Kuliah Syariah dan Undang-undang,
Jabatan Syariah Islam. Universiti al-Azhar, Kaherah Mesir.
12.00 t/malam, Jumaat 29 Februari 2008. Hayyu Sabiek,
Madinat Nasr, Kaherah.

firds84@yahoo.com

Mukadimah Penterjemah III

بسم الله الرحمن الرحيم

الله مالكي، أحمده على أن هدانا إلى الصراط السوي، ونشهد أنه لا إله إلا هو وحده لا شريك له القادرالقوي ومحمد شافعي، هدانا إلى الطريق المستوي، وأرشدنا إلى الدين الحنفي، ونشهد أنه خاتم الرسل والنبيين، وأكرم الأولين والأخرين، وأنه لا دين إلا دينه الأحمدي . اللهم صل عليه وعلى آله وصحبه في كل بكرة وعشيٍ.

Segala puji bagi Allah ﷻ ,selawat dan salam atas junjungan besar Muhammad ﷺ, para sahabat serta ahli keluarganya dan pendukung agama Allah ﷻ.

Sabda Rasulullah ﷺ di dalam kalamnya yang mulia. Daripada Muawiyah ibn Abu Sufian, berkata Rasulullah:

ألا إن من قبلكم من أهل الكتاب افترقوا على ثنتين وسبعين ملة، وإن هذه الأمة ستفترق على ثلاث وسبعين، ثنتان وسبعون في النار وواحدة في الجنة، وهي الجماعة.

Maksudnya: *Bahawasanya daripada kalangan ahli kitab yang sebelum kamu telah berpecah kepada tujuh puluh dua golongan ,sesungguhnya umat ini akan berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan dan hanya satu golongan yang masuk syurga iaitu jamaah.*

Benarlah kata-kata Rasulullah ﷺ tersebut bahawa umatnya akan mengalami perpecahan. Golongan yang terselamat hanyalah golongan yang mengikut sunnah baginda dan para sahabatnya. Perpecahan di kalangan umat Islam pasti berlaku dan secara realitinya ianya benar-benar berlaku. Masing-masing menganggap golongan mereka adalah golongan yang benar dalam mempertahankan agama Allah ﷻ secara telus. Melalui terjemahan buku ini, saya berharap agar sidang pembaca dapat menilai manakah golongan yang benar dan golongan yang menyeleweng daripada ajaran agama Allah Taala.

Sekalung penghargaan kepada Al-Fadhil Ustaz Muhammad Aidil Azwal atas bimbingan dan tunjuk ajar sepanjangan proses penterjemahan kitab ini. Buat ayahanda Abd Nasir bin Haji Abdullah dan bonda Rosita binti Rashid yang telah banyak mendoakan kebaikan atas diri ini serta seluruh sahabat yang banyak memberikan sokongan dan dorongan di dalam menyiapkan terjemahan ini.

Semoga usaha yang sekelumit ini mampu menjadi saksi kecintaan ku kepada Rasulullah ﷺ dan para sahabat baginda. Harapan dari diri ini agar terjemahan ini akan memberi

manfaat yang besar untuk umat Islam dalam memahami hakikat sebenar Syiah. لا حول ولا قوة إلا بالله .

Tiada daya atas diri ku di dalam menolak kemaksiatan dan tiada daya diri ku melaksanakan ketaatan melainkan dengan bantuan daripada Allah Taala jua.

Ya Allah saksikanlah usahaku ini demi agamamu.

Mohd Nazrul Abd Nasir
Kuliah Usuluddin
Universiti Al-Azhar, Kaherah
28/02/2008

nazrul_nasir706@yahoo.com

Mukadimah Penterjemah IV

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمدلله رب العالمين، والصلاة والسلام على نبينا الأمين، وأصحابه، وآله الطيبين الطاهرين، والتابعين لهم بإحسان إلى يوم الدين. أما بعد:

Terungkap segala puji hanya kepada Allah ﷻ yang mengatur segala urusan dunia, selawat serta salam dikhususkan buat junjungan Nabi S, buat para sahabat, tabi'in yang dilorongkan ke arah kebenaran hingga hari kiamat.

Terhasilnya terjemahan ini adalah dari usaha bersama yang kami lakukan bukan bertujuan untuk menambahkan kekeruhan yang sedia ada, malah ia sekadar untuk mengenali dengan lebih dekat siapa itu Syiah dan dapat menampung tentang maklumat yang sedia ada mengenai aliran ini. Kita tidak mengatakan bahawa setiap aliran Syiah akan terlibat dengan apa yang diterjemahkan melalui buku ini.

Di sebalik kemelut yang berlaku, kita ingin mencari di mana titik hitam yang telah melukakan hati pengikut aliran ini sehingga terpaksa mereka menyembunyikan wajah asal di sebalik slogan "pencinta Ahli Bait" yang sering mereka laungkan, dalam masa yang sama "Ahli Bait" dijadikan batu loncatan untuk mereka memenuhi segala tuntutan nafsu seorang manusia, inilah cermin yang menampakkan wajah sebenar mereka dalam mempertahankan kecintaan mereka terhadap keturunan Rasul S.

Di antara masalah yang sering berlegar dalam Syiah adalah isu Imamiah dan Mut'ah, ini kerana mereka hanya berpaksikan kepada hadis-hadis yang tidak terdapat pada golongan lain untuk dinyatakan kesahihannya, malah terdapat penambahan yang direka-reka demi menjaga kepentingan sesetengah pihak walaupun terpaksa melibatkan maruah keturunan yang mulia yang kononnya menjadi sanjungan mereka.

Fahaman "jihad" yang disalah ertikan oleh golongan ini memberi kesan negatif terhadap umat Islam yang lain, mereka akan menjadi mangsa kekejaman "Al-Muntazor" yang kononnya dialah bakal mencetuskan jihad, dalam perkara ini mereka mempunyai persamaan dengan Yahudi yang sedang menanti kemunculan Al-Masih mengepalai jihad mereka bagi memerangi seterusnya menghancurkan umat Islam dari muka bumi, ini antara kesan pengaruh asing yang masih terpahat kukuh dalam aliran ini yang kita ingin perkenalkan.

Inilah antara motif terjemahan ini dihasilkan, secara ringkasnya adalah sebagai satu cara untuk memperkenalkan kepada pembaca dan kita semua siapakah mereka yang sebenar dan sekali gus dapat menyentak keegoan mereka yang terpasak berkurun lamanya daripada generasi ke generasi hingga ke hari ini, sekiranya tidak tertutup cahaya petunjuk nescaya akan tersingkap segala rahsia yang tersembunyi mengenai (Syiah).

Andainya terdapat kekurangan dalam usaha ini pastinya ia terkesan dari kesalahan seorang manusia yang dhaif, segala yang baik dari itu hanya daripada Allah semata-mata.

Akhirnya jutaan terima kasih khas untuk Abu Abd Rahman Al-Azhari atas kepercayaan dan tunjuk ajar yang diberikan dalam melaksanakan usaha yang amat berharga ini, semoga ia menjadi pemangkin ke arah yang diredhai oleh Allah ﷻ.

بقدر هذا كفاية، لمن أراد الله به هداية، والسلام عليكم ورحمته وبركاته.

Mohamad Rosli bin Talib
Fakulti Usuluddin (Jabatan Aqidah dan Falsafah)
Universiti Al-Azhar, Mesir
Jam 8.15 malam, 27 Februari 2008
El-Toob El-Ramly, Haiyu Asyir, Kaherah

failasuf_alkindi@yahoo.com

بسم الله الرحمن الرحيم

Mukadimah

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على نبينا محمد وعلى آله وصحبه وسلم أما بعد:

Sebelum ini kami di dalam **Persekutuan Salahuddin** membincangkan perlunya wujud sebuah kitab ringkas mengenai ***Akidah Syiah Dua Belas Imam*** yang boleh memberikan faedah kepada semua orang bermula daripada peringkat awam sehinggalah golongan yang khusus. Ketika kami sibuk berbincang dan mencari seorang ilmuwan yang ahli untuk menulis mengenainya, sampai kepada kami kitab ini *"Kepada Allah... Seterusnya Terhadap Sejarah"* karangan As-Sayid Husain al-Musawi daripada Ulama Najaf. Selepas membaca kitab ini kami mendapati ia memuaskan, memenuhi kehendak malah ***lebih*** daripada itu.

Perkara **"lebih"** yang kami maksudkan ialah penulisnya sendiri yang terdiri daripada **ulama besar Syiah**. Berdasarkan proses pengajian dan pengalaman beliau mengajar di beberapa al-Hauzah Najaf, maka beliau berpeluang menjalinkan hubungan yang amat rapat dengan ulama-ulama dan tokoh-tokoh Syiah. Antaranya Kasyif al-Ghito'[1], Al-Khu'i[1], Al-Sadr[2],

[1] Al-Syeikh Muhammad al-Husain Al-Kasyif Al-Ghito' bin Ali bin Muhammad Redha Al-Najafi. Seorang ulama Islam bermazhab Syiah yang amat masyhur. 1294-1373H

al-Khomeini[3], dan Abd Al-Husain Syarafuddin[4] yang selalu berulang-alik ke Najaf. Tambahan pula ayah penulis juga merupakan antara ulama Syiah.

Penulis di dalam kitab ini membincangkan beberapa pengalaman ganjil beliau bersama pakar rujuk daripada ulama Syiah dengan gaya bahasa yang menarik serta ringkas. Selepas menyebutkan apa yang berlaku di antara beliau dan mereka atau salah seorang daripada mereka, beliau akan mengheret pembaca meneliti **Kitab-kitab Utama Syiah** yang mengharuskan perbuatan-perbuatan jelik mereka.

[1] Ayatullah al-'Udzma al-Sayyid Abu al-Qasim al-Musawi al-Khu'i (1899-1992M). Seorang ulama Syiah terkenal. Mantan Pemimpin Al-Hauzah Al-Ilmiah Al-Najafiah. Jutaan penganut Syiah merujuk kepadanya daripada Iraq, negara-negara Teluk dan lain-lain. Beliau mencapai tahap Ijtihad pada awal umurnya dan mengajar dalam tempoh yang lama iaitu 70 tahun. Dengan itu beliau digelar Ustaz kepada para Ulama dan para Mujtahid. Beliau dikira antara ulama-ulama Syiah Imamiah yang paling besar pada Zaman Ghaibah.

[2] Ayatullah al-'Udzma al-Sayid Muhammad Baqir al-Sadr (1935-1980M). Seorang pemikir, ahli falsafah Islam dan pakar rujuk Syiah daripada Iraq. Antara mereka yang berusaha keras ke arah kesatuan umat Islam. Mendokong Imam Khomeini dan Revolusi Islam Iran.

[3] Ayatullah al-'Udzma al-Sayyid al-Musawi al-Khomeini (1902-1989). Ulama Iran bermazhab Syiah. Pemimpin politik dan rohani bagi Revolusi Islam di Iran 1979 yang menggulingkan Muhammad Reda Bahlawi yang merupakan Shah Iran ketika itu. Beliau dikira sebagai pemimpin rohani bagi orang Islam bermazhab Syiah. Beliau memerintah Iran selepas penggulingan Shah Iran sehingga meninggal dunia tahun 1989.

[4] Al-Sayyid Abd al-Hussain Syarafuddin al-Musawi (1290-1377H) Seorang ulama Syiah, pemikir dan pejuang kebangsaan menentang Perancis di selatan Lubnan.
Beliau belajar dengan ayahnya dan beberapa ulama besar lain di Iraq seperti Muhammad Kadzim al-Khurasani, Syeikh al-Syariah al-Asfahani dan Hasan al-Sadr. Beliau mencapai tahap ijtihad pada umur 32 tahun. Amat sedikit mereka yang mencapai tahap ilmu yang tinggi dalam umur sepertinya.

Antara karangannya: *al-Muraja'at* dan *al-Ijtihad Muqabil al-Nas.*

Sesiapa yang membaca kitab ini dengan teliti pasti dapat merasai keikhlasan penulis dan caranya yang berbeza dengan cara penulis-penulis Syiah yang lain yang mengkritik sebahagian akidah mazhab mereka.

Moga Allah membalas kebaikan yang banyak kepada penulis di atas kitab yang berharga ini dan menjauhkan beliau daripada kejahatan mereka yang dengki. Kami telah mendengar bahawa mereka menjejaki dan menanti peluang untuk mengambil tindakan terhadap beliau, maka sebab itulah beliau tidak menyebutkan nama yang sebenar takut perkara ini tersingkap dan terjadi benda yang tidak diingini ke atas diri beliau.[1]

Kami memohon kepada Allah ﷻ agar menjadikan amalan kami ikhlas hanya kerana-Nya Yang Maha Mulia.

Persekutuan Kebajikan Salahuddin,
14 Safar 1422 H.

[1] Lihat m/s 20 daripada kitab ini.

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على نبينا الأمين وآله الطيبين الطاهرين والتابعين لهم بإحسان إلى يوم الدين. أما بعد.

Sesungguhnya seorang Muslim itu tahu bahawa kehidupan akan diakhiri dengan kematian. Kemudian nasib selepas itu akan ditentukan sama ada ke syurga atau ke neraka. Tidak syak lagi, seorang Muslim tentu berusaha untuk ke syurga dengan melakukan amalan yang membawa kepada keredhaan Allah Taala dan juga menjauhkan diri daripada setiap larangan yang mengundang kemurkaan-Nya. Sebab itulah kita melihat rata-rata orang Islam berusaha untuk taat dan tekun mengerjakan amalan yang mendekatkan dirinya kepada Allah ﷻ. Ini merupakan perihal Muslim kebanyakan. Bagaimana pula perihal seorang Muslim yang khusus terdiri daripada golongan mereka yang terpilih?[1]

Bahawasanya di dalam kehidupan sebagaimana yang dimaklumi terdapat banyak jalan berliku dan tipu helah yang pelbagai. Orang berakal akan menempuh jalan yang membawa ke syurga biarpun sukar dan sekali gus meninggalkan jalan yang membawa ke neraka sekalipun ianya mudah dan senang.

Inilah riwayat hidup ku atau sebuah cerita yang dibentangkan dan digarap dalam bentuk kajian. Aku ucapkannya

[1] Iaitu daripada golongan ulama apatah lagi yang mempunyai ketinggian ilmu sehingga mencapai tahap *ijtihad*.

dengan lidah ku dan aku coret kan dengan jari-jemari ku demi mengharapkan redha Allah ﷻ dan juga manfaat kepada saudara-saudara ku. Aku mengambil peluang ini selagi aku masih hidup sebelum tubuh ku dibalut dengan kafan putih.

[LATAR BELAKANG PENULIS]

Aku dilahirkan di Karbala. Membesar dalam suasana ajaran Syiah di bawah jagaan kedua ibu bapa yang berpegang teguh dengan agama. Aku belajar di madrasah-madrasah di Kota Karbala sehingga aku bergelar seorang pemuda. Kemudian bapa ku menghantar ku ke **Al-Hauzah Al-Ilmiah Al-Najafiah**[1] iaitu sebuah pusat pengajian terbesar di dunia untuk aku mencedok ilmu daripada ulama-ulama Syiah yang besar dan masyhur ketika ini seperti Samahah Al-Imam Al-Sayid Muhammad Al-Hussain Kasyif al-Ghito'. Beliau mengajar kami di al-Hauzah Al-Ilmiah Al-'Aliyyah. Cita-cita ku ialah untuk menjadi pakar rujuk dalam agama dan mengetuai Al-Hauzah serta berkhidmat kepada agama dan umat seterusnya memajukan umat Islam. Impian ku ialah untuk melihat umat Islam bersatu padu dan dipimpin oleh seorang Imam dalam keadaan aku mampu melihat negara-negara kafir hancur di hadapan Umat Islam. Terdapat banyak lagi impian para pemuda Islam yang cemburu untuk agamanya yang tidak tertulis di sini.

Saat itu aku tertanya-tanya; Apakah yang mengheret kita[2] sehingga berada dalam keadaan yang amat rendah dan hina. Kita ketinggalan dan berpecah belah?

[1] Institusi pengajian terkenal di Najaf, Iraq. Banyak melahirkan tokoh-tokoh Ulama Syiah. Ditubuhkan sejak kurun kelima Hijrah. Sistem pengajiannya dibahagikan kepada tiga peringkat. Pertama peringkat rendah, kedua peringkat menengah dan ketiga peringkat tinggi. Al-Hauzah secara umumnya ialah nama bagi institusi pengajian mazhab Syiah.

[2] Orang Islam semuanya daripada pelbagai aliran.

Selain itu aku juga tertanya-tanya tentang banyak lagi perkara lain yang terlintas di lubuk hati ku sebagaimana pemuda Islam yang lain akan tetapi persoalan tersebut aku tidak temui jawapannya.

Allah ﷻ memudahkan dan membuka jalan kepada ku untuk belajar dan menuntut ilmu. Sepanjang tahun pengajian, aku mendapati beberapa nas-nas dan isu-isu yang meruntun dan mengusutkan fikiran ku. Terdapat juga peristiwa-peristiwa yang menghairankan ku. Namun begitu aku terus sahaja menghilangkan keserabutan tersebut dengan menuding jari ke atas diri sendiri mengatakan bahawa aku yang bersalah kerana salah faham dan kurang berpengetahuan. Pernah sekali aku cuba menyelesaikan masalah ini dengan bertanya kepada salah seorang guru Al-Hauzah Al-Ilmiah. Beliau amat bijak menangani masalah ini dengan mencantas daripada akar umbi menggunakan beberapa patah perkataan sahaja. Katanya:

"Apakah yang kamu belajar di Al-Hauzah?"
Jawab ku:
"Mazhab Ahli Bait a semestinya."
Katanya:
"Adakah kamu meragui Mazhab Ahli Bait a?"
Maka jawab ku:
"Ma'azallah[1]. Tidak sama sekali."

Beliau berkata lagi:

"Oleh itu jauhkanlah waswas ini daripada diri mu kerana kamu merupakan pengikut Ahli Bait a dan Ahli Bait menerima ajaran daripada Nabi Muhammad S. Nabi

[1] Mohon perlindungan Allah

Muhammad pula menerima ajaran wahyu daripada Allah ﷻ"

Aku diam seketika sehingga jiwa ku tenang kemudian aku berkata kepadanya:

"Semoga Allah ﷻ memberkatimu. Kamu telah menghilangkan waswas daripada diriku."

Setelah aku kembali belajar, persoalan-persoalan tersebut kembali menghantui diri. Semakin banyak belajar semakin banyak persoalan yang tak terjawab dan isu yang menghairankan.

Apa yang penting, aku menamatkan pengajian dengan cemerlang dan mendapat Ijazah Akademik bagi **mencapai tahap Ijtihad** daripada ulama ulung zaman ini daripada Samahah al-Sayid Muhammad Al-Hussain Kasyif al-Ghito' yang merupakan Ketua Al-Hauzah Ilmiah Al-Najafiah. Semenjak daripada itu aku berfikir semula secara serius mengenai perkara ini[1]. Kami mempelajari Mazhab Ahlul Bait a tetapi di dalam mazhab tersebut aku mendapati beberapa tohmahan terhadap Ahlul Bait a. Kami mempelajari syariat untuk beribadat menyembah Allah ﷻ akan tetapi di dalamnya terdapat nas-nas yang jelas kufur kepada Allah ﷻ.

Ya Rabbi! Apakah yang telah kami pelajari ini? Apakah benar ini merupakan mazhab Ahli Bait a?!

[1] Kajian mengenai isu-isu dan nas-nas yang bermasalah dalam aliran Mazhab Syiah.

Perkara seperti ini akan menyebabkan seseorang menjadi berbelah bahagi. Bagaimana dia menyembah Allah ﷻ dalam keadaan dia kufur pada-Nya? Bagaimana dia mengikut jejak Rasulullah S dalam masa yang sama dia membuat tohmahan terhadap Baginda S? Bagaimana dia menjadi pengikut Ahli Bait a, mengasihi mereka dan mempelajari mazhab mereka sedangkan dia mengutuk dan mencela mereka?

Ya Rabbi! Kasihanilah daku. Berlembutlah dengan ku. Jika Dikau tidak merahmati ku nescaya aku akan sesat malah rugi.

Aku kembali bertanya kepada diri ku sendiri:

Apakah pendirian Sayid-sayid, Imam-Imam dan Ulama-ulama besar terdahulu? Apakah pendirian mereka terhadap perkara ini? Adakah mereka tidak nampak apa yang aku nampak? Adakah mereka tidak mempelajari apa yang aku pelajari? Ya. Pasti begitu. Malah banyak daripada kitab-kitab tersebut merupakan karangan mereka sendiri. Merekalah yang mencoretnya dengan pena-pena mereka. Mengingatkan ini akan lebih melukakan, menambahkan sakit dan kesal di hati ku.

Dahulunya aku memerlukan seseorang untuk mengadu masalah dan kesedihan. Akhirnya aku mendapat idea yang lebih baik iaitu membuat satu kajian secara menyeluruh agar ku dapat meneliti semula kandungan akademik ku. Maka dengan itu aku membaca setiap sumber yang muktabar dan juga tidak muktabar, malah membaca semua kitab yang sampai ke tangan ku. Semasa menyelak dan meneliti terdapat beberapa perenggan dan petikan yang aku rasa perlu dikomentari. Petikan tersebut aku salin dan komen berdasarkan apa yang terlintas dalam pemikiran ku. Setelah selesai membaca sumber-sumber muktabar tersebut, terkumpul bagi ku longgokan potongan-

potongan kertas yang mengandungi petikan daripada kitab-kitab muktabar disertai komen daripada ku. Bahan tersebut aku simpan, moga datang suatu hari yang Allah ﷻ kehendaki agar kertas ini dikeluarkan semula.

Hubungan ku selepas itu kekal seperti biasa dengan setiap pakar rujuk agama, ulama dan para sayid yang ku temui. Aku bergaul seperti biasa dengan mereka untuk mencapai satu natijah yang akan membantu ku tatkala aku mengambil keputusan yang sukar[1] bagi membuat pendedahan. Banyak perkara yang ku temui menyebabkan akhirnya aku mengambil keputusan sukar tersebut tetapi aku masih menanti peluang terbaik untuk itu. Sebelum itu aku melihat sahabat ku Al-'Allamah As-Sayid Musa Al-Musawi[2] merupakan contoh terbaik ketika beliau mengisytiharkan menolak penyelewengan yang terdapat dalam manhaj Syiah. Beliau membuat banyak usaha serius bagi membetulkan manhaj tersebut. Kemudian selepas itu

[1] Barangkali penulis maksudkan dengan keputusan sukar tersebut ialah membongkar dan mendedahkan penyelewengan. Mungkin juga ia ialah keputusannya keluar daripada penyelewengan Syiah. Wallahu A'lam

[2] Beliau merupakan cucu kepada Imam Besar al-Sayid Abu Al-Hasan Al-Musawi Al-Asbahani. Dilahirkan di Najaf al-Asyraf tahun 1930. Melengkapkan pengajian di universitinya yang terbesar dan memperoleh Sijil Tertinggi dalam bidang Fekah Islam (al-Ijtihad). Kelulusan beliau yang lain:
1) PhD dalam bidang Falsafah daripada Universiti Sorbon, Paris pada tahun 1959. 2) PhD dalam bidang Perundangan Islam daripada Universiti Tehran pada tahun 1955.
Sumbangan beliau dalam bidang pendidikan:
1) Profesor Ekonomi Islam di Universiti Tehran 1960-1962.
2) Profesor Falsafah Islam di Universiti Baghdad 1968-1978.
3) Dilantik menjadi Ketua Pertubuhan Islam di Barat Amerika sejak 1979.
4) Profesor Jemputan di Universiti Halah, Jerman.
5) Profesor Pinjam di Universiti Tarablus, Libya 1973-1974.
6) Profesor Kajian di Universiti Harvard, USA 1975-1976.
7) Profesor Tamu ke Universiti Los Angeles 1978.
Kitab beliau yang masyhur mengkritik Syiah ialah:
الشيعة والتصحيح: الصراع بين الشيعة والتشيع

terbit Kitab {تطور الفكر الشيعي} karangan al-Sayid Ahmad Al-Katib. Selepas membaca kitab tersebut aku mendapati giliran ku telah tiba untuk menyatakan kebenaran dan memberi kesedaran kepada saudara-saudara ku yang tertipu. Kedudukan kami sama seperti ulama yang bertanggungjawab ke atas mereka dan akan dipersoalkan oleh Allah ﷻ pada Hari Kiamat kelak. Kami wajib menyedarkan mereka kepada kebenaran walaupun pahit.

Mungkin gaya bahasa yang ku gunakan berbeza dengan al-Sayid al-Musawi dan al-Sayid Al-Katib dalam melemparkan natijah-natijah ilmiah. Ini kerana ia datang secara berasingan daripada kajian-kajian yang dibuat oleh penulis yang pelbagai. Mungkin juga persekitaran yang berasingan yang dilalui setiap penulis membawa perbezaan kerana kedua-dua mereka telah meninggalkan Iraq dan menetap di negara Eropah dan memulakan kerja di sana. Adapun aku sendiri masih lagi menetap di Iraq betul-betul di Najaf. Kelengkapan yang ku miliki mungkin saja tidak sebagaimana yang dimiliki oleh mereka berdua. Ini kerana selepas berfikir panjang sama ada meninggalkan Iraq atau kekal menetap di sini, aku mengambil keputusan untuk kekal dan bekerja di sini dengan sabar dan mengharapkan ganjaran daripada Allah ﷻ. Aku yakin bahawa masih terdapat banyak daripada mereka yang merasa ragu-ragu disebabkan mereka diam dan merelakan apa yang mereka lihat dan perhatikan[1], juga daripada apa yang mereka baca daripada rujukan induk yang ada. Aku memohon kepada Allah ﷻ agar menjadikan kitab ku ini sebagai pendorong kepada mereka untuk kembali menilai diri, meninggalkan jalan kebatilan dan menempuh jalan kebenaran. Usia itu amat singkat, hujah kebenaran tidak akan menyebelahi mereka, maka tidak ada lagi ruang untuk berdolak-dalik.

[1] Daripada penyelewengan dan kesesatan. Wallahu A'lam

Alhamdulillah terdapat beberapa Sayid yang mempunyai hubungan dengan ku menyahut seruan daripada ku setelah melihat hakikat-hakikat yang ku temui. Mereka juga telah mula menyeru orang lain. Maka sama-samalah kita memohon kepada Allah ﷻ supaya membuka jalan untuk memperlihatkan kebenaran kepada manusia dan mengingatkan mereka daripada terjebak dalam kebatilan. Sesungguhnya Dia sebaik-baik tempat yang patut diminta sesuatu.

Sesungguhnya kitab ini pasti akan ditolak, didustakan serta ditohmah sebagai batil. Biarkanlah, sesungguhnya ia tidak memudaratkan ku dan aku juga telah menjangkakannya. Mungkin juga mereka akan menuduh ku tali barut Israel dan Amerika atau menuduh bahawa aku menjual agama dan jiwa raga ku demi mata benda dunia. Ini tidak mustahil dan ganjil. Sebelum ini mereka telah menuduh Al-'Allamah al-Sayid Musa al-Musawi seumpama ini juga sehinggakan As-Sayid Ali al-Ghurawi[1] pernah berkata:

"Sesungguhnya Raja Saudi Fahad bin Abd Aziz telah menundukkan hati Dr. al-Musawi dengan menawarkan seorang wanita cantik daripada keluarga Sa'ud dan menjanjikan hidup senang dengan memasukkan sejumlah wang di dalam salah sebuah bank Amerika sebagai bayaran kemasukannya dalam Mazhab Wahabi".

Kalau inilah nasib Dr. al-Musawi dengan segala tuduhan dusta, rekaan dan publisiti murahan ke atasnya, apakah pula nasib ku selepas ini dan apakah yang akan ditujukan kepada ku

---

[1] Al-Syeikh Ali Al-Ghurawi al-Tibrizi (1349-1418H). Asal Tibriz, Iran. Menamatkan pengajiannya peringkat Kajian Luar di Najaf. Mula mengajar pada tahun 1379H. Beliau dibunuh oleh rejim Sadam pada tahun 1418H.

nanti? Mungkin mereka akan mencari dan membunuh ku sebagaimana mereka membunuh orang yang menyatakan kebenaran sebelum ku. Sebagaimana diketahui mereka telah membunuh anak lelaki Maulana Ayatullah al-'Udzma al-Imam al-Sayid Abu Al-Hasan Al-Asfahani[1] Imam terbesar Syiah selepas zaman Al-Ghaibah Al-Kubra[2] sehingga sekarang. Mereka membunuh anaknya ketika beliau cuba untuk membetulkan manhaj Syiah dan membuang khurafat yang masuk ke dalamnya. Perkara tersebut tidak disenangi mereka maka mereka menyembelih anaknya bagaikan seekor kibas untuk menghalang beliau daripada berbuat demikian. Mereka juga telah membunuh al-Sayid Ahmad Al-Kisrawi[3] ketika beliau

---

[1] Ayatullah al-Udzma al-Sayyid Abu al-Hasan Muhammad Abdul Hamid al-Musawi al-Asfahani. Dilahirkan tahun 1277H @ 1284H dan meninggal tahun 1365H. Beliau antara ulama besar Syiah Imamiah.

[2] Kehilangan Imam ke 12 iaitu yang terakhir. Ia terbahagi kepada dua tempoh masa. Yang pertama dipanggil *al-sughra.* Berlanjutan daripada kematian Imam ke-11 hingga 70 tahun selepas itu. Di dalam tempoh *sughra*, Imam berhubungan dengan pengikut melalui perantaraan wakil-wakilnya. Selepas itu bermulalah zaman *al-ghaibah al-kubra*. Ia bermula selepas meninggalnya wakil Imam yang ketiga Abu al-Hasan al-Samarri. Dinamakan al-Kubra kerana kesannya yang mendalam terhadap pengikutnya atas hubungan yang terputus antara Imam dan pengikut. Atau dinamakan al-Kubra kerana tempoh hilang yang lebih lama daripada *al-Sughra* yang ada wakil Imam dalam tempoh tersebut. Adapun dalam tempoh *al-Ghaibah al-Kubra* tiada wakilnya.
Berakhir tempoh al-Ghaibah al-Kubra apabila Imam al-Mahdi yang dinanti-nantikan muncul kembali untuk memenangkan kebenaran, membawa kesejahteraan dan memenuhi dunia dengan keadilan. Masa kemunculannya pula tidak diketahui. Sesiapa yang mendakwa mengetahuinya adalah pendusta.

[3] As-Sayid Ahmad al-Katib @ Al-Kisrawi. Ahmad Mir Qasim bin Mir Ahmad al-Kisrawi. (meninggal 1324H)
Mendapat pendidikan di Iran. Penulis kitab *al-Tasyaiyu' wa al-Syi'ah.* Beliau membincangkan di dalam kitabnya perkembangan dan asas-asas Syiah Dua Belas Imam disertakan kitab-kitabnya, para imamnya dan kesan-kesan yang ditinggalkan. Kajiannya dibentangkan secara akademik dan huraian logik berserta dengan fakta sejarah. Beliau menyimpulkan bahawa mazhab Syiah ini membawa banyak risiko dan sejumlah besar perkara mungkar. Beliau

menyatakan bahawa beliau keluar bebas berlepas diri daripada penyelewengan ini. Beliau mahu membetulkan manhaj Syiah maka beliau dibunuh dan dikerat-kerat.

Ramai lagi yang menemui nasib sebegini atas sebab menolak kepercayaan-kepercayaan batil yang tercemar masuk ke dalam mazhab Syiah. Maka tidak pelik mereka akan berbuat begini ke atas ku.

Semua ini tidak penting. Cukuplah aku hanya menyatakan kebenaran, memberi nasihat dan mengingatkan saudara-saudara ku. Jika aku mahukan sesuatu daripada kesenangan hidup dunia sesungguhnya *'Mut'ah'*[1] dan *'Khumus'*[2] telah cukup untuk itu sebagaimana yang dilakukan oleh orang lain sehingga ada di antara mereka menjadi kaya dan menaiki kereta paling mewah keluaran terbaru. Alhamdulillah aku berpaling daripada semua ini semenjak aku mengetahui hakikat sebenar. Aku sekarang mencari rezeki untuk ku dan ahli

menyatakan lagi bahawa Syiah Dua Belas Imam telah menyimpang daripada kelompok Muslim dengan berdasarkan akidah dan hukum-hakam mereka.

[1] Nikah kontrak. Nikah sementara walaupun sekejap. Ia lebih menjurus kepada zina berdasarkan ciri-ciri berikut:
1) Mut'ah tak perlukan saksi.
2) Tidak wajib nafkah ke atas suami.
3) Harus menghimpunkan lebih daripada empat isteri.
4) Isteri tidak mewarisi suami.
5) Tidak perlu persetujuan bapa.
6) Tempoh kahwin boleh jadi sejam atau kurang.
7) Terfasakh akad tanpa saksi.
Lihat perbahasan berkenaan Mut'ah di dalam buku ini pada muka surat 71.

[2] Khumus ialah membayar satu per lima harta kepada golongan yang telah disebutkan di dalam Al-Quran. Ia menjadi perselisihan antara Ahli Sunnah dan Syiah. Sunnah berpendapat ia dikeluarkan daripada harta rampasan perang sahaja manakala Syiah mengatakan bahawa ia diambil daripada harta sepanjang tahun.
Lihat perbahasan berkenaan Khumus dalam buku ini pada muka surat 111.

keluarga ku dengan menceburkan diri dalam bidang perniagaan yang mulia.

Di dalam kitab ini aku membincangkan tajuk-tajuk tertentu supaya saudara-saudara ku berdiri di atas hakikat kebenaran dan ianya tidak lagi samar serta kabur dari kaca mata seorang pun daripada mereka.

Aku berniat untuk mengarang kitab-kitab lain yang membincangkan tajuk-tajuk selain ini supaya seluruh orang Islam semuanya jelas akan perkara ini dan tidak ada lagi alasan bagi mereka yang lalai atau hujah bagi mereka yang jahil.

Sesungguhnya aku yakin bahawa kitab ku ini akan diterima oleh pejuang kebenaran dan mereka ini ramai, alhamdulillah. Adapun mereka yang lebih suka kekal di dalam kesesatan agar tidak hilang kedudukan serta sirna keseronokan *Muta'h* dan kekayaan *Khumus* daripada mereka yang terdiri dari kalangan mereka yang memakai serban dan menaiki kereta Mercedes & Super maka kita tidak perlu ada perbincangan dengan mereka. Allah ﷻ akan menghitung mereka di atas apa yang mereka lakukan pada hari yang tidak bermanfaat padanya harta dan anak pinak kecuali orang yang datang kepada Allah ﷻ dengan hati yang sejahtera.

Puji dan syukur kepada Allah ﷻ yang memberi hidayah kepada kita. Tanpa hidayah-Nya kita tidak akan terpimpin ke jalan yang benar.

ABDULLAH BIN SABA’

“Abdullah bin Saba’ hanyalah khurafat dan rekaan golongan Umawi dan Abbasi kerana dengki terhadap Ahli Bait yang suci. Orang berakal sepatutnya tidak memikirkan dan mengambil endah tentangnya.”

Sayid Muhammad Al-Hussain Al-Kasyif Al-Ghito’

Terjemahan
Mohd Firdaus bin Hat

29

ABDULLAH BIN SABA’

“Abdullah bin Saba’ hanyalah khurafat dan rekaan golongan Umawi dan Abbasi kerana dengki terhadap Ahli Bait a yang suci. Orang berakal sepatutnya tidak memikirkan dan mengambil endah tentangnya.”

Sayid Muhammad Al-Hussain Al-Kasyif Al-Ghito’

Rata-rata tersebar dan diketahui umum pengikut Syiah bahawasanya Abdullah bin Saba’ ialah suatu identiti khayalan yang tidak wujud pada hakikatnya. Golongan Ahli Sunnah sengaja mereka-reka identiti ini untuk menghentam kepercayaan Syiah. Mereka menggelarnya sebagai pengasas Syiah untuk menjauhkan orang ramai daripada Syiah dan Mazhab Ahli Bait a.

Aku telah bertanya tentang Abdullah bin Saba’ kepada al-Sayid Muhammad Al-Hussain Al-Kasyif Al-Ghito’ maka beliau berkata:

"Abdullah bin Saba' hanyalah khurafat dan rekaan golongan Umawi dan Abbasi[1] kerana dengki terhadap Ahli Bait a yang suci. Orang berakal sepatutnya tidak memikirkan dan mengambil endah tentangnya."

Tetapi aku mendapati di dalam kitabnya {أصل الشيعة وأصولها} pada muka surat 40-41 dalil wujud dan adanya identiti ini. Katanya:

"Adapun Abdullah bin Saba' yang mereka kaitkannya dengan Syiah atau sebaliknya, maka kesemua kitab-kitab Syiah melaknat dan berlepas diri daripadanya…"

Tidak syak lagi ini merupakan satu kenyataan jelas berkenaan wujudnya identiti ini. Ketika aku kembali bertanya beliau berkenaan perkara ini beliau berkata:

Adapun kita berkata demikian sebagai ***Taqiyah***[2]. Kitab tersebut ditujukan kepada Ahli Sunnah. Sebab itulah aku nyatakan selepas itu:

[1] Golongan Umawi.
Mereka yang dinisbahkan kepada Umaiyah bin Abd Syams bin Abd Manaf bin Qusaiy al-Qurasyi. Mengasaskan Dinasti Umayyah selepas zaman al-Khulafa' al-Rasyidin. Khalifah pertama Umaiyah, Sayidina Mu'awiyah bin Abi Sufyan mengambil kerusi khalifah daripada Sayidina Ali melalui proses tahkim menyebabkan kemarahan Syiah.
Golongan Abbasi.
Mereka yang dinisbahkan kepada al-Abbas bin Abdul Muttalib al-Qurasyi al-Hashimi, bapa saudara Rasulullah S. Mengasaskan Dinasti Abbasiyah selepas tamatnya Dinasti Umawiyah. Dimulakan oleh Khalifah Abdullah al-Saffah bin Muhammad bin al-Imam bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas bin Abdul Muttalib.

[2] Taqiah merupakan di antara prinsip-prinsip paling penting Syiah dalam pergaulan dengan Ahli Sunnah. Taqiah ialah menyembunyikan kebenaran, iktikad dan menzahirkan apa yang bukan daripada hati. Berdasarkan kata-

"..walaupun begitu tidak mustahil anggapan mereka yang mengatakan bahawa Abdullah bin Saba' dan seumpamanya semua itu cerita khurafat yang direka-reka oleh tukang cerita."

Al-Sayid Murtadha Al-'Askari[1] telah mengarang kitabnya **"Abdullah bin Saba' dan Mitos Lain".** Beliau di dalam kitab tersebut mengingkari wujudnya Abdullah bin Saba'. Kewujudannya juga ditolak oleh As-Sayid Muhammad Jawwad Mughniah[2] dalam prakata yang ditulisnya bagi kitab tersebut.

Abdullah bin Saba' adalah salah satu sebab mengapa kebanyakan Syiah berdendam dengan Ahli Sunnah. Tidak syak

kata ulama' Syiah seperti Al Mufid, Yusuf Al Bahrani dan Al Khomeini dapat disimpulkan makna Taqiah seperti berikut:

1. Menzahirkan apa yang bukan dari hati.
2. Taqiah digunakan kepada orang yang bertentangan dengan Syiah sahaja, bukan bertaqiah dengan semua orang.
3. Taqiah hanya dalam urusan agama sahaja.
4. Taqiah hanya digunakan untuk mengelak kecelakaan pada agama, diri dan harta.

Keempat-empat makna di atas berlegar di sekitar aqidah Syiah. Lihat:
(بذل المجهود في اثبات مشابهة الرافضة لليهود , عبدالله الجميلى , مكتبة الغرباء الأثرية , المدينة المنورة)

Taqiah mempunyai kedudukan yang tinggi dan mulia di sisi Syiah. Beberapa riwayat daripada kitab-kitab muktabar Syiah menunjukkan ketinggian Taqiah dalam akidah mereka. Al-Kulaini dan selainnya meriwayatkan daripada Ja'far As Sodiq telah berkata: *"Taqiah daripada agama ku dan agama nenek moyang ku. Tidak sempurna iman sesiapa yang tidak mengamalkan Taqiah"*

[1] Al-Sayyid Murtadha al-Askari bin al-Sayyid Muhammad Ismail bin Muhammad Syarif al-Askari.(1332-1428H)

[2] al-Sayyid Muhammad Jawwad Mughniah (1322-1400H). Dilahirkan di Lubnan. Belajar dengan guru-guru di kampungnya seterusnya menamatkan pengajian di Najaf. Antara guru-gurunya Muhammad Said Fadhlullah dan Abu al-Qasim al-Khu'i. Setelah pulang beliau dilantik menjadi Hakim Syarie di Beirut kemudian Penasihat Mahkamah Syariah Tinggi.

lagi bahawa mereka yang berbicara tentang Ibnu Saba' di kalangan Ahli Sunnah tak terbilang banyaknya tetapi Syiah tidak mengguna pakai tulisan mereka kerana perselisihan antara dua pihak.

[IBNU SABA' WUJUD DI DALAM SUMBER-SUMBER MUKTABAR SYIAH]

Namun begitu jika kita membaca kitab-kitab kita yang muktabar nescaya kita akan mendapati bahawa Ibnu Saba' merupakan identiti yang pada hakikatnya wujud, sekalipun sebahagian ulama Syiah mengingkarinya. Lihat penjelasan ini:

1. **Daripada Abu Ja'far [1] a:**

(Sesungguhnya Abdullah bin Saba' mendakwa dirinya Nabi dan mengatakan bahawa Amirul Mukminin a[2] adalah Allah ﷻ. Perkara ini sampai kepada pengetahuan Amirul Mukminin a maka beliau sendiri bertanya kepada Ibnu Saba' dan dia mengakui perkara tersebut dengan katanya:

"Ya memang kamulah. Aku mendapat wahyu bahawa kamu Allah dan aku seorang Nabi".

[1] Muhammad al-Baqir. Imam ke-5 Syiah.

[2] Abu Al-Hasan Ali bin Abi Talib Al-Hashimi (23tahun sebelum H - 40H)

Sepupu Rasulullah S. Merupakan salah seorang Ahli Bait Rasulullah S, Sahabat dan Khalifah Keempat baginda. Imam pertama bagi Syiah. Dilahirkan di Makkah. Memeluk Islam sebelum Hijrah. Beliau menikahi anak perempuan Nabi, Fatimah. Diangkat menjadi Khalifah pada tahun 35 H di Madinah al-Munawwarah. Memerintah selama lima tahun tiga bulan. Meninggal dunia pada tahun 40H.

Maka Amirul Mukminin a berkata: *"Celakalah kamu! Kamu telah diperdaya syaitan. Tinggalkan perkara ini dan kembalilah bertaubat".*
Dia tetap enggan maka dia ditahan dan diminta bertaubat selama tiga hari. Ternyata selepas itu dia tidak bertaubat maka Amirul Mukminin a membakarnya dengan api dan berkata: *"Sesungguhnya syaitan telah menghasutnya. Ia mendatanginya dan melemparkan ke dalam hatinya perkara tersebut".*

Diriwayatkan oleh Abu Abdullah a[1] beliau berkata:

"Laknat Allah terhadap Abdullah bin Saba'. Dia mendakwa ketuhanan Amirul Mukminin a sedangkan Amirul Mukminin a hanya seorang hamba Tuhan yang amat patuh. Celakalah bagi sesiapa yang berdusta ke atas kami[2]. Terdapat satu golongan manusia yang mengatakan tentang kami apa yang kami sendiri tidak mengatakannya. Kami berlepas diri daripada mereka di sisi Allah."
{**معرفة أخبار الرجال** karangan Al-Kisyi muka surat 70-71}

Terdapat juga di sana riwayat-riwayat lain.

2. **Berkata al-Mamqani[3]:**

"Abdullah bin Saba' yang kembali kepada kekufuran dan menampakkan keterlaluan serta melampaui batas". Katanya lagi: *"Dia seorang pelampau yang dilaknat. Amirul*

[1] Nama jolokan bagi Ja'far al-Sodiq, Imam keenam dalam tradisi Islam Syiah.

[2] Ahli Bait a

[3] Al-Syeikh Abdullah bin al-Syeikh Muhammad Hasan bin al-Syeikh Abdullah al-Mamqani. (1290-1351H)

Mukminin a membakarnya dengan api. Dia mendakwa Ali Tuhan dan dirinya seorang Nabi".
{**تنقيح المقال في علم الرجال** : 2/183, 184}
3. **Berkata al-Naubakhti[1]:**

(Golongan al-Saba'iyyah mengatakan Ali a berhak menjadi Imam selepas Nabi s dan ia merupakan satu kewajipan daripada Allah ﷻ. Mereka itu merupakan puak Abdullah bin Saba'. Dialah antara orang yang memfitnah dan memburukkan nama Abu Bakar, Umar, Usman dan para Sahabat. Beliau berlepas diri daripada mereka dan berkata: *"Sesungguhnya Ali a yang menyuruhnya berbuat begitu"*. Maka Ali menangkap dan bertanyakan tentang kata-katanya. Dia mengakui perkara tersebut lalu Ali a mengarahkan supaya dia dibunuh, maka orang ramai berteriak: ***"Wahai Amirul Mukminin! Adakah kamu mahu membunuh orang yang menyeru kepada mencintai mu, Ahli Bait, penguasaan mu dan berlepas diri daripada musuh-musuh mu?"*** Maka beliau membuang Ibnu Saba' ke luar negeri.

Sebahagian Ahli Ilmu meriwayatkan bahawa Abdullah bin Saba' dahulunya ialah seorang Yahudi dan memeluk Islam. Dia menjadi pengikut dan penyokong Ali a. Semasa di dalam Agama Yahudi dia berkata pada Yusya' bin Nun selepas Nabi Musa a dengan ucapan sebegini. Maka di dalam Islam dia mengatakan pada Ali bin Abu Talib. Dia merupakan orang

---

[1] Al-Syeikh Abu Muhammad al-Hasan bin Musa bin al-Hasan al-Naubakhti (kurun ke 3-ke 4 Hijrah). Seorang ulama ilmu kalam, ahli falsafah yang merupakan antara ulama ilmu kalam Syiah yang besar.

pertama yang mengatakan wajibnya Ali a menjadi Imam dan berlepas diri daripada musuh-musuhnya, sebab itulah orang

yang bertentangan dengan Syiah mengatakan: Sesungguhnya asal ***al-rafdhu***[1] itu diambil daripada Yahudi.")
{**فرق الشيعة** : m/s 32-44}

4. **Berkata Sa'ad bin Abdullah al-'Asy'ari al-Qummy[2]** ketika berbicara tentang golongan al-Saba'iyyah:

(***"Al-Saba'iyyah merupakan puak Abdullah bin Saba'. Dia merupakan Abdullah bin Wahab al-Rasibi al-Hamdani. Penolongnya dalam aliran ialah Abdullah bin Khirsi dan ibnu Aswad. Mereka berdua merupakan sahabat dan pengikut baiknya. Ibnu Saba' ialah orang pertama yang memulakan***

---

[1] Jolokan yang diberikan kepada golongan Syiah bermaksud tolak atau penolakan
Dikatakan sebab penamaan dengan gelaran ini bahawa mereka mendatangi Zaid bin Ali bin Hussain dan berkata kepadanya: *"Kamu hendaklah berlepas diri daripada Abu Bakar dan Umar agar kami boleh mengikut kamu!!"* Beliau menjawab: "Mereka berdua merupakan sahabat Datuk ku Rasulullah. Aku malah mentaati dan mengikut mereka." Mereka berkata: "Jadi kami akan menolak kamu." Maka dengan sebab itulah mereka dinamakan *rafidhah.* Adapun mereka yang bersetuju dengan Zaid bin Ali dan membai'ahnya pula dipanggil Zaidiyyah.
Dikatakan juga kerana mereka menolak peletakan sandaran Imam kepada Abu Bakar dan Umar.
Dikatakan juga kerana mereka menolak agama. Tetapi pendapat ketiga ini jelas tersasar.
Sebaiknya gelaran seperti ini dijauhkan kerana ia hanya akan mengeruhkan keadaan khususnya dalam dialog Sunnah-Syiah.

[2] Abu al-Qasim; Saad bin Abdullah bin Abi Khalaf al-Asy'ari al-Qummi (kurun ke 3 – 299H). Sezaman dengan Imam Hasan al-'Askari. Berkata al-Tusi: "Saad bin Abdullah al-Qummi digelar Abu al-Qasim; tinggi kedudukannya, terkenal, banyak tulisannya, *thiqah*. Antara karangannya *Kitab al-Rahmah*."

fitnah terhadap Abu Bakar, Umar, Usman dan para Sahabat. Dia berlepas diri daripada mereka".)
{**المقالات والفرق** : m/s 20}

5. **Berkata al-Saduq[1]:**

(Berkata Amirul Mukminin a: Apabila selesai seseorang daripada solat maka angkatlah tangan ke langit dan tadahlah doa. Berkata Ibnu Saba': ***Wahai Amirul Mukminin! Bukankah Allah ﷻ berada di mana sahaja?*** Beliau berkata: ***Ya benar***. Katanya: ***Kenapa perlu seseorang mengangkat tangannya ke langit?*** Jawab beliau: ***Tidakkah kamu membaca ayat:***

﴿وَفِي ٱلسَّمَآءِ رِزۡقُكُمۡ وَمَا تُوعَدُونَ ٢٢﴾

Maksudnya: d*an di langit pula terdapat (sebab-sebab) rezeki kamu, dan juga terdapat apa yang telah (ditakdirkan dan) dijanjikan kepada kamu.*{Surah az-Zariyat: 22}

Dari mana diminta rezeki kalau bukan di tempatnya? Tempat rezeki sebagaimana yang dijanjikan oleh Allah iaitu langit."
{**من لا يحضره الفقيه** : 1/229}

6. **Ibn Abu al-Hadid[1]** telah menyebutkan bahawa; (Abdullah bin Saba' bangun di hadapan Ali a semasa beliau berkhutbah

[1] Muhammad bin Ali bin al-Hussain bin Musa bin Babawaih; Abu Ja'far yang dikenali sebagai al-Saduq (305-381H). Dilahirkan semasa awal tempoh wakil Imam ke-12 (al-Mahdi) iaitu al-Husain bin Ruh di Kota Qumm al-Muqaddasah. Membesar dalam keluarga yang terkenal dengan ilmu. Antara tulisannya kitab *Man La Yahdhuruhu al-Faqih* bagi menghimpunkan hukum-hakam Syariah. Kata-kata al-Syeikh al-Tusi memujinya: "*Al-Syeikh al-Saduq seorang yang tinggi kedudukannya; beliau hafal dan ingat hadis-hadis, celik terhadap sanadnya dan seorang pengkritik riwayat. Tiada antara ulama Qumm yang kuat ingatan dan banyak ilmu sepertinya.*" Beliau celik dalam bidang fekah, riwayat dan *rijal* (perawi-perawi).

maka dia berkata: ***"Kamu, kamu."*** Dia mengulanginya berkali-kali. Maka Ali a berkata kepadanya: ***"Celaka engkau, Siapa aku?"*** Katanya: ***"Kamu Allah"***. Maka beliau mengarahkan supaya dia ditangkap bersama dengan golongan yang sependapat dengannya.)
{**شرح نهج البلاغة** : 5/5}

7. **Berkata al-Sayid Ni'matullah al-Jazairi**[2]:

(Berkata Abdullah bin Saba' kepada Ali a: ***Kamulah Tuhan sebenarnya***. Maka Ali a membuangnya ke luar negeri. Dikatakan bahawa dia dahulu seorang Yahudi kemudian memeluk Islam. Ketika di dalam Yahudi dia mengatakan kepada Yusya' bin Nun dan Musa a apa yang dikatakannya kepada Ali a.)
{**الأنوار النعمانية** : 2/234}

Tujuh nas ini dipetik daripada pelbagai sumber rujukan muktabar dan sebahagiannya membicarakan perihal ***Rijal***[3] dan sebahagian lain mengenai fikah dan aliran kumpulan[4]. Banyak lagi petikan daripada sumber lain yang banyak kami tinggalkan agar tidak melalut panjang. **Semua sumber-sumber ini mengukuhkan kewujudan identiti Abdullah bin Saba'**.

[1] Abdul Hamid bin Hibatullah bin Muhammad bin al-Husain bin Abi al-Hadid; Abu Hamid; Izzuddin (meninggal 656H)

[2] Al-Sayyid Ni'matullah bin al-Sayyid Abdullah bin al-Sayyid Muhammad al-Musawi al-Jazairi (1050-1112H). Dilahirkan di sebuah kampung di Basrah, Iraq. Antara gurunya Husain al-Khunsari yang digelar al-Muhaqqiq al-Khunsari dan al-Syeikh Muhammad Baqir al-Majlisi dikenal sebagai al-'Allamah al-Majlisi.

[3] Kitab-kitab yang membincangkan perihal perawi-perawi secara khusus.

[4] Kitab-kitab yang menerangkan berkenaan perpecahan umat dan perihal setiap aliran.

Maka dengan itu kita tidak lagi boleh selepas ini menafikannya apatah lagi Amirul Mukminin a sendiri telah mengenakan hukuman ke atas Ibnu Saba' terhadap katanya bahawa Amirul Mukminin a itu Tuhan. Ini bermakna Amirul Mukminin a pernah bertemu dengan Abdullah bin Saba'. Cukuplah dengan Amirul Mukminin a sebagai hujah maka tidak boleh selepas ini untuk mengingkari kewujudannya.

Kita dapati daripada petikan-petikan yang lalu beberapa fakta berikut:

1. Secara pasti wujudnya identiti Abdullah bin Saba' dan juga kumpulan yang menyokongnya serta menyebarkan diayahnya. Kumpulan ini dikenali dengan *Al-Saba'iyyah*.

2. Ibnu Saba' ini dahulunya merupakan seorang Yahudi maka selepas itu menampakkan keislamannya. Walaupun dia telah memeluk Islam namun hakikatnya masih kekal dalam agama Yahudi. Dia mula menyebarkan racun melalui jalan tersebut.

3. Dialah yang membuat fitnah terhadap Abu Bakar, Umar, Usman dan para Sahabat ﷺ. Dia merupakan orang pertama yang memulakannya. Dia juga adalah orang pertama mengatakan berkenaan hak Amirul Mukminin a menjadi Imam dan mengatakan bahawa Amirul Mukminin a adalah pewaris wasiat Nabi s. Kata-kata seperti ini dia ceduk daripada agama Yahudi. Semua ini dibuat sebagai tanda kasih kepada Ahli Bait a, seruan kepada penguasaan mereka dan berlepas diri daripada musuh-musuh mereka yang merupakan para Sahabat dan sesiapa yang mengikut mereka.

Kesimpulannya; Identiti Abdullah bin Saba' merupakan hakikat yang tidak boleh diketepikan atau diingkari. Sebab itu termaktub tentang dirinya dan berkenaan kewujudannya di dalam kitab-kitab sumber rujukan kita yang muktabar. Sebagai maklumat tambahan sila lihat rujukan berikut:

- "**الغارات**"karangan al-Tsaqafi.
- "**الرجال**" , "**رجال الطوسي**" karangan al-Hilli.
- "**قاموس الرجال**" karangan al-Tusturi.
- "**دائرة المعارف**" yang dinamakan "**مقتبس الأثر**", karangan al-'Alami al-Hai'ri.
- "**الكنى والألقاب**" karangan Abbas al-Qimmi.
- "**حل الإشكال**" karangan Ahmad Tawuus meninggal tahun 673 H.
- "**الرجال**" karangan Ibnu Daud.
- "**التحرير**" karangan Al-Tawuusi.
- "**مجمع الرجال**" karangan Al-Qahba'i.
- "**نقد الرجال**" karangan Al-Tafrisyi.
- "**جامع الرواة**" karangan Al-Maqdisi al-ArdAbuli.
- "**مناقب آل أبي طالب**" karangan Ibnu Shahrin Asywab.
- "**مرآة الأنوار**" karangan Muhammad bin Tahir al-'Amili.

Kesemua ini sebagai contoh sahaja bukan merangkumi seluruhnya yang melebihi 20 sumber rujukan kita yang kesemuanya menyatakan kewujudan Ibnu Saba'. Namun begitu yang teramat peliknya ada Fuqaha' kita seperti al-Murtadha al-'Askari, al-Sayid Muhammad Jawwad Mughniah dan lain-lain

lagi yang menafikan wujudnya identiti ini. Maka tidak syak lagi bahawa kata-kata mereka langsung tidak benar.

HAKIKAT SANDARAN SYIAH KEPADA AHLI BAIT a

“Sesungguhnya mereka itu menangisi kami tetapi siapakah yang membunuh kami kalau bukan mereka?”

Al-Imam Zainal Abidin a

Sesungguhnya tersebar dan dimaklumi rata-rata Syiah bahawa istimewanya kita dengan Ahli Bait a. Mazhab Syiah semuanya berdiri di atas kecintaan kepada Ahli Bait a mengikut pandangan kita. Sebab itulah tata hubungan kita dengan orang awam iaitu Ahli Sunnah dari segi ***Wala'***[1] dan ***Bara'***[2] berbeza disebabkan Ahli Bait a. Kita berlepas diri daripada para Sahabat terutamanya tiga Khalifah yang pertama dan Aisyah binti Abu

[1] Erti wala' ialah kecintaan seorang hamba terhadap Tuhan dan Nabi dengan mengikuti perintah dan menjauhi larangan dan mencintai para *wali*nya daripada orang-orang yang beriman dengan saling membantu.

[2] Bara' pula memutuskan hubungan dengan orang-orang kafir. Dengan demikian dia tidak mencintai mereka, tidak tolong-menolong dengan mereka dan tidak tinggal di negara mereka.

Bakar dengan sebab pendirian mereka[1] terhadap Ahli Bait a. Terpasak di dalam minda Syiah semuanya tak kira kecil besar, tua muda, alim jahil, lelaki perempuan bahawasanya para Sahabat menzalimi Ahli Bait a, menumpahkan darah mereka dan mencemarkan maruah mereka.

Ahli Sunnah juga memusuhi Ahli Bait a sebab itulah kita tidak teragak-agak untuk menamakan mereka ***al-Nawasib***[2]. Kita senantiasa mengingati darah Al-Husain a yang mati syahid.

Namun begitu kitab-kitab rujukan muktabar kita menerangkan hakikat sebaliknya. Tersebut di dalamnya keluhan dan kemarahan Ahli Bait a kepada penyokong mereka 'Syiah'. Tersebut juga di dalamnya apa yang diperlakukan Syiah terdahulu terhadap Ahli Bait a, siapa yang menumpahkan darah Ahli Bait a, siapa yang menyebabkan terbunuhnya mereka dan siapa yang mencemarkan maruah mereka.

[KELUHAN AHLI BAIT TERHADAP SYIAH]

Berkata Amirul Mukminin a:

---

1 Syiah menganggap bahawa tiga Khalifah yang pertama; Abu Bakar, Umar, Usman dan para Sahabat yang lain bersekongkol merampas kerusi Khilafah daripada Ali yang menurut Syiah beliau lebih berhak menyandangnya selepas Rasulullah S berdasarkan wasiat. Manakala Aisyah pula dikatakan terlibat dalam memusuhi Amirul Mukminin Ali bin Abi Talib.

2 Kata jamak kepada al-Nasibah bermaksud sesiapa yang bermusuh dengan Ali dan Ahli Bait a. Gelaran ini ditujukan kepada Ahli Sunnah yang pada tanggapan Syiah memusuhi Ali dan Ahli Bait a. Seeloknya gelaran seperti ini dijauhkan kerana ia hanya akan mengeruhkan keadaan khususnya dalam dialog Sunni-Syiah.

"Kalau aku kenal pengikut dan penyokong ku nescaya aku hanya akan mendapati semua mereka adalah golongan yang menyifatkan Allah[1], kalau aku menguji mereka nescaya aku akan mendapati mereka akan murtad dan jika aku saring mereka nescaya tiada seorang pun yang akan lepas."
{**الكافي/ الروضة** : 8/338}

Berkata Amirul Mukminin a:

"Wahai yang seakan-akan lelaki padahal bukan lelaki, kanak-kanak mentah, akal seperti suri rumah yang tidak pernah meninggalkan rumah. Alangkah baiknya jika aku tidak berjumpa dan mengenali kalian sehingga membawa ku kepada penyesalan dan menyebabkan musibah. Moga Allah memerangi kamu semua. Sesungguhnya kamu telah melukakan hati ku hingga penuh bernanah, membakar kemarahan ku. Kalian menjadikan nafas ku tersekat, menyanggah pendapat ku dan mengecewakan ku sehingga Quraisy mengatakan: Sesungguhnya Ibnu Abu Talib seorang lelaki yang berani tetapi tidak mengetahui tentang selok-belok peperangan. Tidak guna arahan bagi orang yang tidak ditaati."
{**نهج البلاغة** :m/s 70-71}

Beliau berkata lagi kepada mereka dengan nada kutukan:

"Aku diuji dengan kamu sekalian dengan tiga perkara dan dua benda; Pekak tetapi mempunyai pendengaran, bisu

---

1 Iaitu mereka yang menyifatkan Allah taala dengan sifat-sifat makhluk; seperti mengatakan Tuhan menyerupai manusia walaupun pada satu aspek.

tetapi boleh berkata-kata, buta tetapi boleh melihat. Tidak ada yang jujur apabila bertemu dan tiada orang yang boleh dipercayai ketika ujian..kamu telah keluar meninggalkan Ibnu Abu Talib sebagaimana bayi keluar meninggalkan perut ibunya"
{**نهج البلاغة** : m/s 142}

Amirul Mukminin a berkata begini kepada mereka kerana mereka mengecewakan dan mengkhianati beliau. Masih banyak kata-kata beliau mengenai mereka.

Berkata Al-Imam Al-Husin[1] a ketika mendoakan ke atas pengikutnya (Syiah):

"Ya Allah kalaulah Engkau mengekalkan mereka hingga suatu ketika, maka pecah belah kan mereka, jadikan mereka berbagai puak yang berlainan dan jangan jadikan penguasa berasa senang dengan mereka. Sesungguhnya mereka telah menyeru kami supaya membantu kami kemudian memusuhi dan membunuh kami."
{**الإرشاد المفيد** : 241}

Pernah sekali lagi beliau berucap dan mendoakan ke atas mereka. Antara yang disebut:

[1] **Husin bin 'Alī bin Abī Thālib** (626 – 680) adalah anak kedua dari sepupu Muhammad S, Ali bin Abi Thalib yang menikah dengan anak Muhammad S, Fatimah az-Zahra. Husain merupakan Imam ketiga bagi kebanyakan Syiah, dan Imam kedua bagi yang lain. Ia dihormati oleh Sunni karena ia merupakan Ahlul Bait.
Dia terbunuh sebagai syahid pada Pertempuran Karbala tahun 680 Masihi. Perayaan kesyahidannya disebut sebagai Hari Asyura dan pada hari itu kaum Muslim Syiah bersedih.

"Tetapi kamu gopoh berbaiah[1] kami beramai-ramai seperti binatang yang merayap dan tercicir satu-persatu bagai kupu-kupu terbakar mengelilingi api. Kemudian kamu melanggar dan membatalkan baiah itu. Maka bodohlah, jauhlah dan celakalah bagi pelampau-pelampau di kalangan umat ini; tinggalan al-Ahzab dan pelempar al-Kitab. Kemudian kamu lemah dan kecewa lalu membunuh kami. Ingatlah laknat Allah ke atas mereka yang zalim."
{**الاحتجاج** : 2/24}

Petikan nas-nas ini menerangkan kepada kita siapakah pembunuh-pembunuh Al-Husain a yang sebenar. Mereka itulah penyokongnya (Syiah) dari penduduk Kufah iaitu nenek moyang kita. Maka kenapakah kita meletakkan kesalahan terbunuhnya Al-Husain a ke atas Ahli Sunnah?

Sebab itulah al-Sayid Muhsin al-Amin[2] mengatakan:

"Sebanyak 20 ribu penduduk Iraq membaiah Al-Husain. Mereka itulah yang mengkhianati dan memberontak ke atasnya sedangkan mereka telah membaiah dengannya serta membunuhnya."

[1] Sumpah menyatakan taat setia terhadap Imam atau Khalifah.

[2] Al-Sayyid Abu Muhammad Baqir, Muhsin bin al-Sayyid Abdul Karim bin al-Sayyid Ali al-Amin al-'Amil (1284-1371H). Dilahirkan di Kampung Syaqra', selatan Lubnan. Selepas menghabiskan pengajian peringkat pertama, beliau menyambung peringkat kedua dan ketiga di Iraq. Beliau pulang ke Syiria selepas tamat pengajian untuk membimbing kaumnya. Antara guru beliau al-Syeikh Fathullah al-Asfahani dikenali sebagai Syeikh al-Syariah; dan al-Syeikh Muhammad Kadzim al-Khurasani. Beliau merupakan seorang pejuang menentang penjajahan Perancis.

{أعيان الشيعة/القسم الأول : m/s 34}

Berkata Al-Hasan[1] a:

"Demi Allah aku mendapati Mu'awiyah lebih baik terhadap ku daripada mereka yang menganggap diri mereka sebagai penyokong ku dalam keadaan mereka hanya mahu membunuh ku dan mengambil harta ku. Demi Allah, lebih baik aku mendapatkan daripada Mu'awiyah sesuatu yang menghalang darah ku dari ditumpahkan dan dengannya keluarga ku aman daripada membiarkan mereka membunuh ku dan keluarga ku akan tersia-sia. Demi Allah, jika aku memerangi Muawiyah nescaya mereka akan membelenggu ku sehingga aku menyerah diri kepada Muawiyah. Demi Allah jika aku menyerah diri kepada Muawiyah dengan secara bermaruah lebih baik dari aku dibunuh oleh Muawiyah dalam keadaan aku telah menjadi tawanan"

{الاحتجاج : 2/12}

[1] Abu Muhammad; al-Hasan bin Ali bin Abi Talib (3-50H). Beliau merupakan cucu kepada Rasulullah S daripada anak Baginda, Fatimah al-Zahra'. Imam kedua dalam kepercayaan Syiah Imamiah. Menerima pelantikan sebagai Khalifah selepas ayahnya dalam tempoh 6 bulan sahaja atau melalui riwayat lain 8 bulan. Cucu Rasulullah S ini setelah itu berdamai dan menyerahkan pemerintahan sepenuhnya kepada Mu'awiyah bin Abi Sufyan demi kebaikan orang Islam; mengelakkan perpecahan dan pertumpahan darah antara kaum Muslimin seterusnya menamatkan fitnah besar. Tahun perdamaian dan penyatuan tersebut dinamakan *'Aam al-Jamaah* bermaksud Tahun kesatuan.

Berkata Al-Imam Zainal Abidin[1] a kepada Ahli Kufah:

"Adakah kamu semua mengetahui bahawa kamu telah menulis kepada ayah ku dan menipunya. Kamu mengikat janji setia kepadanya kemudian kamu memerangi dan mengecewakannya.. Bagaimana kamu akan memandang Rasulullah S dalam keadaan Baginda akan bersabda kepada kamu: Kamu semua telah memerangi kaum keluarga ku dan mencemarkan kehormatan ku maka kamu semua bukanlah daripada umat ku."

{الاحتجاج : 2/32}

Beliau juga mengatakan tentang mereka:

"Sesungguhnya mereka itu menangisi kami tetapi siapakah yang membunuh kami kalau bukan mereka?"

(الاحتجاج : 2/29)

[1] **Ali bin Husin** (658-713) adalah imam ke-4 dalam tradisi Syiah. Beliau anak kepada Husin bin Ali dan cicit Nabi Muhammad. Beliau dikenali oleh Syiah dengan jolokan Zainal Abidin karena kemuliaan peribadi dan ketakwaannya dan As-Sajjad sebagai tanda "orang yang terus melakukan sujud dalam ibadahnya". Beliau juga dipanggil dengan nama Abu Muhammad.

Berkata Al-Baqir[1] a:

"Jika semua manusia menjadi pengikut kami, nescaya tiga perempat daripada mereka ragu-ragu dengan kami dan satu pertiga lagi mereka yang bodoh."
{**رجال الكشي** : m/s 79}

Berkata Al-Sodiq[2] a:

"Demi Allah jika aku mendapati dari kalangan kamu tiga orang beriman yang boleh menyimpan rahsia nescaya aku tidak menghalalkan diri ku menyembunyikan rahsia daripada mereka."
{ **أصول الكافي** : 1/496}

Berkata Fatimah al-Sughra[3] a di dalam khutbahnya berkenaan Ahli Kufah:

[1] **Muhammad al-Baqir** bin **Ali** bin **Husain** (676–743 M), adalah Imam ke-5 dalam tradisi Islam Syiah. Dia lahir pada tanggal 1 Rejab 57 Hijriah, di Madinah.

[2] **Ja'far ash-Shadiq**, nama lengkapnya adalah Ja'far bin Muhammad bin Ali bin Husain bin Ali bin Abu Thalib, adalah Imam ke-6 dalam tradisi Islam Syiah. Dia lahir di Madinah pada tanggal 17 Rabiul Awwal 83 Hijriah / 20 April 702 Masihi (M), dan meninggal pada tanggal 25 Syawal 148 Hijriah / 13 Disember 765 M. Ja'far yang juga dikenal dengan jolokan Abu Abdullah. Dimakamkan di Perkuburan Baqi', Madinah. Dia merupakan ahli ilmu agama dan ahli hukum Islam (fekah). Aturan-aturan yang dikeluarkannya menjadi dasar utama bagi mazhab Ja'fari atau Dua Belas Imam; dia dihormati dan menjadi guru bagi kalangan Sunni kerana riwayat yang menyatakan bahawa dia menjadi guru bagi Abu Hanifah (pengasas Mazhab Hanafi) dan Malik bin Anas (pengasas Mazhab Maliki). Perbezaan tentang siapa yang menjadi Imam setelahnya menjadikan mazhab Ismailiyah berbeza pandangan dengan mazhab Dua Belas Imam

[3] Fatimah bt Hussain bin Ali bin Abi Talib

"Wahai Ahli Kufah! Wahai pengkhianat, penipu licik dan bongkak. Sesungguhnya kami Ahli Bait a telah diuji oleh Allah ﷻ dengan kamu dan Dia menguji kamu dengan kami. Maka Allah ﷻ menjadikan ujian kami sebagai pahala…kamu mengkafirkan dan mendustakan kami. Kamu berpendapat bahawa memerangi kami itu halal dan harta kami boleh diambil begitu saja.. sebagaimana kamu telah membunuh datuk kami sebelum ini. Pedang-pedang kamu menitiskan darah kami Ahli Bait a.

Celakalah kamu! Tunggulah laknat dan azab seolah-olah ianya telah turun kepada kamu.. Kamu akan kekal lama di dalam azab yang pedih pada Hari Kiamat dengan perbuatan zalim kamu terhadap kami. Ingatlah laknat Allah ke atas orang yang zalim.

Celakalah kamu Ahli Kufah! Betapa banyak hadis-hadis Rasulullah s yang aku bacakan di sisi kamu. Kemudian kamu telah mengkhianati saudara sepupunya Ali bin Abu Talib, datuk ku serta anak-anaknya dan kaum keluarganya yang suci".

Maka seorang Ahli Kufah membalas kepada kami dengan bangga mengatakan:

نَحْنُ قَتَلْنَا عَلِيًّا وَبَنِي عَلِيٍّ # بِسُيُوْفِ هِنْدِيَّةٍ وَ رِمَاحِ
وَسَبَيْنَا نِسَاءَهُمْ سَبْيَ تُرْكٍ # وَنَطَحْنَاهُمْ فَأَيُّ نِطَاحِ

Kami telah membunuh Ali dan keturunannya #
Dengan pedang India dan tombak-tombak.

Kami telah menawan wanita-wanita mereka sebagaimana tawanan Rom #
Dan kami menentang mereka dengan penentangan yang tidak mampu dibahasakan.
(**الاحتجاج** : 2/28)

Berkata Zainab[1] binti Amirul Mukminin a kepada ahli Kufah secara mencela dan mengutuk mereka:

"Wahai ahli Kufah! Wahai pengkhianat licik, penipu dan mereka yang hina. Perumpamaan kalian ibarat wanita yang mengurai kembali simpulan benangnya setelah simpulan itu menjadi kuat[2]. Apakah kalian masih mahu bercakap besar, merasa ujub, suka mendengar kebaikan mengenai diri sendiri dan berdusta...apakah kalian meratapi akan saudara ku?! Ya, demi Allah. Menangislah sebanyak-banyaknya dan kurangkan ketawa. Sesungguhnya kalian telah ditimpa dengan perkara yang memalukan..dan bagaimana kalian mengharuskan perbuatan membunuh keturunan Penutup para Nabi"
{**الاحتجاج** : 2/29-30}

[1]Zainab bt Ali daripada ibunya Fatimah al-Zahra' bt Rasulullah S. Beliau digelar Zainab al-Kubra

[2] Adaptasi daripada Al-Quran surah al-Nahl ayat 92. Ia merupakan perumpamaan (tashbih tamsil) bagi mereka yang membuat perjanjian kemudian membatalkan dan meleraikannya.

Kita mendapati daripada petikan nas-nas tersebut beberapa fakta seperti berikut:

1. Kebosanan, kegelisahan dan kejemuan Amirul Mukminin a dan zuriatnya terhadap pengikut-pengikut mereka iaitu Ahli Kufah kerana perbuatan khianat mereka, penipuan dan mengecewakan.
2. Kelemahan Ahli Kufah serta pengkhianatan mereka menyebabkan terbunuhnya Ahli Bait a dan kehormatan mereka dicemari.
3. Sesungguhnya Ahli Bait a meletakkan kesalahan dan tanggungjawab pembunuhan Al-Husain a dan mereka yang bersamanya ke atas pengikut-pengikut mereka (Syiah). Salah seorang daripada mereka telah mengakui dengan kata balas kepada Fatimah Al-Sughra a bahawa merekalah yang membunuh Ali a dan anak-anaknya dan menawan wanita-wanita mereka sepertimana yang telah dijelaskan.
4. Sesungguhnya Ahli Bait a mendoakan keburukan ke atas pengikut-pengikut mereka dan menyifatkan mereka sebagai pelampau umat ini, tinggalan Al-Ahzab dan pelempar al-Kitab. Kemudian mereka menambahkan ke atas doa itu dengan kata mereka: Ingatlah laknat Allah ke atas orang yang zalim. Dengan sebab inilah mereka pergi bertemu Abu Abdullah a dan berkata kepadanya:

"Sesungguhnya kami telah diberi nama jolokan yang membebankan kami, hati kami tidak puas dengannya dan menyebabkan penguasa menghalalkan darah kami" dalam satu hadis yang diriwayatkan kepada mereka oleh Fuqaha' mereka. Maka

Abu Abdullah a mengatakan: Apakah kamu maksudkan gelaran *al-Rafidhah?* Mereka menjawab: Ya. Maka beliau berkata: Demi Allah! Bukan mereka yang menamakan kamu dengannya… tetapi Allah yang menamakan kamu begitu"
{الكافي : 5/34}

Abu Abdullah a menjelaskan bahawa Allah yang menamakan mereka *al-Rafidhah* bukannya Ahli Sunnah.

Aku telah membaca petikan nas-nas ini berulang kali dan memerah fikiran mengenainya. Aku meletakkannya di dalam fail khas dan berjaga malam bagi menelitinya dan nas-nas lain yang berganda-ganda banyaknya. Maka aku tidak dapat mengawal diri untuk mengatakan dengan suara yang lantang: Moga Allah membantu kamu sekalian wahai Ahli Bait a di atas apa yang menimpa kamu daripada pengikut-pengikut kamu.

[RASULULLAH & AHLI BAIT DISAKITI OLEH SYIAH]

Kita semua mengetahui apa yang telah menimpa nabi-nabi Allah dan Rasul-rasul-Nya daripada perbuatan menyakitkan yang dilakukan oleh kaum mereka sendiri serta apa yang dirasai oleh Nabi kita s. Tetapi aku takjub dengan dua perkara; Nabi Musa a yang sabar dengan karenah Bani Israel. Kita mendapati al-Quran menyebut tentang Musa a dan Bani Israel lebih banyak daripada yang lain. Al-Quran juga menceritakan kesabaran Nabi Musa a terhadap tingkah laku Bani Israel yang menyakitkan, perangai mengelak diri, jerat-jerat mereka dan hati busuk mereka.

Aku juga takjub dengan Ahli Bait a atas kesabaran mereka terhadap banyaknya perbuatan menyakitkan daripada Ahli Kufah dan perbuatan khianat mereka. Ahli Kufah membunuh dan merampas harta-harta Ahli Bait a. Namun Ahli Bait a tetap bersabar di atas semua ini. Tetapi yang peliknya kita melemparkan tuduhan dan celaan kepada Ahli Sunnah dan mengatakan merekalah yang bertanggungjawab!

Apabila membaca kitab-kitab kita yang muktabar kita akan mendapati perkara yang lebih pelik dan menakjubkan. Kemungkinan seorang pun tidak akan mempercayai bahawa kitab-kitab kita sekalian Syiah -memfitnah dan memburukkan Ahli Bait a serta Nabi s sendiri-.

Lihat penjelasan ini (berhubung dengan Nabi s):

[1] Daripada Amirul Mukminin a bahawa 'Ufair iaitu keldai Rasulullah s berkata kepada baginda: Ku tebus diri mu dengan ibu bapa ku wahai Rasulullah! Sesungguhnya bapa ku meriwayatkan kepada ku daripada bapanya daripada datuknya daripada moyangnya: "Bahawa dia bersama Nuh a di dalam kapal. Maka Nabi Nuh a datang kepadanya dan mengusap atas punggungnya kemudian berkata: Akan keluar daripada keturunan keldai ini seekor keldai yang akan ditunggang oleh Penghulu dan Penutup Sekalian Nabi. Maka syukur kepada Allah yang menjadikan ku keldai tersebut.
{أصول الكافي : 1/237}

Riwayat ini menerangkan kepada kita perkara berikut:

1. Keldai bercakap!

2. Keldai berbicara kepada Rasulullah S dengan katanya: ***"Ku tebus diri mu wahai Rasulullah dengan ibu bapa ku!"*** sedangkan kaum Musliminlah yang menebus Rasulullah S dengan ibu bapa mereka bukannya keldai.
3. Keldai berkata: ***"Bapa ku meriwayatkan kepada ku daripada datuk yang keempat!"*** sedangkan antara Nabi Nuh a dan Nabi Muhammad S terpisah ribuan tahun. Bagaimana Keldai Rasulullah S boleh mengatakan datuknya yang keempat ada bersama Nuh a di dalam kapal. Pernah sekali kami membaca " **أصول الكافي**" bersama sebahagian penuntut Al-Hauzah Al-Ilmiah di Najaf bergurukan Al-Imam Al-Khu'i dan beliau mengatakan:

"Lihatlah mukjizat ini. Nuh a memberitahu tentang Muhammad S dan kenabiannya sebelum kelahiran baginda sejak ribuan tahun yang lampau."

Kata-kata Al-Imam Al-Khu'i masih kekal terngiang-ngiang seketika dan aku membisikkan di dalam hati bagaimana boleh dikatakan mukjizat sedangkan keldai berkata kepada Rasulullah S: *"Ku tebus diri mu wahai Rasulullah dengan ibu bapa ku!"* Dan bagaimana pula Amirul Mukminin a boleh menukilkan riwayat sebegini!?

Akan tetapi aku senyap tidak bersuara sebagaimana mereka yang lain menutup mulut tidak berkata apa-apa dari kalangan pendengar.

[2] Al-Saduq a meriwayatkan daripada al-Ridha[1] a dalam mentafsirkan firman Allah Taala:

﴿وَإِذْ تَقُولُ لِلَّذِىٓ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَأَنْعَمْتَ عَلَيْهِ أَمْسِكْ عَلَيْكَ زَوْجَكَ وَٱتَّقِ ٱللَّهَ وَتُخْفِى فِى نَفْسِكَ مَا ٱللَّهُ مُبْدِيهِ﴾

Maksudnya: *dan (ingatlah Wahai Muhammad) ketika Engkau berkata kepada orang yang telah dikurniakan oleh Allah (dengan nikmat Islam) dan yang Engkau juga telah berbuat baik kepadanya: "Jangan ceraikan isteri mu itu dan bertakwalah kepada Allah", sambil engkau menyembunyikan dalam hati mu perkara yang Allah akan menyatakannya;* {al-Ahzab: 37}

Berkata al-Ridha a mentafsirkan ayat ini:

"Sesungguhnya Rasulullah S pergi ke rumah Zaid bin Haritsah kerana suatu urusan, maka Rasulullah S terlihat isteri Zaid iaitu Zainab sedang mandi. Rasulullah S berkata kepadanya: Maha suci Allah yang menciptakan mu."
{**عيون أخبار الرضا** : m/s 112}

Adakah Rasulullah S melihat kepada isteri seorang Muslim, bersyahwat dan kagum padanya kemudian berkata kepadanya "Maha suci Allah yang menciptakan mu!?" Tidakkah ini merupakan satu fitnah dan tohmahan terhadap Rasulullah S!?

[3] "Daripada Amirul Mukminin a bahawa beliau menemui Rasulullah S yang bersama Abu Bakar dan Umar. Aku

[1] **Imām ʿAlī bin-Mūsā ar-Riđhā**: (lahir 1 Januari 766 - 26 Mei 818) adalah Imam ke-8 dalam tradisi Syi'ah Dua Belas Imam. Dalam Bahasa Parsi, dia sering dipanggil dengan nama Imam Reza.

duduk di antara Rasulullah s dan Aisyah. Maka Aisyah berkata: Adakah tidak ada tempat lain untuk kamu duduk selain daripada antara paha ku dan paha Rasulullah s? Kata baginda: Diam wahai Aisyah!."
{البرهان في تفسير القرآن : 4/225 j 4}

[4] "Beliau (Amirul Mukminin) menemui baginda di ketika yang lain dan tidak menjumpai tempat duduk maka Rasulullah s menunjukkan kepadanya dengan kata baginda: Di sini –iaitu di belakang baginda- sedangkan Aisyah berdiri di belakang baginda dilitupi pakaian. Ali a datang dan duduk di antara Rasulullah s dan Aisyah. Maka Aisyah berkata dalam keadaan marah: ***"Adakah tidak ada tempat lain bagi punggung mu selain riba ku?"*** Maka Rasulullah s marah dan bersabda: ***Wahai Humaira'![1] Jangan melukakan ku dengan menyakiti sepupu ku."***
{كتاب سليم بن قيس : m/s 179}

[5] Al-Majlisi[2] meriwayatkan bahawa Amirul Mukminin a berkata:

"Aku bermusafir bersama Rasulullah s dan tidak ada khadam untuk baginda kecuali ku. Baginda mempunyai hanya satu selimut dan Aisyah ada bersama baginda. Rasulullah s tidur di antara ku dan Aisyah di dalam satu

[1] Gelaran kepada Ummul Mukminin Aisyah bt Abu Bakar al-Siddiq

[2] Al-Syeikh Muhammad Baqir bin al-Syeikh Muhammad Taqi al-Majlisi (1037-1111H). Berketurunan Ahmad bin Abdullah yang dikenal sebagai al-Hafiz Abu Nu'aim; penulis kitab *Hilyatul Auliya' fi Tabaqat al-Asfiya'*.
Berkata al-Syeikh al-Hurr al-'Amili dalam kitab *Amal al-Aamal* memujinya: Seorang yang alim, punyai kelebihan, mahir, seorang pentahkik, mendalam dan menghalusi, amat berilmu, amat faham, fakih, seorang ahli ilmu Kalam, muhaddis, tsiqah tsiqah, terkumpul padanya kebaikan dan kelebihan yang banyak, tinggi nilainya dan mulia.

selimut tadi. Tidak ada untuk kami bertiga selimut lain. Apabila baginda bangun solat malam baginda meletakkan tangannya di tengah-tengah selimut antara ku dan Aisyah dan menekan hingga tengah selimut mencecah hamparan di bawah kami."
{بحارالأنوار : 40/2}

Apakah Rasulullah s rela membiarkan seseorang duduk di atas riba Aisyah isterinya? Tidakkah Rasulullah s cemburu terhadap isteri dan teman hidupnya apabila membiarkannya tidur di atas satu hamparan bersama sepupunya yang bukan mahram? Kemudian bagaimana mungkin Amirul Mukminin a sanggup berbuat demikian!?

[6] Berkata al-Sayid Ali Ghurawi iaitu salah seorang ulama besar di Al-Hauzah Al-Ilmiah:

"Sesungguhnya Nabi s tidak dapat tidak kemaluannya akan masuk ke neraka kerana pernah bersama sebahagian perempuan musyrik." Bermaksud pernikahan baginda dengan Aisyah[1] dan Hafsah[2]."

Ini sebagaimana diketahui merupakan perbuatan memburukkan Nabi s kerana jikalaulah kemaluan Nabi s masuk neraka, maka tidak akan ada seorang pun yang akan masuk ke syurga.

[1] Anak kepada Abu Bakar al-Siddiq, Khalifah pertama yang ditolak oleh golongan Syiah

[2] Anak kepada Umar bin al-Khattab, Khalifah kedua yang ditolak oleh golongan Syiah.

Cukuplah dengan enam riwayat ini yang berhubung kait dengan Rasulullah s dan aku akan bawakan riwayat berhubung dengan yang lain pula.

[BERHUBUNG DENGAN AMIRUL MUKMININ]

Mereka telah membawa beberapa riwayat berkenaan Amirul Mukminin a dan ini sebahagiannya:

[1] Abu Abdullah a meriwayatkan dengan katanya:

"Dibawa kepada Umar seorang perempuan yang telah jatuh hati dengan seorang lelaki Ansar yang dicintainya. Wanita tersebut mengambil sebiji telur dan menuangkan putih telur ke atas pakaian dan celah pahanya. Lalu Ali a melihat pada celah paha perempuan tadi dan menuduhnya berzina."
{**بحارالأنوار** : 40/303}

Kita tertanya-tanya adakah Amirul Mukminin a melihat celah paha seorang perempuan asing? Bolehkan diterima akal Al-Imam Al-Sodiq a menukilkan cerita ini? Adakah seseorang yang mencintai Ahli Bait a sanggup mengatakan sebegini?

[2] Abu Abdullah a meriwayatkan dengan katanya:

"Berdiri seorang perempuan yang jelik menghadap Amirul Mukminin a yang berada di atas mimbar seraya berkata: Inilah pembunuh golongan yang dicintai. Maka beliau melihat kepadanya dan berkata:

Wahai perempuan cabul, perempuan berani semberono, mulut busuk, tomboy, perempuan yang tidak pernah didatangi haid sebagaimana wanita lainnya. Wahai engkau yang pada ku di sini terdapat sesuatu yang tergantung[1]."
{**بحارالأنوار** : 41/293}

Adakah Amirul Mukminin a sanggup melafazkan kata-kata kotor sebegini? Adakah beliau berbicara dengan seorang perempuan dengan katanya "...di sini terdapat sesuatu yang tergantung". Adakah al-Sodiq a sanggup menukilkan kalam yang sebegini batil? Jikalaulah riwayat-riwayat ini tertulis di dalam kitab-kitab Ahli Sunnah nescaya kita akan menjajakan ke serata dunia dan tidak membiarkannya. Kita akan malukan mereka dengan sebesar-besar penghinaan. Tetapi ianya berada di dalam kitab-kitab Syiah kita!

[3] Di dalam kitab "**الاحتجاج**" karangan Al-Thabrisi bahawa Fatimah a berkata kepada Amirul Mukminin a:

"Wahai Ibnu Abu Talib! Kamu dibelit uri janin dan berada di dalam kelompok yang sentiasa di prasangka."

[4] Al-Thabrisi meriwayatkan lagi dalam kitab "**الاحتجاج**" bagaimana Umar dan mereka yang bersamanya memandu Amirul Mukminin a dengan tali terikat di tengkuknya. Mereka menariknya sehingga sampai kepada Abu Bakar kemudian Ali berkata: Wahai Abu Bakar! Mereka menganiayai ku dan hampir-

[1] Isyarat kepada sifat perempuan yang melaksanakan seks bebas. Allahu A'lam

hampir membunuh ku!! Kita tertanya-tanya agak-agaknya adakah Amirul Mukminin a pengecut begitu sekali?

Lihatlah gambaran mereka terhadap Amirul Mukminin a dengan kalam Fatimah a tentangnya:

"Sesungguhnya wanita Quraisy menceritakan kepada ku perihalnya. Dia seorang lelaki yang buncit perutnya, panjang lengannya, besar sendinya, bonjol ke depan kepalanya, matanya besar, terdapat dibahunya bonggol seperti bonggol unta, gigi nampak terkeluar dan tidak berharta."
{**تفسير القمي** : 2/336}

[5] Abu Ishak meriwayatkan dengan katanya:

"Bapa ku membawa ku masuk ke dalam masjid pada hari Jumaat. Dia mengangkat ku lalu aku nampak Ali a sedang berkhutbah di atas mimbar. Dia seorang yang tua, botak kepalanya, bonjol dahinya, lebar antara dua bahunya dan bermata kuyu."
{**مقاتل الطالبين**}

Adakah ini merupakan sifat-sifat Amirul Mukminin a? Cukuplah sekadar ini dan seterusnya kita berpindah kepada riwayat-riwayat berkaitan Fatimah a.

[BERHUBUNG FATIMAH]

[1] Abu Ja'far al-Kulaini meriwayatkan di dalam " **أصول الكافي**" bahawa Fatimah telah mencekak leher baju Umar dan

menariknya. Juga di dalam kitab Salim bin Qais bahawa Fatimah a berhadapan dengan Abu Bakar dan Umar dalam masalah tuntutan tanah Fadak[1] dan bertengkar dengan mereka berdua. Beliau bercakap di khalayak ramai dan bertempik sehingga orang ramai berkumpul.
{m/s 253}

Adakah Fatimah a tampak ganas dan melampaui batas sebegitu sekali?

[2] Al-Kulaini meriwayatkan di dalam "**الفروع**" bahawa Fatimah a tidaklah rela dengan perkahwinannya dengan Ali a. Suatu hari ayahnya Rasulullah S masuk menemuinya dan mendapatinya menangis. Maka Rasulullah S bersabda: Apa yang menyebabkan kamu menangis? Demi Allah kalaulah ada di kalangan kaum keluarga ku orang yang lebih baik daripadanya nescaya tak akan ku kahwinkan kamu dengannya. Bukan aku yang mengahwinkan mu tetapi Allah ﷻ yang mengahwinkan mu.

[1] Tanah Fadak ialah sebuah kebun yang dimiliki oleh Rasulullah S hasil daripada harta *al-fai'* selepas pengusiran Yahudi Madinah. Nabi S menggunakan hasil tanah tersebut untuk menyara keluarga Baginda sepanjang tahun. Lebihannya disumbangkan untuk kelengkapan berperang di jalan Allah. Setelah Baginda S wafat, tanah tersebut diuruskan oleh Abu Bakar sebagaimana Rasulullah S mengurusnya.
Atas dasar pewarisan, Fatimah al-Zahra' menuntut harta tersebut yang dianggap haknya tetapi Khalifah Abu Bakar tidak memberikannya kepada Fatimah a berdalilkan sabda Nabi S: *"Kami para nabi tidak mewariskan harta."* Maka Fatimah a marah atas reaksi Abu Bakar tersebut dan memusuhinya hingga wafat. Perlu diberi perhatian bahawa perselisihan di sini tiada kaitan dengan *khilafah* atau *Imamah*.

[3] Ketika baginda Nabi S bersama Buraidah[1] masuk menemui Fatimah a maka melelehlah air matanya apabila melihat ayahnya. Nabi bertanya: Apa yang menyebabkan kamu menangis anak ku? Beliau menjawab: ***Kurang makanan, banyak kerunsingan dan sedih yang bersangatan.***

[4] Dalam riwayat yang lain beliau berkata: ***Demi Allah aku tersangat sedih, teramat miskin dan berpanjangan sakit ku.***
{**كشف الغمة** : 1/149-150}

[5] Mereka telah menyifatkan Ali a selengkapnya dengan kata mereka: ***Adalah Ali a gelap, sederhana tinggi tetapi lebih tepat dikatakan pendek, perutnya besar, jarinya halus, lengannya besar, betisnya melidi, matanya kuyu, tebal janggutnya[2], kepalanya botak dan dahinya bonjol.***
{**مقاتل الطالبين** : m/s 27}

Kalau inilah perihal sifat Amirul Mukmininա sepertimana yang mereka katakan, maka bagaimana mungkin Fatimah menyukainya?

---

[1] Abu Abdullah Buraidah bin al-Husaib ibn Abdullah bin al-Haris bin al-A'raj bin Saad al-Aslami (meninggal 62H). Seorang sahabat Nabi S. Memeluk Islam pada tahun Nabi S berhijrah. Sebanyak 150 hadis telah diriwayatkan daripada beliau.

[2] Besar atau tebal janggutnya membawa bermaksud panjangnya. Ia merupakan sindiran (kinayah) terhadap kebodohan. Imam Ibn Jauzi di dalam kitab *akhbar al-hamqa wa al-mughaffalin* fasal pertama menerangkan antara sifat-sifat orang bodoh ialah janggutnya panjang. Berkata sebahagian Hukama': "Sesiapa yang panjang janggutnya maka bertambahlah bodohnya".

Cukuplah dengan beberapa nas-nas yang dipetik ini agar tidak menjadi panjang lebar. Sebenarnya aku ingin menukilkan semua kata-kata yang dilemparkan ke atas setiap seorang Imam-Imam a. Kemudian aku beralih cara dengan hanya mendatangkan lima riwayat untuk setiap seorang akan tetapi aku melihat ianya masih lagi panjang kerana aku telah datangkan lima riwayat terhadap Nabi S, lima terhadap Amirul Mukminin a dan lima yang lain terhadap Fatimah a. Ini sahaja sudah menelan banyak muka surat. Oleh itu kita akan cuba meringkaskan sebolehnya bagi menyingkap lebih banyak rahsia tersembunyi.

[BERHUBUNG AL-HUSAIN]

Al-Kulaini meriwayatkan di dalam "**الأصول**" daripada Al-Kafi bahawa ***"Jibrail a turun kepada Muhammad S dan berkata kepada baginda: Wahai Muhammad! Sesungguhnya Allah menyampaikan berita gembira kepada mu iaitu seorang anak akan lahir daripada Fatimah yang akan dibunuh oleh umat mu selepas ketiadaan mu. Maka baginda bersabda: Wahai Jibrail! Salam kepada Tuhan ku. Aku tak memerlukan kepada anak yang lahir daripada Fatimah yang akan dibunuh oleh umat ku kelak selepas ketiadaan ku. Jibrail naik semula ke langit dan turun maka Nabi S berkata begitu juga: Wahai Jibrail! Salam kepada Tuhan ku. Aku tak memerlukan kepada anak yang lahir daripada Fatimah yang akan dibunuh oleh umat ku kelak selepas ketiadaan ku. Jibrail kembali ke langit dan turun dan berkata: Wahai Muhammad! Tuhan mu menyampaikan salam kepada mu dan memberikan berita gembira bahawa Dia menjadikan***

daripada zuriatnya al-Imamah[1], al-Wilayah[2] dan al-Wasiyyah[3]. Maka Nabi S bersabda: Aku redha.

Kemudian baginda mengirim pesanan kepada Fatimah a bahawa Allah memberikan khabar gembira kepada ku iaitu akan lahir seorang anak daripada kamu yang akan dibunuh oleh umat ku selepas ketiadaan ku. Fatimah membalas dengan katanya aku tidak memerlukan anak tadi yang akan dibunuh oleh umat mu selepas ketiadaan kamu. Nabi S mengirim pesanan lagi bahawa Allah ﷻ menjadikan daripada zuriat anak tadi al-Imamah, al-Wilayah dan al-Wasiyyah. Fatimah membalas bahawa dia meredhainya.

Maka beliau mengandungkan dan melahirkan anak tadi dengan terpaksa. Al-Husain a tidak menyusu daripada

[1] Ini merupakan titik perbezaan ketara Syiah dan Sunnah. Menurut Syiah *Imamah* ialah takhta daripada Allah yang diberikan kepada hambanya yang terpilih. Setiap zaman mesti mempunyai Imam sama ada nampak atau tersembunyi. Nabi S memilih dan mewasiatkan takhta Imam ini selepasnya kepada Ali dan beliau mewasiatkan kepada anaknya al-Hasan. Al-Hasan pula mewasiatkanya kepada saudaranya al-Husain dan seterusnya sehingga Imam ke 12 iaitu al-Mahdi al-Muntadzar. Berhujahkan wasiat Nabi S inilah Syiah menganggap para Sahabat terutamanya Khalifah-khalifah selepas Rasulullah S iaitu Abu Bakar, Umar dan Usman bersekongkol merampas takhta daripada Ali. Dengan menggunakan hujah inilah hampir semua para Sahabat yang mulia dikutuk dan dikafirkan.

Salasilah nama 12 Imam Syiah, gelaran-gelaran mereka, tahun lahir serta meninggal. (Lihat Rajah pada Lampiran buku ini)

[2] Dukungan, pembelaan, cinta, pemuliaan, penghormatan, dan bersama orang-orang yang dicintai secara lahir dan batin.

[3] Bagi Syiah akidah *al-Wasiyyah* ialah Nabi S mewasiatkan kepada Ali a *Imamah* iaitu menjadi Imam tetapi para Sahabat yang lain merampas daripadanya dan mereka telah ingkar suruhan Baginda S.

Fatimah a dan tidak juga beliau menyusu daripada mana-mana perempuan. Beliau dibawa kepada Nabi S maka baginda meletakkan ibu jari baginda di mulutnya dan beliau menghisap hingga kenyang cukup untuk dua tiga hari."

Aku tidak mengetahui adakah Rasulullah S akan menolak satu perkara menggembirakan yang Allah berikan kepada baginda? Adakah Al-Zahra' a menolak perkara sebegini yang Allah telah tetapkan dan mahu ia menjadi khabar gembira baginya lalu beliau berkata: *"Aku tidak memerlukannya."*? Adakah beliau mengandungkan dan melahirkan Al-Husain a dalam keadaan terpaksa? Adakah beliau melarikan diri daripada menyusukan Al-Husain a sehingga Nabi S sendiri yang menyusukan daripada ibu jari baginda untuk tempoh 2-3 hari?

Al-Husain a terlalu mulia dan agung untuk dicela dengan ucapan sebegini. Beliau teramat mulia untuk dikatakan ibunya membenci dan terpaksa mengandung dan melahirkannya. Sesungguhnya wanita-wanita di dunia amat berharap kalaulah mereka boleh melahirkan puluhan anak seperti Al-Imam Al-Husain a. Bagaimana mungkin Fatimah Al-Zahra' yang suci terpelihara benci untuk mengandung dan melahirkan Al-Husain serta tidak mahu menyusukannya??

Di dalam satu majlis yang menghimpunkan beberapa Sayid dan penuntut Al-Hauzah Al-Ilmiah, Imam Al-Khu'i berbicara di dalamnya berkenaan pelbagai tajuk. Kemudian beliau mengakhiri bicaranya dengan katanya:

"Moga Allah memerangi puak-puak kafir."

Kami bertanya:

"Siapakah mereka?"

Beliau menjawab:

"Al-Nawasib -Ahli Sunnah- kerana mereka mengutuk dan mencela Al-Husain a dan Ahli Bait!!"

Apakah yang akan ku katakan kepada Al-Imam Al-Khu'i?!

Ketika Amirul Mukminin a mengahwinkan anaknya Ummu Kalthum dengan Umar bin al-Khattab, Abu Ja'far al-Kulaini menukilkan riwayat daripada Abu Abdullah[1] a bahawa beliau berkata tentang perkahwinan itu: *Ini adalah rogol!!!*
{**فروع الكافي** : 2/141}

Kita bertanya kepada orang yang mengeluarkan kata-kata ini: Adakah Umar berkahwin dengan akad nikah yang sah dari segi syarak atau dengan merogol? Sesungguhnya kalam yang disandarkan kepada Al-Sodiq a jelas maknanya. Adakah Abu Abdullah a mengeluarkan kata-kata batil sebegini berkenaan anak perempuan al-Murtadha[2] a?

Kemudian kalaulah Umar merogol Ummi Kalthum, bagaimana ayahnya boleh membiarkannya sedangkan ayahnya digelar Asadullah[3], ZulFiqar[4] dan Fata Quraisy[5]?!

---

[1] Ja'far al-Sadiq
[2] Gelaran bagi Amirul Mukminin Ali bin Abi Talib.
[3] Singa Allah
[4] Nama pedang Rasulullah S. Isyarat kepada hadis: *"Pedang yang paling hebat ialah Zul Fiqar, pemuda paling hebat adalah Ali."*
[5] Pemuda Quraisy

Apabila kita membaca di dalam "**الروضة من الكافي**" (m/s101 J 8) pada hadis Abu Basir dengan perempuan yang menemui Abu Abdullah a yang bertanyakan tentang Abu Bakar dan Umar. Maka beliau berkata kepadanya: ***"Berilah ketaatan kepada mereka berdua. Perempuan itu berkata: Apabila aku berjumpa dengan Tuhan ku nanti akan ku katakan bahawa kamulah yang menyuruhku supaya memberi ketaatan kepada mereka. Bolehkah begitu? Jawabnya: Ya".***

Berdasarkan riwayat ini, adakah orang yang menyuruh supaya diberikan ketaatan kepada Umar kita menuduhnya membuat tuduhan sebegitu kepada Umar bahawa beliau merogol atau memperkosa seorang perempuan Ahli Bait a??

Apabila aku bertanya Al-Imam Al-Khu'i tentang kata-kata Abu Abdullah a kepada perempuan itu supaya memberikan ketaatan kepada Abu Bakar dan Umar, beliau berkata: Adapun beliau berkata demikian sebagai ***'taqiyah'***.

Aku berkata kepada Al-Imam Al-Khu'i: Sesungguhnya perempuan tadi daripada Syiah Ahli Bait a dan Abu Basir merupakan salah seorang sahabat Al-Sodiq a. Jadi tiada alasan untuk mengatakan beliau ber***taqiyah*** jika benar begitu. Hakikatnya alasan yang dikemukakan Abu Al-Qasim Al-Khu'i sama sekali tidak benar.

[BERKENAAN AL-HASAN]

Berkenaan riwayat Al-Hasan a, sesungguhnya Al-Mufid telah meriwayatkan di dalam kitab "**الارشاد**" daripada Ahli Kufah: ***"Mereka telah menyerang khemah beliau,***

merobohkan dan mencuri segala-galanya termasuk hamparan. Maka tinggallah Al-Hasan a terduduk menggalas pedang tanpa pakaian."(ms190)

Adakah betul Al-Hasan a tanpa pakaian, terbuka sehingga terlihat auratnya di khalayak? Apakah ini yang dinamakan cinta kepada Ahli Bait a?

Sufiyan bin Abu Laila masuk berjumpa dengan Al-Hasan a yang berada di dalam rumahnya. Dia berkata kepada Al-Imam Al-Hasan: ***Assalamualaikum wahai punca kehinaan kepada orang mukmin!*** Beliau berkata: ***Apa yang kamu tahu tentang perkara tersebut?*** Katanya: ***Kamu sengaja menyerahkan tanggungjawab yang di pundak di atas bahu kamu dan menyerahkannya kepada seorang pelampau[1] yang memerintah dengan tidak menggunakan Hukum-hakam Tuhan?***
{**رجال الكشي** : m/s 103}

Adakah Al-Hasan a merupakan punca kehinaan orang mukmin? Ataupun dialah sebenarnya panglima yang membawa keizzahan kepada mereka kerana menghalang pertumpahan darah orang Islam, menyatukan barisan mereka dengan tindakan penuh hikmah dan pandangannya yang tepat?

Jika Al-Hasan a memerangi Mu'awiyah merebut kerusi Khilafah nescaya akan tumpahlah lautan darah orang Islam, akan terbunuhlah sebilangan besar yang tidak terhitung banyaknya. Hanya Allah ﷻ yang mengetahui dan akan hancurlah umat sehingga tidak akan bangun lagi.

[1] Maksudnya Mu'awiyah.

Amat mendukacitakan kata-kata seperti ini disandarkan kepada Abu Abdullah a. Demi Allah beliau tidak pernah menyebut perkataan seperti ini atau seumpamanya.

[BERHUBUNG JA'FAR AL-SODIQ]

Adapun Al-Imam Al-Sodiq a pula telah menerima penangan yang serupa daripada pelbagai jenis perbuatan jahat dan dinisbahkan kepadanya segala macam keburukan. Bacalah petikan nas ini untuk kepastian:

Daripada Zurarah berkata: "Aku bertanya Abu Abdullah a tentang ***tasyahud***… aku berkata: ***al-tahiyyat wa al-solawat*** .. maka aku bertanya tentang ***tasyahud*** maka beliau berkata begitu juga. Katanya: ***al-tahiyyat wa al-solawat***. Ketika aku keluar aku sempat kentut kuat pada janggutnya dan aku berkata: Dia tidak akan berjaya selama-lamanya."

Kita patut menangis simpati kepada Al-Imam Al-Sodiq a. Kata-kata jelik sebegini ditujukan kepada Al-Imam Abu Abdullah? Betul kah Zurarah membuang angin pada janggut Abu Abdullah a?! Benar kah dia berkata berkenaan Al-Sodiq a bahawa beliau tidak akan berjaya selama-lamanya??

Kitab "**رجال الكشي**" telah ditulis sejak lebih sepuluh kurun. Ia berpindah tangan kepada semua ulama Syiah tidak kira aliran mereka tetapi aku tidak pernah melihat di sana seorang pun yang mengomentari kata-kata ini atau mengingkarinya ataupun mengambil perhatian terhadapnya. Hinggakan Al-Imam Al-Khu'i apabila beliau mula mengarang kitabnya yang besar "**معجم رجال الحديث**" dan aku antara orang yang membantunya mengarang dengan mengumpulkan bahan dan

riwayat daripada perut-perut kitab, ketika kami membacakan riwayat cerita ini padanya beliau diam seketika. Kemudian beliau berkata: "***Kuda yang baik pasti ada sekali tergelincir, seorang yang alim pasti sekali tersilap".*** Komennya tidak lebih dari itu.

Akan tetapi wahai Imam! Tersilap itu hasil daripada alpa dan kesalahan yang tidak dimaksudkan. Mujurlah hubungan mu dengan aku sekuat hubungan ayah dan anak sehingga menyebabkan aku bersangka baik terhadap ucapan mu. Jika tidak nescaya aku tidak merelakan sikap diam mu atas penghinaan terhadap Al-Imam Al-Sodiq Abu Abdullah a.

Berkata Tsiqatul Islam Al-Kulaini: ***"Telah meriwayatkan kepada ku Hisham bin al-Hakam dan Hamad daripada Zurarah, katanya: Aku berkata dalam hati ku: Orang tua yang tidak tahu tentang perdebatan. Memaksudkan Imamnya[1]."***

Mereka menulis dalam mensyarahkan hadis ini:

"Sesungguhnya orang tua ini tidak berakal dan tidak pandai berbicara dengan musuh".

Adakah Al-Imam Al-Sodiq a tidak berakal? Memang hati ku ini teramat pedih dan duka. Celaan dan cacian serta perbuatan kurang ajar ini tidak sepatutnya ditujukan kepada Ahli Bait a yang tidak bersalah. Mereka sepatutnya beradab dengan Ahli Bait a yang mulia.

[AHLI BAIT YANG LAIN]

[1] Iaitu Ja'far al-Sodiq

Adapun Al-Abbas[1]a, anaknya Abdullah dan Ubaidillah[2] a serta A'qil[3] a semuanya tidak terlepas daripada fitnah dan tohmahan serta penangan daripada mereka. Bacalah bersama ku nas-nas ini.

Al-Kisyi meriwayatkan bahawa firman Allah taala:

﴿لَبِئْسَ ٱلْمَوْلَىٰ وَلَبِئْسَ ٱلْعَشِيرُ ۝١٣﴾

Maksudnya: *Demi Sesungguhnya seburuk-buruk Penolong dan seburuk-buruk sahabat karib ialah makhluk yang diseru dan disembahnya itu.* {al-Haj: 13}

Ayat ini turun berkenaan al-Abbas a.
{رجال الكشي : m/s 54}

Dan firman Allah Taala:

[1] Al-'Abbas bin Abdul Muttalib bin Hashim bin Abd Manaf al-Qurasyi al-Hashimi (566-653M). Bapa saudara Rasulullah S. Digelar Abu al-Fadhl. Salah seorang sahabat daripada golongan mereka yang berhijrah ke Madinah. Dilahirkan dua tahun sebelum Rasulullah S dan meninggal tahun 36Hijrah. Golongan 'Abbasi mendakwa mereka berhak mendapatkan kerusi Khilafah kerana nasab mereka daripada beliau yang juga Ahli Bait a.

[2] Ubaidillah bin al-'Abbas bin Abdul Muttalib bin Hashim. Digelar Abu Muhammad. Saudara kepada al-Fadhl, Abdullah dan Qutsm. Muda setahun daripada abangnya Abdullah. Merupakan sahabat Nabi S. Dilahirkan sebelum Perang Badar dan meninggal tahun 87H.

[3] 'Aqil bin Abi Talib bin Hashim bin Abd Manaf al-Qurasyi al-Hashimi. Saudara Ali dan Ja'far. Beliau yang paling tua. Digelar Abu Zaid. Beliau berpisah daripada Sayidina Ali dan pergi bersama dengan Mu'awiyah. Meninggal pada zaman pemerintahan Mu'awiyah atau awal pemerintahan Yazid.

﴿وَمَن كَانَ فِي هَٰذِهِۦٓ أَعۡمَىٰ فَهُوَ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ أَعۡمَىٰ وَأَضَلُّ سَبِيلٗا ٧٢﴾

Maksudnya: *dan (sebaliknya) sesiapa yang berada di dunia ini (dalam keadaan) buta (mata hatinya), maka ia juga buta di akhirat dan lebih sesat lagi jalan-Nya.* {al-Isra': 72}

﴿وَلَا يَنفَعُكُمۡ نُصۡحِيٓ إِنۡ أَرَدتُّ أَنۡ أَنصَحَ لَكُمۡ﴾

Maksudnya: *dan tidak ada gunanya nasihat ku kepada kamu, jika Aku hendak menasihati kamu*, {al-Hud:34}

Kedua-dua ayat ini juga turun berkenaan beliau. (m/s 52-53)

Al-Kisyi juga meriwayatkan bahawa Amirul Mukminin a mendoakan keburukan ke atas Abdullah bin Al-'Abbas dan saudaranya 'Ubaidillah dengan katanya: ***"Ya Allah! Laknatlah dua orang anak si fulan dan butakan penglihatan mereka sebagaimana Engkau butakan hati mereka berdua. Jadikan buta penglihatan mereka dalil atas butanya hati mereka."*** {m/s 52}

Tsiqatul Islam Abu Ja'far Al-Kulaini meriwayatkan dalam "**الفروع**" daripada Al-Imam Al-Baqir a yang mengungkapkan perihal Amirul Mukminin a: ***"Tinggal kekal bersamanya dua orang lelaki yang lemah, hina dan masih baru dengan Islam; Abbas dan 'Aqil."***

Tiga ayat yang al-Kisyi dakwa bahawa ia turun berkenaan Al-Abbas membawa maksud menghukumnya kafir dan kekal di dalam neraka pada hari Kiamat. Jika bukan sebegitu maksudnya maka terangkan kepada ku apakah maksud firman Allah Taala surah al-Isra' ayat 72;

﴿فَهُوَ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ أَعۡمَىٰ وَأَضَلُّ سَبِيلٗا ٧٢﴾

Adapun bahawasanya Amirul Mukminin a meminta doa buruk ke atas dua anak lelaki Al-Abbas dengan laknat, buta mata dan hati; maka ini juga mengkafirkan mereka berdua.

Sesungguhnya Abdullah bin Al-Abbas digelar oleh orang awam iaitu Ahli Sunnah dengan gelaran *Turjuman al-Quran*[1] dan *Hibrul*[2] *Ummah*. Bagaimana kita boleh melaknatnya sedangkan kita mendakwa bahawa kita mencintai Ahli Bait a?

Manakala 'Aqil a pula merupakan saudara Amirul Mukminin a, maka adakah benar beliau hina dan mentah dengan agama Islam?!

Adapun berkenaan Al-Imam Zainal Abidin Ali bin Al-Husain, maka Al-Kulaini meriwayatkan: "Bahawa Yazid bin Mu'awiyah meminta beliau supaya menjadi hamba kepadanya. Maka beliau a rela menjadi hamba Yazid dengan mengatakan: ***"Sesungguhnya aku merelakan dan patuh kepada permintaan mu. Aku adalah hamba yang terpaksa (wajib mematuhi perintah tuan) maka terpulanglah kepada mu sama ada kamu mahu kekalkan aku sebagai hamba mu atau menjual ku."***
{**الروضة من الكافي** : 8/235}

[1] Gelaran kepada Ibn Abbas ﷺ kerana ilmunya mentafsirkan al-Quran berkat doa Nabi S kepadanya: *"Allahumma faqqihhu fi al-din wa 'allimhu al-ta'wil"*. Maksudnya: Ya Allah, faqihkannya dalam agama dan berikan ilmu takwil kepadanya.

[2] Alim bagi umat Islam

Lihatlah kata-katanya dan renungkan maknanya:

"Sesungguhnya aku mengakui bahawa aku adalah hamba mu. Aku adalah hamba yang terpaksa maka terpulanglah kepada mu sama ada kamu mahu kekalkan aku sebagai hamba mu atau menjual ku."

Adakah wajar Al-Imam a menjadi hamba Yazid sehinggakan beliau boleh diperbuat sesuka hati? Sama ada dikekalkan tinggal bersama atau dijual.

Jika kita mahu meneliti dan menyelidik secara mendalam apa yang dikatakan terhadap semua Ahli Bait a nescaya perbincangan kita akan menjadi lebih panjang kerana tidak ada seorang pun daripada mereka (Ahli Bait) yang terlepas daripada kutukan keji dan jelik. Mereka dituduh melakukan banyak perbuatan-perbuatan keji di dalam kitab-kitab rujukan utama kita, sebahagiannya akan dijelaskan dalam fasal yang akan datang.

Bacalah bersama ku riwayat ini:

Daripada Abu Abdullah a: *"Bahawa Nabi S tidak akan tidur[1] kecuali setelah mencium wajah Fatimah."*
{**بحار الأنوار** : 42/43}

"Dan adalah baginda meletakkan wajahnya yang mulia antara dua buah dada Fatimah a."
{**بحار الأنوار** : 78/43}

Sesungguhnya Fatimah a seorang perempuan yang baligh maka adakah boleh diterima akal Nabi S meletakkan muka baginda antara dua buah dadanya?! Kalaulah ini nasib yang diterima oleh Rasulullah S dan Fatimah a, bagaimanakah pula nasib yang diterima mereka yang lain? Ternyata bahawa mereka (Syiah) telah mengesyaki pada keturunan Al-Imam Muhammad Al-Qani'[2], adakah beliau merupakan anak Al-Ridha a atau anak…

Mari kita perhatikan bersama nas ini.

Daripada Ali bin Ja'far al-Baqir bahawasanya telah dikatakan kepada Al-Ridha a: "*Tidak ada di kalangan kami seorang Imam yang berlainan warna kulitnya iaitu kulitnya*

[1]Tidak nampak di sini buruknya perbuatan yang di sandarkan kepada Baginda Nabi S melainkan ditafsirkan perbuatan tersebut; Baginda S lakukan berdasarkan ketagihan dan nafsu. Sesungguhnya Nabi S amat jauh daripada perkara sebegini. Allahu A'lam.

[2] Muhammad al-Qani' al-Jawwad bin Ali al-Ridha bin Musa al-Kadzim bin Ja'far al-Sadiq bin Muhammad al-Baqir bin Ali Zainal Abidin bin al-Husain al-Zaki bin Ali al-Murtadha. Imam ke-9 bagi Syiah. (195 H – 220 H)

berwarna gelap." Maka Al-Ridha a berkata kepada mereka: ***"Adakah kamu maksudkan anak ku?"*** Mereka berkata: ***"Sesungguhnya Rasulullah S telah menggunakan al-Qafah[1] dalam berhukum. Maka datangkan al-Qafah untuk menyelesaikan masalah ini".*** Beliau berkata: ***"Hendaklah kamu yang memanggilnya. Adapun aku tidak sepatutnya terlibat. Jangan beritahu mereka kenapa kamu memanggil mereka dan bawalah mereka ke tempat kamu."***

Setelah mereka datang, mereka meletakkan kami di satu kebun dan berbarislah bapa-bapa saudaranya dan adik-beradiknya lelaki dan perempuan. Al-Ridha a pula mereka memakaikannya jubah bulu dan topi di kepala serta meletakkan di lehernya sekop. Mereka berkata kepada beliau: ***"Masuklah ke dalam kebun seolah-olah kamu bekerja di dalamnya."*** Kemudian mereka membawa datang Abu Ja'far a dan berkata kepada Al-Qafah: ***"Carikan kepada budak ini ayahnya!".*** Mereka Al-Qafah berkata: ***"Di sini tiada ayahnya. Tetapi ini bapa saudara ayahnya, ini bapa saudaranya dan ini emak saudaranya. Kalaulah ada di sini ayahnya, maka pekerja kebun inilah ayahnya kerana kedua-dua kaki mereka sama antara satu sama lain."*** Setelah Abu Al-Hasan pulang mereka berkata: ***"Inilah ayahnya."***
{**أصول الكافي** : 1/322}

Kisah ini menunjukkan bahawa mereka telah mengesyaki adakah Muhammad Al-Qani' a merupakan anak

[1] al-Qiyafah merupakan antara ilmu firasat ke atas manusia. Ia boleh ditakrifkan sebagai: Mengenali nasab seseorang dengan melihat kulit, perwatakan dan tubuh badannya. Al-Qafah ialah mereka yang mahir dan menjadi pengamal ilmu ini

kepada Al-Ridha a sedangkan Al-Ridha a menjelaskan dan menguatkan bahawa anak itu memang anaknya. Adapun mereka yang lain mengingkari perkara tersebut. Sebab itulah mereka mengatakan: "Tidak ada di kalangan kami seorang Imam yang kulitnya berwarna gelap." Tidak syak lagi bahawa ini merupakan fitnah dan tohmahan terhadap maruah Al-Ridha a, tuduhan terhadap isterinya dan keraguan daripada mereka terhadap kesuciannya. Sebab itulah mereka membawakan Al-Qafah untuk membuktikan perkara tersebut. Tetapi Al-Qafah memutuskan bahawa Muhammad Al-Qani' adalah anak kandung Al-Ridha a. Setelah itu barulah mereka membenarkan dan diam tidak mempersoalkannya lagi.

Boleh saja tuduhan sebegini dibuat terhadap orang lain dan kemungkinan orang ramai akan mempercayainya. Adapun apabila tuduhan itu ditujukan kepada Ahli Bait a maka ia menjadi sesuatu yang teramat jelik. Namun begitu yang amat mendukacitakan ialah tatkala sumber rujukan utama kita yang kita dakwa menukilkan kepada kita ilmu Ahli Bait a, akan tetapi penuh dengan kalam-kalam batil. ***La haula wala quwwata illa billah***.

Apabila kami membaca nas ini semasa belajar di Al-Hauzah, kami menemukan maklumat seumpama ini tetapi para Ulama tidak mengendahkan perkara ini. Aku masih lagi ingat alasan yang diberikan oleh Al-Khu'i tatkala nas ini ku bentangkan padanya; beliau menukilkan kalam Al-Sayid Al Kasyif al-Ghito': ***"Hanya sanya mereka berbuat begitu kerana mereka terlalu berjaga-jaga agar keturunan mereka bersih suci!!"***

Malah mereka menuduh Al-Ridha a tergila-gilakan anak saudara perempuan Al-Makmun dan dia juga menyukai Al-Ridha a.
Lihat: {**عيون أخبار الرضا** : m/s 153}.

Mereka menggelar Ja'far sebagai Ja'far penipu besar. Mereka mengutuk dan mencelanya sedangkan beliau merupakan saudara kepada Al-Hasan Al-'Askari[1]. Berkata Al-Kulaini: ***"Dia jelas fasiq dan cabul. Tidak bermoral dan kaki arak. Lelaki tidak bermaruah dan hina yang pernah aku lihat, mencemarkan maruah dan paling kurang menjaga kemuliaan diri."*** {**أصول الكافي** : 1/504}

Adakah ada di kalangan Ahli Bait a kaki arak?! Atau fasiq?! Atau seorang yang cabul?!

Sekiranya kita mahukan lebih banyak penjelasan terperinci maka hendaklah kita membaca sumber-sumber kita yang muktabar untuk mengetahui apakah lagi yang dikatakan terhadap Ahli Bait a yang lain. Kita juga boleh mengetahui bagaimana keturunan suci mereka dibunuh dan di manakah dibunuh? Siapakah pula yang melakukan pembunuhan tersebut?

Sebilangan besar daripada mereka dibunuh di pinggir negeri-negeri Parsi dengan tangan-tangan orang setempat. Kalau tidak takutkan panjangnya perbicaraan nescaya aku akan menyebutkan nama-nama mereka yang aku telah hitung secara pasti dan nama-nama pembunuh mereka. Tetapi aku

[1] **Hasan al-Askari** (846 –874), adalah Imam Syiah ke-11. Beliau dilahirkan dengan nama Hasan bin Ali bin Muhammad. Anaknya Muhammad al-Mahdi Imam ke-12 yang didakwa Syiah menghilang dan akan muncul semula memimpin Umat Islam.

mencadangkan pembaca sekalian merujuk kitab "**مقاتل الطالبين**" karangan Al-Asfahani kerana ia sudah cukup menerangkannya.

Ketahuilah bahawasanya Ahli Bait a yang paling banyak menerima tohmahan, fitnah dan penangan ialah Imam Muhammad al-Baqir a dan anaknya Imam Ja'far al-Sodiq a. Kebanyakan masalah di dalam Syiah dinisbahkan kepada mereka seperti kenyataan tentang taqiyyah, mut'ah, liwat dengan perempuan, sewa kemaluan dan lain-lain lagi. Sedangkan mereka berdua a tidak terlibat dengan semua perkara ini dan tidak bersalah.

MUT'AH[1]

"Sesiapa yang bermut'ah dengan wanita Muslimah seolah-olah telah menziarahi Kaabah sebanyak 70 kali"

Sabda Rasulullah ﷺ

Pada asalnya aku ingin menamakan bab ini dengan tajuk *"Wanita Pada Pandangan Syiah"* tetapi aku menukar tajuk ini kerana aku dapati semua riwayat yang diriwayatkan oleh buku-buku kita disandarkan kepada Nabi Muhammad ﷺ, Amirul

[1] Nikah Mut'ah ialah nikah yang mengehadkan tempoh masa tertentu dalam akad nikah seperti seorang lelaki berkata kepada wali perempuan: "kahwinkan aku dengan anak perempuan kamu selama sebulan" . Nikah Mut'ah adalah tidak sah bagi Ahli Sunnah tetapi sah pada pandangan Syiah.
Al-Imam Nawawi menyebut dalam kitab Syarah Sahih Muslim: Pendapat yang terpilih ialah Mut'ah diharamkan dan diharuskan sebanyak dua kali. Mut'ah adalah halal sebelum daripada hari Khaibar kemudian diharamkan selama-lamanya selepas tiga hari daripada peperangan Khaibar. Ulama' bersepakat mengatakan Mut'ah adalah nikah bertempoh yang tidak ada padanya warisan harta. Perpisahan antara lelaki dan wanita tersebut sudah cukup untuk membawa kepada terbatalnya tempoh akad walaupun tanpa talak. Dan menjadi Ijmak ke atas pengharaman Mut'ah daripada semua para Ulama' melainkan golongan Ar Rawafidh, pecahan daripada Syiah.

Mukminin a, Abu Abdullah[1] a dan para Imam-Imam a yang lain.

Bukan aku ingin mencela para Imam a dengan apa-apa celaan akan tetapi terdapat pada riwayat tersebut kata-kata jelik yang sesiapa pun tidak akan redha jika berlaku kepada dirinya, bagaimana pula untuk meredhai jika berlaku kepada Rasulullah ﷺ dan para Imam a.

Mut'ah telah dieksploitasi dengan sejelik-jelik eksploitasi dan para wanita telah dihina dengan seburuk-buruk hinaan. Ramai orang yang telah memuaskan keinginan seks mereka berselindungkan Mut'ah dan atas nama agama berdasarkan Firman Allah:

﴿فَمَا ٱسْتَمْتَعْتُم بِهِۦ مِنْهُنَّ فَـَٔاتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ فَرِيضَةً﴾

Maksudnya: *kemudian mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran dengannya (setelah ia menjadi isteri kamu), maka berikanlah kepada mereka mas kahwinnya (dengan sempurna).* {an-Nisa': 24}

[RIWAYAT-RIWAYAT BERKENAAN MUT'AH]

Mereka telah mengemukakan beberapa riwayat yang menggesa kepada mut'ah, menyediakan pahala kepada yang melaksanakannya serta balasan buruk kepada yang

[1] Abu Abdullah: Jaafar As-Shodiq bin Muhammad Al-Baqir bin Ali Zainal Abidin, anak kepada Imam Al-Husain a. Meninggal pada 148H.

meninggalkannya bahkan sesiapa yang tidak mengamalkannya dianggap bukan Muslim.

Cuba lihat nas-nas di bawah:

Sabda Nabi ﷺ: *"Sesiapa yang bermut'ah dengan wanita Muslimah seolah-olah telah menziarahi Kaabah sebanyak 70 kali"* Adakah orang yang bermut'ah dengan wanita sama dengan menziarahi Kaabah sebanyak 70 kali? Dengan siapa? Dengan perempuan Muslimah?

As-Saduq telah meriwayatkan daripada As-Shadiq a telah berkata: *"Sesungguhnya mut'ah agama ku dan agama nenek moyang ku. Sesiapa yang beramal dengannya dia telah beramal dengan agama kami, sesiapa yang mengingkarinya, dia telah mengingkari agama kami dan telah beriktikad dengan selain daripada agama kami".*
{**من لا يحضره الفقيه** : 3/366} Kata-kata ini jelas mengkafirkan sesiapa yang tidak menerima mut'ah.

Ditanya kepada Abu Abdullah a; Adakah diberikan pahala kepada orang yang mengamalkan mut'ah? Dia berkata; *"Jika tujuannya semata-mata kerana Allah, maka tidak ada apa yang dituturkan mengenainya melainkan akan dikurniakan pahala oleh Allah, jika dia ingin melaksanakannya Allah akan ampunkan dosanya dengan mut'ah tersebut, jika dia mandi wajib Allah akan ampunkan dosanya sebanyak mana air yang mengalir daripada bulu-bulunya".*
{**من لا يحضره الفقيه**: 3/336}

Bersabda Nabi ﷺ: *"Sesiapa yang bermut'ah sekali akan selamat dari kemarahan Allah terhadapnya, sesiapa*

yang bermut'ah dua kali, akan dikumpulkan dengan orang-orang yang baik, sesiapa yang bermut'ah tiga kali mereka akan bersama ku di dalam Syurga"
{**من لا يحضره الفقيه**: 3/336}

Menurut pandangan aku: Dalam usaha untuk mendapatkan pahala ini, Ulama-ulama Al-Hauzah dan semua Husainiyat[1] dan Imam-Imam terkemuka berkali-kali mengamalkan mut'ah, khususnya Sayid As-Sadr, Al-Borojourdi[2], As-Syairazi, Al-Qizwini, At-Thabataba'i[3], As-Syed Al-Madani dinisbahkan kepada (As-Syab As-Sho'id) Abu Al-Haris Al-Yasari dan lain-lain lagi. Mereka mengamalkan mut'ah berkali-kali bahkan setiap hari untuk mendapatkan pahala tersebut dan untuk mendampingi Nabi ﷺ di dalam syurga.

As-Sayid Fathallah Al-Kashani meriwayatkan dalam **"تفسير منهاج الصادقين"** daripada Nabi ﷺ telah bersabda: *"Sesiapa yang bermut'ah sekali darjatnya seperti darjat Al-Husain a, sesiapa yang bermut'ah dua kali darjatnya seperti darjat Al-Hasan a, sesiapa yang bermut'ah tiga kali darjatnya seperti darjat Ali bin Abu Talib a, sesiapa yang bermut'ah empat kali darjatnya seperti darjat ku".*

---

[1] Ahli keluarga Rasulullah S daripada nasab Sayidina Husain.

[2] Al Borojourdi: As Sayid Agha Husain Al Borojourdi. Dilahirkan pada 1292H bersamaan 1879M dan meninggal dunia pada 1380H bersamaan 1961M. Menjadi tempat rujukan agama yang paling tinggi kepada pecahan Syiah Imamiah pada akhir kurun ke 14 Hijrah. Merupakan ketua Al Hauzah di Qum Al Muqaddasah.

[3] As Sayid Muhammad Husain bin As Sayid Muhammad At Thabathaba'i At Tabrizi. Merupakan di antara ahli hikmah, falsafah dan ahli tafsir Syiah Imamiah yang hebat. Antara karangan beliau ialah kitab **الميزان في تفسير القران** Meninggal dunia pada 1402H bersamaan 1982M.

Seandainya seorang lelaki yang jahat bermut'ah sekali, adakah darjatnya akan seperti Al-Husain a? Dan jika bermut'ah dua kali, tiga kali atau empat kali, adakah darjatnya seperti Al-Hasan, Ali dan Nabi ﷺ? Adakah kedudukan Nabi ﷺ dan kedudukan para Imam-Imam serendah dan sehina itu??

Jika diandaikan orang yang bermut'ah itu telah sampai imannya ke tahap yang tinggi, adakah sama darjat dengan Al-Husain? Atau saudaranya? Atau bapanya? Atau datuknya?

Sesungguhnya kedudukan Al-Husain a adalah lebih tinggi daripada sesiapapun untuk sampai ke tahap itu walaupun sekuat mana imannya. Seorang pun tidak akan sampai kedudukan Al-Hasan, Ali dan Nabi ﷺ walau setinggi mana pun imannya.

Mereka telah mengharuskan mut'ah walaupun kepada wanita-wanita Hasyimiah[1] sepertimana diriwayatkan oleh At-Thusi dalam {التهذيب : 2/193}

Pada pandangan aku: Tidak sepatutnya wanita-wanita Hasyimiah menjadi mangsa mut'ah kerana kedudukan mereka lebih tinggi daripada itu. Mereka adalah keturunan Nabi S dan daripada keturunan Ahli Bait a dan terlindung mereka daripada bermut'ah. Sebab-sebabnya akan dinyatakan insya Allah. Al-Kulaini telah menjelaskan Mut'ah adalah harus walaupun hanya tidur bersama sekali antara lelaki dan wanita. Ini dinaskan dalam {فروع الكافى : 5/460}

[1] Wanita Hasyimiah: Wanita-wanita berketurunan Bani Hasyim iaitu keturunan Nabi S

[HARUS BERMUT'AH DENGAN KANAK-KANAK PEREMPUAN]

Tidak disyaratkan orang yang di Mut'ah baligh dan berakal bahkan mereka mengatakan **boleh bermut'ah dengan perempuan yang berumur sepuluh tahun**. Pendapat ini diriwayatkan oleh Al-Kulaini dalam {الفروع : 5/463} dan At Thusi dalam {التهذيب : 7/255}.

Dikatakan kepada Abu Abdullah a: "Adakah boleh seorang lelaki bermut'ah dengan kanak-kanak wanita? Dia berkata: Boleh, kecuali kanak-kanak perempuan itu yang mudah ditipu[1]. Dikatakan: Berapakah had umur yang tidak mudah diperdaya? Dia berkata: sepuluh tahun"

Insya Allah akan diterangkan hujah-hujah penolakan terhadap nas-nas di atas. Tetapi **aku mengatakan:** Sesungguhnya segala pandangan yang dinisbahkan kepada Abu Abdullah a adalah harus bermut'ah dengan kanak-kanak yang berumur sepuluh tahun, tetapi **aku berpandangan:** Sebahagian daripada mereka berpendapat harus bermut'ah dengan kanak-kanak yang lebih muda daripada umur tersebut.

Ketika Imam Al-Khomeini tinggal di Iraq, kami berulang alik menemuinya dan menimba ilmu daripadanya sehingga hubungan kami dengannya menjadi rapat. Pernah sekali aku mendapat peluang musafir bersama beliau setelah beliau mendapat jemputan dari bandar Tal'afir, sebuah bandar yang terletak di barat Mausil[2] yang jauh perjalanannya sekitar sejam setengah dengan menaiki kereta. Beliau telah mengajak ku untuk musafir bersamanya, maka aku pun bermusafir

[1] Kanak-kanak yang masih di bawah umur dan tidak boleh berfikir dengan baik.
[2] Nama kawasan di Iraq

bersamanya. Mereka menyambut dan memuliakan kami selama tempoh kami tinggal bersama di salah sebuah keluarga Syiah di sana. Mereka berjanji akan menyampaikan ajaran Syiah di tempat tersebut dan mereka masih menyimpan gambar kenangan bersama kami yang diambil di rumah mereka.

Setelah selesai tempoh musafir, kami pulang. Ketika dalam perjalanan pulang ke Baghdad, Imam Al-Khomeini ingin berehat daripada keletihan musafir, lalu beliau menyuruh kami menuju ke kawasan Al 'Atifiah yang merupakan tempat tinggal seorang lelaki berasal daripada Iran yang dikenali dengan Sayid Shahib, yang mempunyai hubungan yang rapat dengan beliau.

Sayid Shahib sangat gembira dengan kedatangan kami. Kami tiba di tempatnya waktu Zuhur. Beliau menyediakan makan tengah hari yang istimewa kepada kami dan memaklumkan kepada saudara maranya tentang kedatangan kami. Mereka hadir dan memenuhi rumah beliau menyambut kedatangan kami dengan penuh penghormatan. Sayid Shahib meminta kepada kami supaya bermalam di rumahnya pada malam tersebut. Imam pun bersetuju.

Kemudian apabila tiba waktu Isyak kami disediakan dengan makan malam. Para hadirin yang hadir mencium tangan Imam dan bersoal jawab dengannya. Ketika hampir tiba waktu tidur para hadirin bersurai kecuali ahli rumah tersebut. Imam Al-Khomeini melihat kanak-kanak perempuan berumur empat atau lima tahun dan kanak-kanak tersebut sangat cantik. Imam meminta daripada ayahnya Sayid Shahib untuk bermut'ah dengannya dan ayahnya bersetuju dengan perasaan sangat gembira. Imam Al-Khomeini tidur dan kanak-kanak tersebut berada dalam dakapannya. Kami mendengar suara tangisan dan teriakan kanak-kanak tersebut.

Apa yang penting ialah Imam telah melalui malam tersebut. Apabila tiba waktu pagi, kami bersama-sama untuk sarapan pagi. Imam telah melihat kepada ku dan mendapati tanda-tanda tidak puas hati yang lahir secara jelas di wajah ku; Bagaimana pada waktu itu beliau sanggup bermut'ah dengan kanak-kanak perempuan tersebut sedangkan di dalam rumah tersebut terdapat ramai wanita-wanita muda, baligh, berakal yang tidak menjadi halangan kepada beliau untuk bermut'ah dengan salah seorang daripada mereka. Kenapa beliau tidak berbuat demikian?

Beliau berkata kepada ku: Sayid Husain, apa pendapat kamu tentang bermut'ah dengan kanak-kanak perempuan?

Aku berkata kepadanya: Kata pemutus adalah kata-kata kamu, perbuatan yang benar adalah perbuatan mu dan kamu Imam Mujtahid. Mana mungkin orang seperti ku berpandangan atau berpendapat melainkan apa yang telah kamu lihat dan katakan , -dan seperti diketahui tidak mungkin aku bertentangan dengan kamu-.

Beliau berkata: ***Sayid Husain, sesungguhnya bermut'ah dengan kanak-kanak tersebut adalah harus tetapi dengan bercumbu-cumbuan, berciuman dan tafkhiz[1]. Adapun bersetubuh, dia (kanak-kanak) masih belum mampu untuk melakukannya.***

Imam Al-Khomeini berpendapat harus bermut'ah walaupun dengan kanak-kanak yang masih menyusu. Beliau berkata: ***Tidak mengapa bermut'ah dengan kanak-kanak yang masih menyusu dengan memeluk dan tafkhiz -***

[1] Meletakkan zakar antara dua paha

meletakkan zakarnya di antara dua pahanya- dan bercumbuan
lihat kitabnya {تحرير الوسيلة : 2/241masalah nombor 12}

[DIBENARKAN MUT'AH KECUALI KEPADA SAYID]

Pernah sekali aku bersama-sama Imam Al-Khu'i di pejabatnya. Dua pemuda menemui kami dan kedua-duanya jelas berselisih pada sesuatu masalah. Mereka bersetuju untuk bertanya kepada Al-Imam Al-Khu'i supaya memberikan jawapan kepada mereka berdua.

Salah seorang daripada mereka bertanya: Sayid, apa pendapat kamu tentang Mut'ah, adakah ianya halal ataupun haram?

Imam Al-Khu'i melihat kepadanya, dan beliau merasa terdapat sesuatu yang tidak kena daripada soalannya, kemudian berkata Imam kepadanya: Kamu tinggal di mana? Pemuda yang bertanya itu menjawab: Aku tinggal di *Al-Mausil* dan aku bermukim di sini iaitu Najaf sejak lebih kurang dua bulan.

Berkata Imam kepadanya: Jadi, kamu bermazhab Sunni?

Kata pemuda itu: Ya

Berkata Imam: Mut'ah halal di sisi kami tetapi haram di sisi kamu.

Berkata pemuda itu kepada Imam: Aku tinggal di sini sejak kira-kira dua bulan sebagai orang asing di negeri ini, bolehkah kau kahwinkan aku dengan anak perempuan mu untuk aku bermut'ah dengannya sementara aku belum pulang ke pangkuan keluarga ku?

Terbeliak mata Imam seketika, kemudian seraya berkata kepada pemuda tersebut*: "Aku Sayid dan perbuatan tersebut adalah haram kepada para Sayid tetapi halal kepada orang awam Syiah".*

Pemuda itu memandang Sayid Al-Khu'i dengan senyuman sinis dan dia mengetahui bahawa Al-Khu'i ber*taqiah*.

Kemudian mereka berdua bangun dan bersurai. Aku meminta izin daripada Al-Imam Al-Khu'i untuk keluar. Aku mengikuti dua pemuda tersebut dan mendapati pemuda yang bertanya tadi adalah bermazhab Ahli Sunnah dan rakannya pula adalah bermazhab Syiah. Mereka berselisih tentang Mut'ah adakah ianya halal ataupun haram maka mereka bersetuju untuk bertanya kepada Imam Al-Khu'i, beliau merupakan tempat rujukan agama. Ketika aku sedang bercakap dengan kedua pemuda itu, pemuda Syiah tadi melenting seraya berkata: *Wahai penjenayah-penjenayah, kamu mengharuskan kepada diri kamu Mut'ah dengan anak-anak perempuan kami dan kamu memberitahu kami perbuatan tersebut adalah halal. Kamu mendekatkan diri kepada Allah dengan perbuatan tersebut, sedangkan kamu mengharamkan ke atas kami bermut'ah dengan anak-anak perempuan kamu?*[1]

Pemuda itu berlalu sambil mencaci dan mencerca serta bersumpah akan bertukar kepada mazhab Ahli Sunnah. Aku pun menenangkan dia kemudian aku bersumpah mengatakan sesungguhnya mut'ah itu haram serta aku menerangkan kepadanya dalil-dalil yang mengharamkan mut'ah tersebut.

1 Anak-anak perempuan daripada kalangan Sayid Syiah.

[HUKUM SEBENAR MUT'AH DI SISI SYIAH]

Sesungguhnya mut'ah dibenarkan pada zaman jahiliah. Apabila Islam datang, Islam mengekalkan mut'ah untuk beberapa tempoh sebelum mengharamkannya pada hari Khaibar. Tetapi yang tersebar di kalangan orang-orang Syiah dan Fuqaha' kita ialah Umar bin Al-Khattab yang mengharamkannya. Inilah yang diriwayatkan oleh sebahagian Fuqaha' kita.

Pendapat yang betul dalam masalah ini ialah mut'ah diharamkan pada hari Khaibar.

Berkata Amirul Mukminin a:

"Rasulullah s telah mengharamkan pada hari Khaibar daging keldai dan nikah Mut'ah" lihat {**التهذيب** : 2/186}, {**الاستبصار** : 2/142}, {**وسائل الشيعة** : 14/441}.

Ditanya Abu Abdullah a:

"Adakah orang-orang Islam pada zaman Rasulullah s berkahwin tanpa bukti yang jelas? Dia berkata: Tidak" lihat {**التهذيب** : 2/189}.

At-Thusi mengaitkan perkara tersebut dengan katanya: Dia tidak inginkan perkara tersebut untuk nikah yang berterusan, bahkan apa yang dikehendaki ialah nikah Mut'ah. Oleh yang demikian, nas ini disebut pada bab nikah Mut'ah.

Tidak syak lagi bahawa dua nas di atas adalah hujah qat'ie[1] (pasti) membatalkan hukum nikah Mut'ah.

[1] Hujah Qat'ie: Hujah jelas yang pasti serta menghalang daripada sebarang pentafsiran selain makna yang dimaksudkan berdasarkan dalil.

Amirul Mukminin a telah meriwayatkan pengharamannya daripada Nabi ﷺ. Ini bermakna Amirul Mukminin a telah menyebut pengharamannya pada hari Khaibar. Maka tidak diragukan lagi para Imam selepas daripadanya mengetahui hukum nikah mut'ah selepas mengetahui tentang pengharamannya.

Kita berhenti sejenak merenung hadis-hadis yang diriwayatkan secara jelas mengenai pengharaman nikah mut'ah dengan hadis-hadis yang disandarkan kepada Imam-Imam yang menggesa nikah mut'ah dan beramal dengannya.

Permasalahan membingungkan umat Islam: Bermut'ah atau tidak?

Pendapat yang benar adalah meninggalkan mut'ah kerana ianya haram seperti mana yang diriwayatkan oleh Amirul Mukminin. Adapun hadis-hadis yang disandarkan kepada Imam-Imam, tidak syak lagi bahawa nisbah kepada mereka tidak benar bahkan ianya hadis yang direka ke atas mereka. Tidak mungkin bagi para Imam menyalahi satu perintah yang telah diharamkan oleh Rasulullah ﷺ dan Amirul Mukminin a selepas baginda. Mereka itu adalah para Imam yang telah menuntut ilmu ini daripada orang yang terpilih kerana mereka adalah keturunan sebahagian daripada mereka.

Ketika ditanya kepada Abu Abdullah a: ***Adakah orang-orang Islam pada zaman Rasulullah s telah berkahwin tanpa bukti yang jelas? Dia berkata: Tidak.*** Jika sekiranya dia tidak mengetahui tentang pengharaman mut'ah, masakan dia berkata: tidak, terutamanya hadis ini jelas mengenai soalan tentang

mut'ah. Abu Ja'far At Thusi merupakan perawi hadis ini yang telah meletakkan hadis ini pada bab mut'ah seperti yang disebut sebelum daripada ini.

Juga tidak mungkin Abu Abdullah a dan para Imam yang sebelum dan selepasnya menyalahi arahan Rasulullah ﷺ ataupun menghalalkan sesuatu yang diharamkan ataupun mencipta dan mereka-reka sesuatu yang tidak diketahui pada zaman Rasulullah ﷺ.

Dengan ini; jelaslah hadis-hadis yang menggesa kepada mut'ah bukan daripada kata-kata para Imam, bahkan satu pendustaan yang disandarkan kepada mereka oleh orang-orang zindik[1] yang mereka ingin mencacati dan menyakitkan Ahli Bait a. Jika bukan, dengan tujuan apakah mereka mentafsirkan harus bermut'ah dengan wanita-wanita Hasyimiah dan mengkafirkan sesiapa yang tidak bermut'ah?

Sedangkan para Imam tidak pernah meriwayatkan walau seorang pun daripada mereka dengan mengatakan bahawa dia bermut'ah sekali atau mengatakan mut'ah itu halal. Adakah mereka[2] beriman dengan selain agama Islam?

Oleh yang demikian, telah jelas kepada kita orang yang mencipta hadis-hadis tersebut ialah kaum zindik yang ingin mencacati ketinggian Ahli Bait a dan para Imam a, kerana beramal dengan hadis-hadis tersebut terkandung di dalamnya mengkafirkan para Imam…. Ambillah perhatian!

[1] Golongan yang menzahirkan Islam tetapi menyembunyikan kekufuran. Pada masa dahulu, golongan ini dipanggil munafik manakala pada hari ini golongan ini dipanggil zindik.

[2] Mereka: Para Imam a

Al-Kulaini meriwayatkan daripada Abu Abdullah a: Seorang wanita bertemu Umar bin Al-Khattab seraya berkata: Aku telah berzina. Umar mengarahkan supaya wanita tersebut direjam. Amirul Mukminin a bertanya: Bagaimana kamu berzina? Dia berkata: Aku melalui sebuah kampung. Kemudian aku terlalu dahaga lalu aku meminta air daripada seorang Arab Badwi. Dia enggan memberikan melainkan aku menyerahkan diri kepadanya. Aku merasa sangat dahaga dan aku khuatir akan memudaratkan diri aku. Badwi tersebut pun memberi aku minum. Lalu aku menyerahkan diri ku. Berkata Amirul Mukminin a: Demi Tuhan Kaabah, kamu telah berkahwin. {**الفروع** : 2/198}

Sesungguhnya Mut'ah seperti yang diketahui terjadi dengan redha antara kedua belah pihak dan suka sama suka antara kedua-duanya.

Adapun pada riwayat ini, wanita tersebut terpaksa dengan menawar dirinya sebagai pertukaran untuk seteguk air. Wanita tersebut tidak termasuk dalam hukum zina sehingga wanita tersebut meminta kepada Umar membersihkan dosanya dan lebih daripada itu –penting- Amirul Mukminin adalah orang yang meriwayatkan haram Mut'ah daripada Nabi ﷺ pada hari Khaibar, bagaimana pula beliau berfatwa bahawa perbuatan tersebut adalah Mut'ah? Fatwanya adalah untuk menghalalkan dan mengakui serta redha dengan perbuatan lelaki dan wanita tersebut!!?

Fatwanya ini sekiranya disebut oleh mana-mana penuntut-penuntut ilmu nescaya dianggap tersilap bahkan ia merupakan kesalahan yang mengaibkan. Bagaimana pula

dinisbahkan kepada Amirul Mukminin a sedangkan siapa dia pada keilmuan dan kelayakan berfatwa?[1]

Golongan yang menisbahkan fatwa ini kepada Amirul Mukminin a sama ada orang dengki yang ingin mencela dengan riwayat ini, ataupun orang yang mempunyai tujuan tertentu dan mengikut hawa nafsu mencipta kisah ini dan disandarkan kepada Amirul Mukminin a. Ini bertujuan untuk mengukuhkan pensyariatan ke atas Mut'ah demi memuaskan dirinya dan orang yang seumpamanya sebagai membolehkan kemaluan-kemaluan wanita atas nama agama. Walaupun perbuatan tersebut membawa kepada dusta kepada Imam-Imam bahkan kepada Nabi ﷺ.

Kerosakan dan kesan buruk daripada Mut'ah.

1- Mut'ah bertentangan dengan nas-nas syariah kerana Mut'ah menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah ﷻ.

2- Terdapat rekaan riwayat dusta dan disandarkan kepada para Imam serta kandungan riwayat tersebut yang keras mencela. Tidak ada yang redha (celaan tersebut) ke atas mereka (Imam) kepada sesiapa yang masih terdapat di dalam hatinya sekecil zarah daripada iman.

[1] Kelayakan berfatwa: Amirul Mukminin a merupakan khalifah 4 selepas Usman bin Affan. Digelar Fata Quraisy dan Saifullah (Pemuda Quraisy dan Pedang Allah). Mana mungkin seseorang yang mendapat pengiktirafan daripada Rasulullah S dengan sebegitu mengeluarkan fatwa yang menyalahi apa yang telah ditetapkan oleh syarak'.

3- Antara kerosakan Mut'ah ialah mengharuskan bermut'ah dengan wanita yang telah berkahwin meskipun wanita tersebut masih menjadi isteri orang tanpa pengetahuan suaminya. Dalam keadaan ini, tidak akan rasa selamat para suami ke atas isteri-isteri mereka. Kadang-kadang wanita yang sudah berkahwin boleh Mut'ah tanpa pengetahuan suaminya yang sah dan tanpa mendapatkan redhanya. Inilah kebinasaan setelah kebinasaan.
Lihat {فروع الكافى : 5/463}, {تهذيب الأحكام : 7/554}, {الاستبصار : 3/145}.

Moga-moga apa yang ku rasakan adalah seperti apa yang dirasakan oleh lelaki lainnya. Bagaimanakah perasaan seorang lelaki jika mengetahui isterinya yang masih menjadi isterinya yang sah telah berkahwin dengan lelaki lain selain daripadanya dengan nikah Mut'ah?!

4- Para ibu bapa juga tidak selamat dengan anak-anak gadis dara mereka yang mungkin berkahwin mut'ah tanpa pengetahuan ibu bapa mereka. Ibu bapa akan terkejut melihat anak gadis mereka telah hamil…. Sebab apa? Bagaimana? Tidak diketahui…..dengan siapa? Tidak tahu anak gadis telah berkahwin dengan seseorang, siapakah dia? Tiada siapa mengetahui kerana lelaki tersebut meninggalkan anak gadisnya dan menghilangkan diri.

5- Kebanyakan golongan yang mengamalkan Mut'ah, mengharuskan mut'ah kepada diri mereka dengan anak-anak gadis orang lain. Tetapi jika sekiranya seseorang tampil meminang anak-anak gadis mereka atau saudara mara mereka dan ingin berkahwin dengan nikah mut'ah, mereka tidak akan setuju mahupun redha kerana mereka menganggap perkahwinan ini seakan-akan zina. Sesungguhnya ini memalukan. Mereka merasakan sebegitu melalui nikah mut'ah mereka dengan gadis-gadis orang lain. Tidak dinafikan mereka akan melarang

mengahwinkan anak-anak gadis mereka dengan orang lain secara mut'ah iaitu mereka mengharuskan kepada diri mereka bermut'ah dengan anak-anak gadis orang lain tetapi sebagai balasan, mereka mengharamkan kepada orang lain bermut'ah dengan anak-anak gadis mereka.

Sekiranya syarak membenarkan mut'ah ataupun ianya perkara yang harus, kenapa mereka susah untuk membenarkan orang asing bermut'ah dengan anak-anak gadis atau saudara mara mereka?

6- Mut'ah tidak ada padanya saksi, makluman kepada orang ramai dan redha wali gadis yang dipinang. Tidak ada padanya pembahagian harta perwarisan daripada lelaki yang mengamalkan mut'ah kepada wanita yang dikahwinkan dengan nikah mut'ah. Perempuan itu disewa seperti mana kata-kata yang disandarkan kepada Abu Abdullah a. Bagaimana mungkin untuk mengharuskan mut'ah dan di war-war kepada orang ramai?

7- Mut'ah membuka ruang kepada orang yang hina dan rendah keturunannya daripada pemuda dan pemudi bagi menyandarkan maksiat mereka kepada agama dan membawa kepada kekeliruan pada gambaran agama dan penganutnya.

Oleh yang demikian, telah jelas kepada kita mudarat-mudarat Mut'ah kepada agama, masyarakat dan akhlak. Justeru itu Mut'ah diharamkan. Jika ada pada Mut'ah itu kebaikan, kenapa ianya diharamkan. Akan tetapi apabila terdapat banyak kerosakan pada Mut'ah maka Rasulullah ﷺ dan Amirul Mukminin a telah mengharamkannya.

Peringatan:

Aku telah bertanya kepada Imam Al-Khu'i tentang kata-kata Amirul Mukminin a mengenai pengharaman Mut'ah pada hari Khaibar dan tentang kata-kata Abu Abdullah a mengenai jawapan kepada orang yang bertanya berkaitan perkahwinan tanpa bukti yang jelas adakah dilakukan pada zaman Nabi ﷺ? Dia berkata: ***"Ucapan Amirul Mukminin a tentang pengharaman Mut'ah pada hari Khaibar adalah pada hari tersebut sahaja, tidak berterusan pengharamannya selepas daripada hari tersebut".***

Manakala jawapan Abu Abdullah a kepada orang yang bertanya, berkata Imam Al-Khu'i: ***"Sesungguhnya kata-kata Abu Abdullah a tersebut adalah Taqiah. Perkara ini telah disepakati oleh para fukaha' kita".***

Aku berpendapat: Sesungguhnya kata-kata para Fukaha' kita tidak benar, ini kerana pengharaman Mut'ah pada hari Khaibar disebut bersama pengharaman daging keldai. Pengharaman daging keldai masih diamalkan semenjak hari Khaibar sehingga hari ini dan akan kekal sehingga hari kiamat.

Dakwaan pengharaman Mut'ah hanya khusus pada hari Khaibar sahaja adalah semata-mata dakwaan yang tidak ada dalil menyokongnya, lebih-lebih lagi pengharaman daging keldai mengiringi pengharaman Mut'ah. Pengharaman Mut'ah terus masih kekal sehingga ke hari ini.

Apa yang lebih daripada itu, sekiranya pengharaman Mut'ah khusus pada hari Khaibar sahaja, sudah tentu datang keterangan daripada Nabi ﷺ membatalkan pengharaman

tersebut, dalam keadaan tidak hilang daripada akal kita sebab kepada dihalalkan Mut'ah. Iaitu musafir dan peperangan. Bagaimana diharamkan pada peperangan Khaibar tersebut sedangkan hajat kepada Mut'ah lebih mendesak terutamanya orang yang berperang jauh daripada keluarganya dan hamba sahayanya. Kemudian ianya diharuskan pada waktu aman (bukan berperang)?

Maksud kata-kata Nabi ﷺ: ***"Sesungguhnya Mut'ah diharamkan pada hari Khaibar"*** iaitu permulaan kepada pengharaman Mut'ah adalah pada hari Khaibar, adapun pendapat-pendapat para Fuqaha' kita adalah sekadar mempermainkan nas tersebut, tidak lebih daripada itu.

Sesungguhnya pengharaman Mut'ah dan daging keldai saling terikat antara satu sama lain. Diturunkan hukum pengharaman Mut'ah pada hari Khaibar kekal sehingga hari kiamat. Tidak ada di sana sebarang tuntutan untuk mentakwilkan kata-kata Amirul Mukminin a semata-mata untuk memuaskan hawa nafsu dan syahwat dan sentiasa mencari wanita-wanita yang cantik dan gadis-gadis yang mempesona untuk bermut'ah dengan mereka dan berseronok menggunakan nama agama dan perkiraannya.

Manakala kata-kata Abu Abdullah a ketika menjawab soalan orang yang bertanya adalah dengan ***taqiyah***. **Aku mengatakan:** Orang yang bertanya adalah daripada kalangan Syiah Abu Abdullah a, tidak ada di sana sebab yang membenarkan dakwaan ***taqiyah*** terutamanya perbuatan tersebut sama dengan hadis yang diriwayatkan daripada Amirul Mukminin a ketika pengharaman Mut'ah pada hari Khaibar.

Mut'ah yang diharuskan oleh para Fukaha' kita memberikan hak kepada para lelaki untuk bermut'ah dengan sebilangan wanita yang tidak terbatas, walaupun dengan seribu wanita pada sesuatu masa.

Berapa ramai daripada orang yang bermut'ah menghimpunkan antara seorang wanita dengan ibunya, antara seorang wanita dengan saudara perempuannya, antara seorang wanita dengan ibu saudara daripada sebelah ayahnya ataupun ibu saudara daripada sebelah ibunya sedangkan lelaki yang bermut'ah itu tidak mengetahuinya.

Seorang wanita telah datang kepada ku meminta penjelasan daripada ku berkenaan suatu perkara yang telah berlaku kepadanya. Wanita tersebut telah menceritakan kepada ku mengenai seorang Sayid iaitu Sayid Husain As-Sadr[1] yang telah bermut'ah dengannya lebih daripada dua puluh tahun lalu sehingga wanita tersebut hamil. Setelah puas dengan wanita tersebut maka dia ditinggalkan. Selepas beberapa ketika wanita tersebut dikurniakan dengan seorang anak perempuan. Wanita tersebut bersumpah anak tersebut adalah daripada lelaki berkenaan kerana tidak ada orang lain yang pernah bermut'ah dengannya pada waktu itu selain lelaki tersebut.

Setelah anak wanita tersebut meningkat dewasa sehingga menjadi gadis yang cantik dan telah layak untuk berkahwin, ibunya mendapati anak gadisnya telah hamil. Apabila ditanya kenapa dia hamil, anak gadisnya memaklumkan bahawa Sayid tersebut telah bermut'ah dengannya sehingga dia hamil,

[1] Sayid Husain As-Sadr: As-Sayid Husain bin As-Sayid Ismail bin As-Sayid Haidar As-Sadr. Dilahirkan pada tahun 1371 H di Najaf. Antara gurunya yang terkenal di Najaf; As-Syahid As-Sayid Muhammad Baqir As-Sadr, As-Sayid Abu Al-Qasim Al-Khu'i dan As-Sayid Ismail As-Sadr. Antara karangan beliau;
1) الصلاة على محمّد وآل محمّد في القرآن والسنّة
2) حكم تكفير المسلم في القرآن والسنّة
dan lain-lain lagi.

tercengang ibunya dan hilang pertimbangannya, seraya menceritakan kepada anak gadisnya bahawa Sayid tersebut adalah ayahnya. Lalu ibunya menceritakan kepada anak gadisnya kisah tersebut. Bagaimana seseorang sanggup bermut'ah dengan ibunya dan apabila datang suatu hari dia bermut'ah pula dengan anak wanita tersebut yang merupakan anaknya?

Kemudian wanita tadi datang kepada ku meminta penjelasan mengenai kedudukan Sayid tersebut dengannya[1] dan dengan anak gadisnya yang melahirkan anak daripada Sayid tersebut.

Peristiwa-peristiwa seumpama ini amat banyak sekali, seseorang telah bermut'ah dengan seorang wanita yang mana setelah diselidiki rupa-rupanya wanita tersebut adalah saudaranya daripada perkahwinan mut'ah. Ada juga yang bermut'ah dengan isteri ayahnya.

Kes-kes seumpama ini tidak ada sesiapa mampu menghitungnya. Sesungguhnya kami memandang perkara tersebut berdasarkan firman Allah Taala"

﴿وَلْيَسْتَعْفِفِ ٱلَّذِينَ لَا يَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّىٰ يُغْنِيَهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ﴾

Maksudnya: *dan orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin, hendaklah mereka menjaga kehormatannya sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia Nya;*
{an-Nur: 33}

Sesiapa yang tidak mampu untuk berkahwin secara syarie dengan sebab kurang harta hendaklah menahan diri

[1] Dengannya: Dengan wanita tersebut.

daripada melakukan perbuatan haram sehingga Allah ﷻ memberikan rezeki kepadanya untuk berkahwin.

Jika sekiranya Mut'ah halal, kenapa Allah ﷻ mengarahkan supaya memelihara diri daripada melakukan perbuatan haram dan menunggu sementara dipermudahkan urusan perkahwinan bahkan sudah pasti Allah ﷻ akan membuka ruang kepada Mut'ah supaya dapat memenuhi tuntutan sebagai ganti daripada hanya terbakar dalam api syahwat yang menyala.

Allah telah berfirman;

﴿وَمَن لَّمْ يَسْتَطِعْ مِنكُمْ طَوْلًا أَن يَنكِحَ ٱلْمُحْصَنَٰتِ ٱلْمُؤْمِنَٰتِ فَمِن مَّا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُم مِّن فَتَيَٰتِكُمُ ٱلْمُؤْمِنَٰتِ﴾

Sehingga firman Allah:

﴿ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِيَ ٱلْعَنَتَ مِنكُمْ ۚ وَأَن تَصْبِرُوا۟ خَيْرٌ لَّكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٥﴾﴾

Maksudnya: *dan sesiapa di antara kamu yang tidak mempunyai kemampuan yang cukup untuk berkahwin dengan perempuan-perempuan yang baik-baik (yang merdeka, yang terpelihara kehormatannya) lagi beriman, maka bolehlah kamu berkahwin dengan hamba-hamba perempuan yang beriman yang kamu miliki.*

Sehingga firman Allah;

itu ialah bagi orang-orang yang bimbang melakukan zina di antara kamu; dan sabarnya kamu (tidak berkahwin dengan hamba-hamba perempuan) itu adalah lebih baik bagi kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. {an-Nisa': 25}

Allah ﷻ telah memberi panduan kepada sesiapa yang tidak mampu berkahwin disebabkan kekurangan harta supaya berkahwin dengan hamba sahaya dan sesiapa yang masih tidak mampu walaupun dengan hamba sahaya, Allah ﷻ telah menyuruhnya supaya bersabar. Sekiranya Mut'ah dihalalkan sudah pasti Allah ﷻ akan memberi pilihan kepada bermut'ah.

[HARAM MUT'AH DI SISI PARA IMAM]

Tidak dapat tidak kita mesti mengemukakan nas-nas lain daripada para Imam dalam mengukuhkan pengharaman mut'ah:

Daripada Abdullah bin Sinnan berkata: aku telah bertanya Abu Abdullah a mengenai Mut'ah maka dia berkata: *"Jangan kamu cemarkan diri kamu dengannya"*
{**بحار الأنوار** : 100/318}.

Dalil di atas jelas daripada kata Abu Abdullah a yang mengatakan Mut'ah mencemarkan diri, jika sekiranya ianya halal kenapa hukumnya menjadi begini. As-Sadiq tidak dengan sekadar ucapan sebegitu, bahkan secara jelas mengharamkannya.

Daripada Ammar berkata: Berkata Abu Abdullah a kepada ku dan kepada Sulaiman bin Khalid: *"Telah diharamkan kepada kamu berdua Mut'ah"*
{**فروع الكافى** : 2/48}, {**وسائل الشيعة** : 14/450}

Abu Abdullah a menempelak sahabat-sahabatnya dan mengingatkan mereka mengenai Mut'ah dengan berkata: ***"Apakah tidak ada daripada kalian yang mempunyai perasaan malu, dilihat kemaluannya kemudian diceritakan kepada teman-teman serta saudara-saudaranya yang lain?***

Ketika Ali bin Yaqtin bertanya Abu Al-Hasan[1] mengenai Mut'ah maka dijawab: *"Untuk apa kamu dengan Mut'ah? Allah ﷻ telah mencukupkan kamu daripada Mut'ah"*
{**الفروع** : 2/43}, {**الوسائل** : 14/449}.

Tepat sekali. Allah telah menjaga manusia daripada Mut'ah dengan perkahwinan syarie yang berkekalan.

Oleh yang demikian, tidak ada seorang pun yang diriwayatkan bermut'ah dengan wanita daripada Ahli Bait a. Sekiranya halal sudah tentu mereka[2] akan mengamalkannya. Hal tersebut dikuatkan lagi daripada Abdullah bin 'Umair berkata kepada Abu Ja'far: *"Adakah kamu gembira jika isteri-isteri kamu, anak-anak gadis kamu, saudara-saudara perempuan kamu dan anak-anak saudara perempuan kamu dinikahkan dengan nikah Mut'ah?- iaitu dinikahi Mut'ah- Abu Ja'far berpaling ketika disebut isteri dan anak-anak saudara perempuan"*
{**الفروع** : 2/42}, {**التهذيب** : 2/186}.

[1] Abu Al-Hasan: Al-Imam Ali bin Musa Ar-Ridha. Imam ke 8 daripada Imam-Imam ahli bait. Dilahirkan pada hari Jumaat, 11 Zulhijjah 148H dan meninggal dunia akibat diracun oleh pemerintah Al Ma'mun di Thus, Khurasan pada tahun 203H setelah menjadi Imam ke lapan selama 20 tahun.

[2] Wanita Ahli Bait Rasulullah S

Dengan yang demikian, lebih jelas kepada setiap Muslim yang berakal bahawa Mut'ah adalah haram, kerana ianya bertentangan dengan nas-nas Al-Quran Al-Karim, As Sunnah dan kata-kata para Imam a.

Sesiapa yang mengamati ayat-ayat Al-Quran dan nas-nas tentang pengharaman Mut'ah yang lepas -jika dia seorang yang hendak mencari kebenaran dan cintakannya -tidak akan mendapati melainkan dia menghukumkan batilnya riwayat-riwayat yang menggesa kepada Mut'ah kerana ianya berlawanan dengan Al-Quran dan As Sunnah yang telah diriwayatkan oleh Ahli Bait a ditambah lagi dengan pelbagai kerosakan-kerosakan secara umumnya kesan daripada Mut'ah yang tidak terhitung banyaknya pada perbahasan yang lepas.

Seperti yang diketahui umum, Islam datang untuk menggesa agar berusaha melaksanakan kebaikan serta mencegah daripada melakukan perkara-perkara keji, juga datang untuk mengukuhkan kemaslahatan yang dapat memandu kehidupan manusia ke jalan yang benar. Tidak dapat dinafikan Mut'ah tidak memandu kehidupan manusia ke jalan yang benar walaupun Mut'ah mengukuhkan maslahat peribadi seseorang -secara andaian- tetapi Mut'ah menyebabkan kerosakan-kerosakan seperti yang telah kami sebutkan sebelum daripada ini.

[PINJAM KEMALUAN]

Berleluasanya amalan Mut'ah ini membawa kepada kemaluan wanita boleh dipinjam. Meminjamkan kemaluan wanita bermakna seseorang lelaki memberikan isterinya atau hambanya kepada seorang lelaki lain dan membenarkan kepada lelaki tersebut untuk bermut'ah atau melakukan apa sahaja yang dikehendaki oleh lelaki tersebut kepada isteri atau hambanya. Sekiranya seseorang lelaki hendak bermusafir, dia akan

meninggalkan isterinya kepada jirannya atau sahabatnya ataupun kepada sesiapa yang dikehendakinya.

Harus bagi lelaki tersebut untuk melakukan apa sahaja yang dikehendakinya sepanjang tempoh musafir suami wanita tersebut. Sebabnya diketahui iaitu supaya suami berasa tenang dan aman terhadap isterinya supaya isterinya tidak berzina pada waktu ketiadaannya (!!). Terdapat cara kedua untuk meminjamkan kemaluan jika sekiranya datang seseorang tetamu daripada sesuatu kaum. Tuan rumah ingin memuliakan tetamunya sehingga meminjamkan isterinya kepada tetamunya sepanjang tempoh permukiman tetamu tersebut dengan mereka. Harus bagi tetamunya melakukan apa sahaja kepada isterinya dan lebih mendukacitakan mereka meriwayatkan riwayat tersebut dan menyandarkan kepada Al-Imam As-Sodiq a dan bapanya Abu Ja'far a.

At-Thusi meriwayatkan daripada Muhammad daripada Abu Ja'far a berkata: Aku berkata: *"Adakah boleh seorang lelaki menghalalkan kepada saudaranya kemaluan hamba sahayanya? Dia berkata: Boleh, tidak mengapa apa yang dihalalkan oleh lelaki tersebut kepada saudaranya daripada hamba sahayanya"*
{**الاستبصار** 136/3}.

Al-Kulaini dan At-Thusi meriwayatkan daripada Muhammad bin Mudharib telah berkata: Telah berkata Abu Abdullah a kepada ku: *"Wahai Muhammad, ambillah hamba perempuan ini untuk berkhidmat kepada mu dan untuk kamu gaulinya, jika dia lari kembalikan dia kepada kami"*
{**الكافى**}, {**الفروع** : 2/200}, {**الاستبصار** : 3/136}.

Aku berpendapat: Jika semua manusia berkumpul dan bersumpah sesungguhnya dua orang Imam As-Sodiq a dan Al-Baqir a berkata dengan ucapan tersebut aku sesekali tidak akan mempercayainya.

Kedua-dua Imam ini amat dihormati dan terlalu agung untuk mengatakan seperti kata-kata yang tidak benar ini. Mereka berdua tidak akan mengharuskan amalan jijik ini yang menafikan akhlak Islam yang tinggi bahkan ianya adalah dayus. Tidak dapat dinafikan para Imam telah mewariskan ilmu ini daripada ulama yang terpilih dan terbilang. Menyandarkan kata-kata dan amalan tersebut kepada mereka berdua, bererti menyandarkan kepada Rasulullah ﷺ maka ianya adalah perundangan daripada Allah Taala.

Dalam ziarah kami ke India dan pertemuan kami dengan Ulama-ulama Syiah di sana, seperti Sayid An-Naqawi[1] dan selainnya, kami telah melalui beberapa kumpulan daripada Hindu, penyembah lembu, Sikh dan selainnya daripada pengikut-pengikut agama-agama berhala, dan kami baca kitab-kitab yang banyak tetapi kami tidak dapati satu agama pun daripada agama-agama yang sesat mengharuskan perbuatan mut'ah ini dan menghalalkannya kepada pengikut-pengikutnya.

[1] As Sayid Dildar Ali bin Muhammad Mu'in An Naqawi An Nasir Abadi Ar Ridhawi Al Mujtahid. Beliau merupakan di antara ulama' besar Syiah Imamiah pada zamannya dan ulama' hebat di India. Bertanggungjawab dalam menyebarkan Syiah di sana. Menghadiri majlis al-Wahid Al-Bahbahani dan Al-Mirza As-Shahrastani di Karbala', Iraq ketika berhijrah ke sana. Kemudian pulang ke India dengan membawa ijazah-ijazah dan syahadah-syahadah yang banyak. Merupakan ulama' yang banyak memberi kesan dalam bidang feqah, usul, falsafah dan ilmu kalam. Dilahirkan pada tahun 1166H bersamaan 1753M dan meninggal pada tahun 1235H bersamaan 1820M.

Bagaimana mungkin bagi agama Islam mengharuskan perbuatan jelik ini yang mana mut'ah ini telah tertolak walaupun dengan serendah-rendah akhlak?

Kami menziarahi al-Hauzah al-Qaimiyyah yang terletak di Iran dan kami mendapati Sayid-sayid di sana mengharuskan peminjaman kemaluan. Di antara orang yang memfatwakan harus perbuatan tersebut ialah Sayid Lutfillah As-Sofi[1] dan selainnya. Oleh yang demikian, perbahasan peminjaman kemaluan tersebar ke seluruh pelosok Iran dan amalan ini berterusan sehingga selepas penggulingan Shah Muhammad Redha Bahlawi dan kedatangan Ayatullah Al-'uzma Al-Imam Al-Khomeini Al-Musawi, dan selepas pemergian Al-Imam Al-Khomeini juga amalan ini masih berterusan. Ini adalah salah satu sebab[2] yang membawa kepada kegagalan permulaan negara Syiah pada masa sekarang ini. Penganut-penganut Syiah di seluruh alam mengamalkan mut'ah, sedangkan kebanyakan

[1] Sayid Lutfillah As-Sofi: As Syeikh Lutfillah bin As Syeikh Muhammad Jawwad As-Sofi Al-Kalbaikani. Dilahirkan pada 19 Jamadil Awwal 1337 H di bandar Kalbaikan di Iran. Selepas kemenangan pemberontakan Islam, beliau menjadi orang yang membetulkan undang-undang asas. Kemudian beliau dipilih menganggotai *Majlis Khubarak* untuk menulis undang-undang Republik Islam. Imam Khomeini telah memilih beliau menjadi anggota *Majlis Sianah Ad Dustur.* Beliau menganggotai majlis ini untuk jangka waktu yang panjang.

[2] Telah hilang angan-angan ku dan angan-angan kebanyakan daripada Sayid-sayid tentang kerajaan Al-Khomeini. Kami menjangkakan Iran akan menjadi kubu Islam. Tetapi ia adalah permulaan pelupusan para pemberontak dan pengaliran darah-darah mereka dan ahli keluarga mereka sehingga menjadi sungai-sungai darah yang mengalir tanpa belas kasihan. Sepatutnya Dia menamatkan kerosakan yang dibuat Ali Bahlawi, tetapi kerosakan masih berterusan walaupun selepas kedatangan Imam Al-Khomeini. Tandas-tandas bercampur antara lelaki dan perempuan. Perbuatan zina asal terzahir bertukar menjadi rahsia akan tetapi dengan skop lebih meluas. Tabarruj (berlebih-lebihan dalam berhias) kekal, mana-mana perempuan keluar dengan mengenakan seluar dan perhiasan yang lengkap selain menutup kepala (berpakaian tapi seolah-olah telanjang). Ditambah lagi rasuah, kecurian dan sebagainya. **– Penulis-**

sayid-sayid tidak mahu melakukan mut'ah bahkan mentohmah perbuatan tersebut. Oleh yang demikian, sahabat kami Al-'Allamah As-Sayid Musa Al-Musawi menamakannya ***"Pemberontakan yang malang"*** dan menyusun beberapa kitab dan kajian-kajian serta menerbitkan makalah-makalah untuk menghentam pemberontakan itu dan menjelaskan kesalahan-kesalahannya.

Berkata As-Sayid Jawwad Al Musawi: Pemberontakan Islam di Iran tidak ada padanya Islam melainkan namanya sahaja.

Ayatullah Al-'uzma As-Sayid Muhammad Kazim Syari'tamadari[1] merupakan antara pemberontak yang paling agresif apabila dia melihat terdapat penyelewengan yang nyata dari landasan Islam.

Terdapat ramai daripada Sayid-sayid yang aku kenali secara peribadi mengkritik dan menjauhkan diri daripada kerajaan Al-Imam al-Khomeini.

Apa yang dikesali ialah Sayid-sayid di sini memfatwakan harus peminjaman kemaluan. Di sana banyak daripada keluarga-keluarga di selatan Iraq dan Baghdad di kawasan pemberontakan yang mengamalkan perbuatan ini disebabkan oleh fatwa-fatwa kebanyakan para Sayid, di antaranya As Sistani, As-Sadr, As-Syairazi, At-Thabathabai, Ab-Boroujordi dan lain-lain lagi. Kebanyakan daripada mereka jika menjadi tetamu kepada seseorang, mereka akan meminjam daripada tuan rumah

[1] Sayid Muhammad Kazim As-Syari'tamadari dilahirkan pada tahun 1322H di Tibriz. Nasabnya bersambung kepada Imam Zainal Abidin dan Sayid As-Sajidin Ali bin Al-Husain. Beliau mempunyai peranan yang besar dalam menjaga Al-Hauzah di Qum dan menjadi rujukan dalam Syiah. Meninggal pada waktu Maghrib hari Khamis 23 Rejab 1406H.

isterinya jika cantik pada pandangan mereka dan kekal apa yang dipinjam sehingga mereka meninggalkannya.

Menjadi satu kewajipan kepada kita untuk memberi peringatan kepada orang awam daripada melakukan perbuatan kotor ini dan supaya tidak menerima fatwa Sayid-sayid yang mengharuskan perbuatan jijik ini. Ini kerana segala apa yang berlaku tidak lebih sandiwara yang dimainkan oleh tangan-tangan tersembunyi di sebalik pentas[1] yang cuba memasukkan perkara seumpama itu ke dalam agama dan menyebarkannya di kalangan orang ramai.

[HARUS MELIWAT ISTERI DI SISI SYIAH]

Tidak cukup dengan itu, mereka mengharuskan liwat kepada wanita dan mereka meriwayatkan juga riwayat-riwayat yang disandarkan kepada para Imam a. At-Thusi meriwayatkan daripada Abdullah Ibnu Abu Al-Ya'fur berkata: ***"Aku telah bertanya Abu Abdullah a tentang seorang lelaki mendatangi isterinya daripada duburnya. Dia berkata: Tidak mengapa jika isterinya meredhai"***. Aku berkata: Di mana hendak diletakkan ayat Allah yang berbunyi:

﴿فَأۡتُوهُنَّ مِنۡ حَيۡثُ أَمَرَكُمُ ٱللَّهُۚ﴾

Maksudnya: *maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu.*

[1] Ada individu-individu yang merencana dan memasukkan agenda yang tidak ada dalam agama terdiri daripada nikah mut'ah dan akhirnya akan merosakkan agama itu sendiri.

Dia menjawab: Ayat ini menyebut tentang mendapatkan anak. Maka dapatkanlah anak dengan cara yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Allah Taala berfirman:

﴿نِسَآؤُكُمۡ حَرۡثٞ لَّكُمۡ فَأۡتُواْ حَرۡثَكُمۡ أَنَّىٰ شِئۡتُمۡ﴾

Maksudnya: *Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai* {al-Baqarah: 223}

At-Thusi juga meriwayatkan daripada Musa bin Abdul Malik daripada seorang lelaki berkata: ***"Aku bertanya Abu Hassan Ar-Redha mengenai seorang lelaki mendatangi isterinya daripada belakangnya melalui duburnya, dia berkata: Satu ayat daripada Kitab Allah telah menghalalkannya dengan ucapan Luth:***

﴿هَٰٓؤُلَآءِ بَنَاتِي هُنَّ أَطۡهَرُ لَكُمۡۖ﴾

Maksudnya: *di sini ada anak-anak perempuan ku mereka lebih suci bagi kamu (maka berkahwinlah dengan mereka).* {Hud: 78}

Maka dapat difahami mereka tidak menginginkan faraj".
{**الاستبصار** : 3/243}

At-Thusi meriwayatkan daripada Ali bin Al-Hakam berkata: Aku mendengar Safwan berkata: Aku berkata kepada Ar-Redha: ***"Seorang lelaki daripada keturunan Sayid menyuruh aku supaya bertanya kepada kamu tentang satu masalah, kerana gerun kepada mu dia malu untuk bertanya kepada kamu. Dia berkata: Apakah dia? Dia berkata: Adakah***

boleh bagi lelaki mendatangi isterinya daripada duburnya? Dia berkata: Ya, itu adalah haknya''
{Rujukan yang lalu}.

Tidak dinafikan hadis-hadis ini bertentangan dengan nas Al-Quran. Allah telah berfirman:

﴿وَيَسۡـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلۡمَحِيضِۖ قُلۡ هُوَ أَذٗى فَٱعۡتَزِلُواْ ٱلنِّسَآءَ فِي ٱلۡمَحِيضِ وَلَا تَقۡرَبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطۡهُرۡنَۖ﴾

Maksudnya: *dan mereka bertanya kepada mu (Wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. katakanlah: "Darah haid itu satu benda Yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat". oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci.*
{Al Baqarah: 222}.

Jika sekiranya mendatangi dubur adalah harus, sudah pasti datang arahan supaya menjauhkan kemaluan wanita sahaja dengan berkata: Maka jauhkanlah kemaluan-kemaluan wanita ketika haid.

Tetapi apabila mendatangi dubur adalah haram, maka datang arahan supaya menjauhkan kemaluan-kemaluan wanita dan dubur-duburnya ketika haid pada wanita dengan kata-Nya:

﴿وَلَا تَقۡرَبُوهُنَّ﴾

Maksudnya: *dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh)*

Kemudian Allah menjelaskan selepas daripada itu dari arah mana sepatutnya datangnya lelaki kepada isterinya, maka berkata Allah:

﴿فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ ٱللَّهُ﴾

Maksudnya: *kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan Yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu.* {Al Baqarah: 222}

Allah Taala mengarahkan supaya mendatangi kemaluan-kemaluan wanita dengan berkata:

﴿نِسَآؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأْتُوا۟ حَرْثَكُمْ أَنَّىٰ شِئْتُمْ﴾

Maksudnya: *Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai.* {Al-Baqarah: 223}

Kebun tanaman ialah tempat mendapatkan anak.

Riwayat Abu Al-Ya'fur daripada Abdullah maksudnya ialah untuk mendapatkan anak mesti melalui kemaluan-kemaluan wanita dengan katanya pada firman Allah:

﴿نِسَآؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ﴾

Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu. Ini menunjukkan cara mendapatkan anak. Dapat difahami daripada riwayat, dikhususkan faraj untuk mendapatkan anak. Adapun untuk menunaikan hajat dan syahwat ialah pada dubur-dubur. Gaya riwayat tersebut jelas menunjukkan maksud ini.

Ini satu kesilapan kerana kemaluan-kemaluan wanita bukan sahaja dikhususkan untuk mendapatkan anak semata-mata, bahkan untuk menunaikan hajat dan syahwat juga. Ini realiti pergaulan antara suami isteri daripada bani Adam sehingga Allah ﷻ mewariskan bumi kepada mereka yang berada di dalamnya dan Abu Abdullah a terlalu mulia daripada mengatakan kata-kata yang salah ini. Jika kita mengatakan harus mendatangi dubur masakan makna daripada ayat Allah yang berbunyi "Apabila mereka bersih maka datangilah mereka daripada apa yang Allah perintahkan" kerana diketahui—mendatangi mestilah daripada faraj dan dubur dan tidak ada di sana tempat ketiga yang boleh didatangi.

Maka ayat ini tidak memberi apa-apa makna dan tiada perintah yang datang daripadanya.

Akan tetapi apabila salah satu daripada dua tempat ini diharamkan dan tidak boleh mendatanginya. Adapun tempat yang lain dihalalkan. Ini memerlukan penjelasan bagi tempat yang wajib untuk didatangi, arahan Allah Taala supaya mendatangi ***al harth***[1] . ***al Harth*** ialah tempat mendapatkan anak dan tempat inilah didatangi untuk mendapatkan anak dan untuk memuaskan keinginan syahwat.

Adapun riwayat yang disandarkan kepada Ar-Redha pada menyatakan harus liwat wanita berdasarkan dalil daripada ucapan Luth.

Aku berpendapat: Pentafsiran firman Allah:

[1] Kebun tanaman kamu

﴿هَٰٓؤُلَآءِ بَنَاتِي هُنَّ أَطۡهَرُ لَكُمۡۖ﴾

Maksudnya: *di sini ada anak-anak perempuan ku mereka lebih suci bagi kamu (maka berkahwinlah dengan mereka).* {Hud: 78}

juga terdapat ayat lain dalam firman Allah:

﴿وَلُوطًا إِذۡ قَالَ لِقَوۡمِهِۦٓ إِنَّكُمۡ لَتَأۡتُونَ ٱلۡفَٰحِشَةَ مَا سَبَقَكُم بِهَا مِنۡ أَحَدٖ مِّنَ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٢٨ أَئِنَّكُمۡ لَتَأۡتُونَ ٱلرِّجَالَ وَتَقۡطَعُونَ ٱلسَّبِيلَ﴾

Maksudnya: *dan (ingatkanlah peristiwa) Nabi Lut tatkala dia berkata kepada kaumnya: "Sesungguhnya kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu. "Patut kah kamu mendatangi orang lelaki (untuk memuaskan nafsu syahwat kamu)? dan kamu memotong jalan lalu-lalang (untuk tujuan jahat kamu)?* {al-Ankabut: 28-29}

"memotong jalan" bukan sahaja bermakna menyamun sahaja.. tidak, ia juga bermakna memotong keturunan dengan mendatangi tempat selain daripada tempat mendapatkan anak iaitu pada dubur. Sekiranya manusia berterusan mendatangi dubur-dubur- sama ada dubur lelaki atau wanita- dan mereka juga meninggalkan tempat untuk mendapatkan anak maka akan pupus umat manusia dan akan terputus keturunan.

Ayat Al-Quran juga memberi makna yang sama khususnya jika kita amati gaya ayat sebelumnya. Tidak diragukan lagi ucapan ini juga diketahui Imam Redha a. Jelaslah ini adalah pendustaan menisbahkan riwayat kepada beliau.

Tidak ada yang pernah berpendapat boleh mendatangi wanita dari dubur melainkan daripada Syiah, secara khususnya daripada Imam dua belas tersebut.

Ketahuilah sesungguhnya semua Sayid-sayid di Al-Hauzah An-Najaf dan Al-Hauzah-al-Hauzah lain bahkan pada semua tempat mengamalkan amalan ini.

Sahabat kami Al-Hujjah As-Sayid Ahmad Al-Waili[1] mengatakan bahawasanya semenjak muncul riwayat-riwayat begini maka bermula pengamalan amalan ini dan sedikit sahaja yang mendatangi isteri mereka dari farajnya.

Apabila aku bertemu salah seorang daripada Sayid pada setiap tempat, aku akan bertanya mengenai halal haram mendatangi wanita dari dubur. Dia berkata kepada ku sesungguhnya perbuatan tersebut adalah halal dan dia menyebutkan riwayat-riwayat yang menghalalkannya di antaranya riwayat-riwayat yang telah aku sebut sebelum daripada ini.

[HARUS MELIWAT KANAK-KANAK LELAKI DI SISI SYIAH]

Mereka bukan sekadar mengharuskan liwat kepada wanita-wanita, bahkan kebanyakan daripada mereka mengharuskan liwat kepada lelaki lebih-lebih lagi lelaki amrad[2]. Pada suatu hari kami di Al-Hauzah tiba-tiba datang khabar

[1] As-Sayid Ahmad Al-Waili: As-Syeikh Ahmad bin As Syeikh Hasan bin Al Laiti Al-Waili dilahirkan pada 17 Rabiul Awal 1347H bersamaan bulan September 1928M di Najaf. Memperoleh Master daripada Universiti Baghdad pada tahun 1969M dan PhD daripada Darul Ulum, Universiti Kaherah, Mesir pada tahun 1972 M. Meninggal pada 13 Julai 2003M di Najaf.

[2] Lelaki yang belum ditumbuhi janggut dan mempunyai rupa paras yang cantik sehingga mengundang nafsu kaum sejenisnya.

memberitahu Samahah As Sayid Abdul Al-Husain Syarafuddin Al-Musawi[1] telah sampai ke Baghdad. Dia akan sampai ke al-Hauzah untuk bertemu dengan Samahah Al-Imam Ali Khasyif Al-Qhito'. As-Sayid Syarafuddin merupakan bintang kepada orang awam Syiah dan Ulamanya, terutamanya selepas terbitnya sebahagian kitab-kitab karangannya seperti "**المراجعات**", "**النصر**" dan "**الاجتهاد**".

Apabila sampai ke Najaf dia menziarahi Al-Hauzah. Sambutan yang penuh dengan penghormatan daripada pimpinan Al-Hauzah terdiri daripada Ulama' dan para penuntut ilmu di dalam satu majlis untuknya di pejabat As Sayid Ali Khasyif al-Qhito' yang penuh dengan Sayid-sayid dan sebahagian pelajar-pelajar al-Hauzah. Aku salah seorang yang menghadirinya. Pada pertengahan majlis itu seorang pemuda yang masih di awal usianya masuk dan memberi salam. Para hadirin menjawab salam tersebut. Lalu dia bertanya kepada Sayid Ali Khasyif Al-Qhito': Sayid, aku ada satu soalan, maka kata Sayid kepadanya: Tujukan soalan kamu kepada Sayid Syarafuddin -maka dia memindahkan soalan kepada tetamunya Sayid Syarafuddin sebagai tanda memuliakannya-. Berkata penyoal: Sayid, aku sedang belajar di London untuk mendapatkan PhD dan aku masih lagi bujang belum berkahwin dan aku ingin seorang wanita yang boleh menjaga aku di sana -masih belum jelas tujuannya pada awalnya– Berkata Sayid Syarafuddin kepadanya: Kamu kahwinlah, kemudian bawa isteri kamu bersama kamu. Berkata lelaki tersebut: Sukar untuk aku tinggal bersama wanita negara ku di sana.

[1] As-Sayid Abdul Al-Husain bin As Sayid Yusuf bin As Sayid Jawwad Syarafuddin Al-Musawi Al-'Amili dilahirkan pada 17 Jamadil Akhir 1290H di bandar Khazimiah, Iraq. Antara sumbangan beliau ialah mengasaskan Kelab Imam As-Shodiq, membina Madrasah Az Zahra' dan lain-lain lagi. Meninggal pada 8 Jamadilakhir 1377H.

Maka Sayid Syarafuddin mengetahui tujuan lelaki itu lalu berkata: Jadi, kamu ingin berkahwin dengan wanita Britain? Kata lelaki tersebut: Ya. Berkata Sayid Syarafuddin kepadanya: Perbuatan ini tidak boleh, kerana berkahwin dengan wanita Yahudi dan Nasrani adalah haram[1]. Berkata lelaki tersebut: Jadi, apa yang harus aku buat? Berkata Sayid Syarafuddin kepada lelaki tersebut: Kamu carilah wanita Muslimah yang tinggal di sana sama ada orang Arab, India atau apa-apa bangsa lain dengan syarat mesti wanita Muslimah.

Berkata lelaki tersebut: Aku telah berkali-kali mencari tetapi aku tidak menjumpai wanita Muslimah yang tinggal di sana yang sesuai untuk aku kahwini, sehingga aku ingin bermut'ah pun tiada. Aku tidak ada pilihan lain di hadapan aku melainkan zina ataupun berkahwin sedangkan kedua-duanya aku tidak mampu lakukan.

Adapun zina, aku menjauhinya kerana perbuatan tersebut adalah haram, sedangkan perkahwinan tidak mampu seperti mana kamu ketahui, aku tinggal di sana selama setahun atau lebih kemudian aku akan pulang bercuti selama sebulan. Seperti yang kamu ketahui ia adalah perjalanan yang jauh, jadi apa yang patut aku buat?

[1] Pendapat Syiah mengharamkan Muslim berkahwin dengan ahli kitab daripada Nasrani dan Yahudi. Mereka berpendapat nas yang menghalalkan perbuatan tersebut talah dimansuhkan dengan ayat Al-Quran (Surah Al Mumthanah :10)

﴿ وَلَا تُمۡسِكُواْ بِعِصَمِ ٱلۡكَوَافِرِ﴾

Maksudnya: "*Dan janganlah kamu (wahai orang-orang Islam) tetap berpegang kepada akad perkahwinan kamu dengan perempuan-perempuan yang (kekal dalam keadaan) kafir*".

Sayid Syarafuddin terdiam[1] sebentar kemudian berkata: Situasi yang engkau hadapi sekarang memang sulit sekali, tetapi aku teringat satu riwayat yang pernah aku baca daripada Imam Ja'far Sodiq, ketika datang kepadanya seorang lelaki yang selalu bermusafir dan tidak mampu bersama dengan isterinya ataupun nikah mut'ah di negara yang dia musafir. Dia juga ditimpa dengan apa yang berlaku kepada kamu. Maka berkata Abu Abdullah a kepadanya: ***"Jika jauh perjalanan kamu, kamu boleh bernikah dengan lelaki"***[2] Itulah jawapan kepada soalan kamu.

Lelaki tersebut keluar dan terdapat padanya tanda ragu-ragu dengan jawapan tersebut. Adapun hadirin yang hadir di antaranya para Sayid Al-Hauzah tidak bercakap seorang pun daripada mereka walaupun sepatah.

Pernah seorang daripada Sayid-sayid di al-Hauzah meliwat seorang amrad yang belajar di al-Hauzah. Khabar tersebut sampai kepada orang ramai, pada hari berikutnya ketika Sayid yang telah disebutkan tadi berjalan-jalan di serambi, datang kepadanya Sayid yang lain daripada Ulama' al-Hauzah

[1] Jelas di wajahnya tanda keliru untuk menjawab soalan tersebut. Apabila aku berkesempatan berdua-duaan bersama Sayid Ali Kasyif Al-Qhito' aku pun bertanya tentang riwayat yang disebut oleh Sayid Syarafuddin. Beliau berkata kepada ku: Aku tidak pernah jumpa sepanjang pembacaan aku. Sejak daripada peristiwa tersebut, aku cuba mencari sumber rujukan riwayat tersebut dalam setiap pembacaan aku. Semua kitab yang ada pada ku daripada kitab-kitab hadis; aku tidak menjumpai sumber rujukannya. Aku beranggapan dia secara spontan menyebut riwayat tersebut kerana terdesak untuk memberikan jawapan di hadapan orang ramai yang hadir. **–Penulis-**

[2] Sebahagian daripada murid-murid Sayid Syarafuddin memberitahu ku bahawa dalam ziarah Sayid ke Eropah dia telah bermut'ah dengan wanita-wanita Eropah khususnya wanita yang cantik di kalangan mereka. Setiap hari dia menyewa seorang. Dia juga telah berkahwin dengan seorang wanita Masihi Maruniah, kenapa dia menghalalkan kepadanya apa yang diharamkan kepada orang lain? **-Penulis-**

juga –telah sampai cerita itu kepadanya- maka Sayid bergurau dalam bahasa Arab Fushah[1]: Sayid apa pendapat kamu tentang menampar punggung[2]

Maka Sayid yang pertama menjawab dengan gurauan yang lebih dahsyat berkata kepada Sayid yang kedua dengan bahasa Arab Fushah juga: Sebaik-baiknya memasukkan kepala zakar sahaja. Kedua-duanya gelak terbahak-bahak dengan kuat!!??

Di sana terdapat Sayid daripada ulama' al-Hauzah yang masyhur dengan perbuatan liwat, satu hari dia melihat seorang kanak-kanak lelaki bersama seorang Sayid lain daripada Ulama' al-Hauzah juga, maka dia bertanya kepada Sayid tadi: Siapa kanak-kanak lelaki yang bersama kamu? Sayid tersebut menjawab: Itu anak lelaki ku. Berkata Sayid tadi kepada Sayid satu lagi: Kenapa kamu tidak hantarkan kepada kami untuk kami mengajarkannya supaya dia akan menjadi Alim seperti kamu? Jawab Sayid tadi sambil mengejek: Wahai orang yang hina, adakah kamu ingin aku menyerahkan dia kepada kamu supaya kamu boleh melakukan perbuatan tersebut kepadanya. Ini dan ini[3] !?

Inilah satu kejadian yang diceritakan kepada aku oleh seorang yang dipercayai daripada tenaga pengajar di al-Hauzah[4].

Kita telah melihat banyak daripada kejadian-kejadian seperti ini, dan apa yang kita dengar daripadanya lebih banyak

[1] Bahasa Arab yang fasih bukan bahasa Arab pasar.

[2] Yang dimaksudkan di sini ialah lubang dubur. **–Penulis-**

[3] Ini dan ini: Melakukan perbuatan liwat.

[4] Tidaklah pelik dan memeranjatkan. Sebahagian daripada susunan syair yang kami pernah baca mengenainya secara jelas menyebut tanpa sebarang kesamaran. Tidakkah An-Nazir berkata " dan harus menikahi kanak-kanak lelaki amrad..." **–Penulis-**

sehingga seorang daripada sahabat kami Al-Mifdhal As Sayid 'Abbas telah menghimpunkan kejadian-kejadian yang sangat banyak dan menulisnya dengan terperinci berserta tarikh-tarikhnya dan juga nama-nama pemiliknya. Dia berhasrat untuk menerbitkannya dalam sebuah kitab yang dia namakan ***"Membongkar Keaiban Al-Hauzah di Najaf"*** kerana menjadi satu kewajipan mendedahkan hakikat sebenar kepada orang awam Syiah yang mana mereka adalah golongan yang kasihan tidak mengetahui apa yang berlaku di sebalik tembok al-Hauzah (perkara tersirat), tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh Sayid-sayid mereka. Mereka menghantar isteri-isteri, anak-anak gadis atau saudara-saudara perempuan mereka untuk tujuan ziarah atau untuk mendapatkan anak ataupun untuk persembahkan "tujuan untuk Al-Husain"[1] Mereka menyerahkannya kepada Sayid-sayid terutamanya jika wanita tersebut cantik untuk berzina dengannya dan melakukan segala perbuatan Munkar. Tidak ada kekuatan melainkan hanya Allah.

[1] Perkataan ini merupakan satu tauriah (membawa erti selain yang difikirkan pendengar) dengan menjadikan sesuatu amalan yang jelik seperti Mut'ah supaya dianggap sebagai satu amalan yang mulia di sisi agama. Mereka menjadikan Al-Husain sebagai satu cara untuk mengelak pandangan yang mengatakan sesuatu perkara itu tidak baik. Bahkan setiap amalan yang menggunakan lafaz "tujuan Al Husain" akan dianggap sebagai suatu amal kebajikan pada pandangan Syiah.

KENAPA AKU MENINGGALKAN SYIAH

KHUMUS[1]

"Para Imam menghalalkan khumus pada ketika Imam Ghaib sebagai satu keistimewaan dan memuliakan Syiah secara khusus"

Al-A'llamah Silar

Sesungguhnya Khumus dimanipulasikan oleh para Fuqaha' dan Mujtahid dengan cara yang kotor sehingga ia menjadi harta-harta yang mengalir kepada Sayid-sayid dan para mujtahid dengan banyak sekali, sedangkan nas-nas syarak menunjukkan bahawa orang awam Syiah terlepas dari pembayaran Khumus. Bahkan **hukum harus dan tidak diwajibkan kepada mereka** untuk mengeluarkannya. Mereka boleh menggunakannya seperti mana mereka menggunakan harta-harta dan pencarian-pencarian mereka yang lain. Bahkan mereka yang mengeluarkan Khumus kepada Sayid-sayid dan

[1] Khumus adalah hasil rampasan perang yang dibahagikan kepada lima bahagian iaitu satu perlima kepada Rasulullah, satu perlima kepada kaum kerabat Nabi S daripada Bani Hasyim, Bani Mutallib dan Bani Abdul Manaf, satu perlima kepada anak-anak yatim, satu perlima kepada orang-orang miskin dan satu perlima kepada *ibnu sabil* iaitu musafir yang memerlukan bantuan.

para Mujtahid dianggap berdosa kerana bertentangan dengan nas-nas yang diriwayatkan daripada Amirul Mukminin a dan para Imam Ahli Bait a.

Sehingga pembaca yang berakal mampu mengenal hakikat Khumus ini dan bagaimana cara menguruskannya, kami akan bentangkan perbahasan Khumus ini, perkembangan dari sudut sejarahnya. Akan disokong oleh nas-nas syarak, kata-kata para Imam a dan fatwa-fatwa para Mujtahid yang terbilang dan yang diiktiraf kata-kata mereka.

[RIWAYAT-RIWAYAT YANG TIDAK MEWAJIBKAN KHUMUS]

1. Daripada Dharis Al Khanani, berkata Abu Abdullah a: Dari mana punca tersebarnya zina kepada manusia?

Aku berkata: ***Aku tidak tahu dan aku jadi sebagai penebus mu. Dia berkata daripada Khumus kami Ahli Bait a kecuali kepada Syiah kami yang baik. Sesungguhnya ia (Khumus) dimaafkan kepada mereka disebabkan kelahiran mereka[1].***
{**أصول الكافى** : 2/502} syarah Syeikh Mustafa.

2. Daripada Hakim Muazzin bin Isa berkata: Aku telah bertanya Abu Abdullah a berkenaan ayat Allah Taala:

[1] Syiah berpendapat mereka tidak perlu membayar Khumus kerana mereka dilahirkan sebagai Syiah yang dianggap suci berbanding dengan Ahli Sunnah yang lain.

﴿ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّمَا غَنِمۡتُم مِّن شَيۡءٖ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُۥ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ ﴾

Maksudnya: *dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu perlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, dan untuk RasulNya, dan untuk kerabat (Rasulullah),*(al-Anfal: 41)

Berkata Abu Abdullah a dengan kedua-dua siku diletakkan ke atas lututnya kemudian mengisyaratkan dengan tangannya seraya berkata: ***"Demi Allah ia (Khumus) adalah keuntungannya sehari demi sehari akan tetapi bapa ku memberikan pengikutnya (Syiah) pilihan untuk mengeluarkannya".***
{**الكافى** : 2/499}.

3. Daripada Umar bin Yazid berkata: Aku melihat Masma'[1] di Madinah. Dia membawa kepada Abu Abdullah a pada tahun tersebut harta untuk diserahkan (khumus), akan tetapi Abu Abdullah a mengembalikannya…sehingga dia (Abu Abdullah) berkata: ***"Wahai Abu Siar, kami telah menjadikan harta tersebut bersih untuk kamu, kami telah menghalalkannya untuk kamu daripada mengeluarkannya. Maka campurkan ia dengan harta kamu yang lain. Semua harta yang ada pada tangan Syiah kita di bumi ini. Mereka dihalalkan makan harta tersebut (tidak perlu bayar khumus) sehingga bangun Al-Qaim kita[2]"*** {**أصول الكافى** : 2/268}.

[1] Masma': antara tokoh yang berjuang bersungguh-sungguh pada pemberontakan di Karbala'.

[2] Al-Qaim: Imam Al-Mahdi Al-Muntazar.

4. Daripada Muhammad bin Muslim daripada salah seorang daripada keduanya[1] a berkata: “*Apa yang paling dahsyat pada manusia pada hari kiamat ialah bangun mereka pemilik khumus dan berkata: Wahai Tuhan, khumus yang telah aku berikan[2]. Allah menjawab: Kami telah menghalalkan kepada Syiah kerana bersihnya keturunan mereka atau sucinya anak-anak mereka”.*
{**أصول الكافى** : 2/502}.

5. Daripada Abu Abdullah a berkata: *“Sesungguhnya manusia semuanya hidup dengan harta milik kami (tidak bayar Khumus) kecuali Syiah, kami halalkan kepada mereka perkara tersebut”*
{**من لا يحضره الفقيه** : 2/243}.

6. Daripada Yunus bin Ya'qub berkata: Ketika aku bersama Abu Abdullah a, seorang lelaki pembuat kain bedung bayi lalu berkata: Aku menjadi penebus mu, pada tangan kami keuntungan, harta dan perniagaan. Kami mengetahui akan hak[3] kamu padanya pasti, kami pada perkara tersebut cuai menunaikannya. Dia a berkata: *Kami tidak berlaku adil pada kalian jika kami mewajibkan perkara itu pada kalian*”
{**من لا يحضره الفقيه** : 2/23}.

7. Daripada Ali bin Mahzayar dia berkata: Aku telah membaca dalam kitab Abu Ja'far, seorang lelaki datang menemuinya dan bertanya supaya menghalalkannya daripada makanan dan minumannya daripada pembayaran Khumus. Maka beliau a menulis dengan tulisannya: *"Sesiapa yang*

[1] Imam Al-Baqir atau As-Sadik

[2] Khumus yang ku berikan: mereka mengharapkan pahala daripada Khumus yang telah mereka keluarkan.

[3] Khumus

berhajatkan sesuatu daripada hak ku[1], ia adalah halal untuknya"
{**من لا يحضره الفقيه** : 2/23}.

8. Seorang lelaki datang menemui Amirul Mukminin a seraya berkata: Aku telah campur adukkan antara harta halal dan haram ku, adakah bagi ku taubat? Berkata Amirul Mukminin a: *"Berikan kepada ku khumus harta itu, lelaki tersebut memberikan khumusnya, maka berkata a: Ini untuk mu, jika seorang lelaki bertaubat maka hartanya turut bertaubat"*[2]
{**من لا يحضره الفقيه** : 2/22}.

Riwayat-riwayat ini dan selainnya sangat banyak yang secara jelas menghapuskan pembayaran khumus kepada Syiah dan mereka dielak dari membayarnya. Barang siapa yang ingin mengambilnya untuk dirinya atau ingin memakannya dan tidak membayar daripada Khumus kepada Ahli Bait a sedikit pun, maka dia dihalalkan dari membayarnya. Baginya apa yang dia kehendaki dan tidak berdosa, bahkan tidak wajib ke atas mereka membayarnya sehingga bangun Al-Qaim seperti mana dalam riwayat yang ketiga.

Jika sekiranya Imam ada sekalipun, tidak akan diberikan padanya sehingga bangun Qaim Ahli Bait a. Jika begitu bagaimana pula mungkin diberikan khumus kepada para Fukaha' dan Mujtahid?!

[1] Hak ku: Khumus

[2] Sekiranya seseorang lelaki bertaubat, maka dia tidak perlu mengganti Khumus yang tidak dibayar olehnya sebelum daripada bertaubat.

Fatwa-fatwa Para Fukaha' yang tidak mewajibkan Syiah membayar Khumus

Berdasarkan nas-nas yang lalu dan selainnya terlalu banyak yang secara jelas memaafkan Syiah dari mengeluarkan Khumus. Semua ini dipetik daripada fatwa-fatwa para Fukaha' yang hebat dan para Mujtahid yang berkemampuan dalam bidang ilmu dan mempunyai kedudukan yang tinggi di kalangan ulama'. Mereka menjadikan Khumus harus kepada Syiah serta tidak mengeluarkannya kepada mana-mana individu sehingga muncul Al-Qaim Ahli Bait a:

1. Al-Muhaqqiq Al-Huli Najmuddin Ja'far ibn Al Hassan yang meninggal pada (676 Hijrah).

"Beliau menegaskan bahawa harus untuk mengguna segala manfaat, tempat tinggal dan barang yang diperniagakan sepanjang Imam Ghaib[1] dan berkata: Tidak wajib mengeluarkan Khumus daripada bahagian yang ada daripada benda tersebut".

Lihat {**كتاب شرائع الاسلام** : m/s 182-183} pada perbahasan Al-Khumus.

2. Yahya bin Said Al-Huli yang meninggal pada (690 Hijrah)

Cenderung kepada pandangan khumus dan selainnya hukumnya harus kepada Syiah kerana memuliakan mereka daripada para Imam seperti di dalam kitabnya {**الجامع للشرائع** : m/s 151}

[1] Imam Al-Mahdi Al-Muntazar

3. Al-Hassan bin Al-Muthahir Al-Huli yang hidup pada kurun kelapan, memfatwakan harus mengeluarkan khumus ke atas Syiah dan memaafkan mereka daripada membayarnya seperti dalam kitab {**تحرير الأحكام** : m/s75}.

4. As-Syahid As-Thani yang meninggal pada (966 Hijrah) menyebut di dalam {**مجمع الفائدة والبرهان** : 4/355-358} berpendapat mengharuskan khumus secara mutlak dan berkata: Pendapat yang paling benar adalah pendapat ini seperti dalam kitab {**مسالك الأفهام** : m/s 68}

5. Al-Miqdas Al-Ardabili yang meninggal pada (993 Hijrah) Beliau merupakan Fuqaha' yang paling fakih pada zamannya sehingga diberi gelaran Al-Miqdas[1]. Beliau berpendapat harus secara mutlak menggunakan harta-harta "Imam Ghaib" bagi Syiah lebih-lebih lagi jika memerlukannya. Dia berkata: Umum hadis menunjukkan gugur secara keseluruhan pada ketika tiada Imam dan adanya. Bermakna tidak ada kewajipan dan ketetapan disebabkan tiada dalil yang kuat ke atas keuntungan-keuntungan dan hasil pencarian dan disebabkan tidak wujud harta rampasan perang.

Aku berpandangan: Kata-katanya di istinbat daripada firman Allah:

[1] Al-Miqdas: As-Syeikh Ahmad bin Muhammad Al-Ardabili An-Najfi. Dikenali dengan nama Al-Miqdas Al-Ardabili. Tidak disebut tarikh lahirnya dalam kitab-kitab sejarah melainkan beliau dilahirkan pada kurun kesembilan hijrah. Berkata Al-Allamah Al-Majlisi: *"Al Muhaqqiq Al Ardabili adalah seorang yang wara', bertaqwa, zuhud. Aku tidak pernah mendengar orang sepertinya daripada kalangan Al Mutaqaddimin dan Al Mutaakhirin"*. Antara karangan beliau:
حديقة الشيعة في تفصيل أحوال النبي والأئمة dalam bahasa Parsi,
مجمع الفائدة والبرهان في شرح إرشاد الأذهان.
Beliau meninggal pada bulan Safar tahun 993 H dan dikebumikan bersebelahan kubur Al-Imam Ali di Najaf.

﴿ وَٱعْلَمُوٓاْ أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَيْءٍ ﴾

Maksudnya: *dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang,* {al-Anfal: 41}

kemudian dijelaskan di sana terdapat riwayat daripada Al-Mahdi menyatakan kami mengharuskan khumus kepada Syiah.

6. Al-A'llamah Silar berkata: Para Imam menghalalkan khumus pada ketika Imam Ghaib sebagai keistimewaan dan memuliakan Syiah secara khusus.
Sila lihat kitab {**المراسيم** : m/s 63}.

7. As-Sayid Muhammad Ali At-Thabathaba'i yang meninggal pada awal kurun kesebelas berkata: Pendapat yang terkuat ialah memaafkan daripada membayar Khumus.
{**مدارك الأفهام** : m/s 344}.

8. Muhammad Baqir As Sabzawari yang meninggal pada akhir kurun kesebelas berkata:

"Apa yang dapat difahami daripada hadis-hadis yang banyak dalam mencari kekayaan seperti dalam Sahih Al Harith bin Al Mughirah, dan Sahihah Al Fudhala' dan riwayat Muhammad bin Muslim, riwayat Daud bin Kathir, riwayat Ishak bin Ya'qub, riwayat Abdullah bin Sinan, Sahihah Zurarah, Sahihah Ali bin Mahzayar dan Sahihah Kuraib: Harus khumus kepada Syiah".

Mereka mencabar kepada sesiapa yang ingin menolak sebahagian kesamaran yang terdapat pada pendapat tersebut dengan berkata: Sesungguhnya hadis-hadis yang mengharuskan adalah lebih sahih dan tidak dibenarkan berpaling berdasarkan hadis-hadis yang disebut tadi.

Kesimpulannya; ucapan yang mengharuskan khumus pada ketika Imam Ghaib terdapat kekuatan. Sila lihat kitab {**ذخيرة المعاد** : m/s 292}

9. Muhammad Hassan Al-Faid Al-Khashani di dalam kitabnya {**مفاتح الشريعة** : m/s 229} {**مفتاح** : m/s 260} memilih pendapat yang menggugurkan apa yang dikhususkan kepada Al-Mahdi, dia berkata: Para Imam menghalalkannya kepada Syiah.

10. Ja'far Kasyif Al Qhito' yang meninggal pada 1227 H di dalam kitab {**كشف الغطاء** : m/s 364}: *Menyebut para Imam mengharuskan Khumus dan tidak mewajibkan membayarnya kepada mereka.*

11. Muhammad Hassan An-Najfi yang meninggal pada 1226 H dalam kitab {**جواهر الكلام** : 16/141}.

"Memutuskan bahawa harus Khumus kepada Syiah pada ketika tiada Imam bahkan ketika ada seperti ketika tiada, serta menjelaskan hadis-hadis yang hampir menjadi mutawatir."

12. Kita akhiri dengan Syeikh Redha Al Hamdani yang meninggal pada 1310 H di dalam kitabnya { **مصباح الفقيه** : m/s 155}: Dia telah mengharuskan khumus ketika Imam Ghaib. Syeikh Al-Hamdani ini merupakan generasi yang terkebelakang sebelum sekitar satu kurun atau lebih daripada hari ini.

Begitulah apa yang kita dapat lihat ucapan-ucapan yang mengharuskan khumus kepada Syiah dan memaafkan mereka dari membayarnya adalah ucapan yang masyhur di sisi setiap para mujtahid yang terdahulu daripada mereka dan yang terkebelakang. Amalan ini telah bermasyarakat sehingga awal kurun yang keempat belas lebih-lebih lagi ianya terdapat nas-nas

yang mengharuskannya. Bagaimana mungkin dan keadaan pembayaran satu perlima ini kepada para Fuqaha' dan para Mujtahid? Sedangkan para Imam a menolak khumus dan mengembalikan khumus itu kepada para pemiliknya dan memaafkan mereka dari membayarnya. Apakah para Fuqaha' dan para Mujtahid lebih mulia daripada para Imam a?

Sesungguhnya fatwa mengharuskan khumus ini tidak terhad kepada mereka yang kami sebutkan daripada para Fuqaha' dan para Mujtahid sahaja. Tidak, bahkan di sana terdapat berganda-ganda daripada bilangan ini yang kami sebutkan pada setiap kurun. Tetapi kami memilih daripada setiap kurun seorang daripada Fuqaha' yang menyatakan tidak perlu membayar khumus supaya lebih jelas kepada kita bahawa ucapan yang mengatakan tidak wajib khumus telah disebut oleh ramai daripada Fuqaha' pada setiap zaman kerana ini adalah pendapat yang paling tepat dalam masalah ini, dan bertepatan dengan nas-nas dan amalan para Imam a.

[FATWA SYEIKH AL-MUFID & SYEIKH AL-TUSI]

Kita mengambil dua fatwa daripada dua tokoh daripada tokoh-tokoh manhaj Syiah iaitu: Syeikh al-Mufid[1] dan Syeikh At Thusi[1].

[1] Syeikh Al-Mufid: As-Syeikh Muhammad bin Muhammad bin An-Nu'man. Dikenali dengan nama As-Syeikh Al-Mufid. Dilahirkan pada 11 Zulkaedah 336H di sebuah kampung yang dikenali dengan Suwaiqah Ibnu Al Basri di 'Akbarak, Baghdad. Berkata Ibnu Kathir dalam kitab Al Bidayah Wa An Nihayah: *" Syeikh kepada Syiah Imamiah, penjaga kepada Al-Hauzah, ramai para ulama' dari seluruh tempat menghadiri majlisnya"*. Antara karangan beliau;

1) الإعلام فيما اتفقت عليه الإمامية من الأحكام ,
2) تفضيل أمير المؤمنين على سائر الأصحاب ,
3) مسار الشيعة في مختصر تواريخ الشريعة dan banyak lagi.

[1] Berkata **Syeikh Al-Mufid:** Berselisih pendapat satu kelompok daripada Ashab[2] kita tentang perkara tersebut – iaitu khumus – ketika Imam Ghaib. Setiap pihak daripada mereka berpendapat seperti rencana (kemudian mereka menyebut beberapa rencana) di antara kata-katanya:

Ada di antara mereka yang menggugurkan ucapan untuk mengeluarkan khumus kepada Imam yang ghaib[3], dan apa yang telah disebutkan daripada keringanan padanya daripada hadis-hadis. Sebahagian lain mewajibkan disimpan dalam tanah – iaitu menanam – dan mentakwilkan hadis yang menyebut ***"Sesungguhnya bumi akan menzahirkan hartanya ketika zahirnya Imam, dan dia a jika bangun Allah akan***

Beliau meninggal pada 3 Ramadhan 413H. Disembahyangkan oleh Al-Murtadha dan dikebumikan bersebelahan kubur الإمامين الجوادين (Imam Musa bin Ja'far Al Kadzim dan cucunya Imam Muhammad bin Ali Al-Jawwad) di bandar Al-Kazimiah.

[1] Syeikh At Thusi: As Syeikh Muhammad bin Al-Hasan At-Thusi. Dikenali dengan nama As-Syeikh At-Thaifah. Dilahirkan pada bulan Ramadhan 385H di Bandar Thus, Khurasan. Berkata Al-Allamah Al-Hulli: *"Syeikh kepada Syiah Imamiah, mempunyai kedudukan yang mulia, tsiqah, mengarang dalam setiap seni-seni Islam"*. Antara karangan-karangan beliau:

1) الاستبصار فيما أُختلف من الأخبار
2) الاقتصاد الهادي إلى طريق الرشاد
3) تلخيص كتاب الكافي في الإمامة dan lain-lain lagi.

Beliau meninggal pada 22 Muharam 460H. Dikebumikan di bilik yang menjadi tempat tinggalnya dengan wasiat daripadanya sehingga sekarang menjadi antara masjid-masjid termasyhur di Najaf.

[2] Mereka adalah satu kumpulan yang telah mendapat persetujuan para ulama tentang apa yang telah mereka riwayatkan dan apa yang telah diriwayatkan melalui mereka boleh diterima pakai. Terdapat perbezaan pendapat mengenai jumlah mereka yang sebenar sama ada 16 atau 18 orang. Secara pasti mereka terdiri daripada 3 kumpulan:

1. Enam daripada mereka merupakan pengikut Al-Imam Al-Baqir dan As-Sodiq.
2. Enam yang lain menjadi pengikut Al-Imam As-Sodiq secara khusus
3. Enam terakhir menjadi pengikut Al-Imam Al-Kadzim dan Al-Imam Ar-Redho.

[3] Maknanya jika Imam tiada kepada siapa akan diberikan Khumus? **–Penulis-**

menunjukkan kepadanya tempat tersimpan hartanya, maka dia akan mengambilnya daripada setiap tempat."

Kemudian dia memilih satu ucapan yang berbunyi:

Dilepaskan Khumus kepada tuannya – iaitu Al-Mahdi – jika takut mati sebelum datangnya Mahdi berwasiatlah kepada sesiapa yang dipercayai pada akal dan agamanya sehingga diserahkan kepada Imam, jika dia bertemu Imam maka dia melaksanakannya. Jika tidak, berwasiatlah Khumus kepada sesiapa yang menggantikannya daripada mereka yang dipercayai dan beragama. Kemudian mengikut prasyarat tersebut sehingga datangnya Imam. **Berkata Syeikh Al-Mufid:** Bagi ku ini pendapat yang lebih jelas berbanding semua yang terdahulu, kerana khumus adalah hak orang yang ghaib serta tidak ditulis secara bertulis sebelum ghaib individu yang wajib diberikan kepadanya.

Kemudian beliau berkata: Amalan ini dilaksanakan seperti zakat yang diberikan ketika cukup haul[1] kepada orang yang berhak, maka tidak wajib sedemikian digugurkan. Dia berkata: Itu pun jika seseorang berpendapat seperti apa yang kami sebut, menjadikan sebahagian khumus untuk Imam dan menjadikan sebahagian yang lain kepada anak-anak yatim daripada keluarga Muhammad S, anak-anak orang yang berjihad di jalan Allah serta orang-orang miskin Ahli Bait a seperti apa yang tercatat di dalam Al-Quran.

Beliau berkata: Barang siapa yang melakukan amalan ini, dia tidak akan jauh dari kebenaran dalam perkara itu bahkan itulah pandangan yang benar. Sesungguhnya ashab kita berselisih pada bab ini.

[1] Cukup setahun mengikut bulan Hijriah.

Sila lihat: {المقنعة : m/s 46}

[2] Berkata **Syeikh At Thusi** yang meninggal pada (460 Hijrah) pengasas Al-Hauzah An-Najfiah dan merupakan pemimpin pertamanya: selepas menyebut hukum-hukum Khumus beliau berkata: Itu pada ketika zahirnya Imam[1].

Kemudian beliau berkata: Adapun pada ketika Imam Ghaib mereka telah meringankan kepada Syiah untuk mereka gunakan pada hak-hak mereka daripada perkahwinan, perniagaan dan tempat-tempat tinggal.

Adapun selain daripada yang disebutkan, tidak dibolehkan menggunakan harta Khumus tersebut. Adapun apa yang mereka berhak miliki daripada Khumus yang tersimpan dan selainnya pada ketika Imam Ghaib, Ashab kita telah berselisih padanya dan tiada nas tertentu[2], melainkan setiap seorang daripada mereka – iaitu para Fuqaha' Syiah – memberikan pendapat yang berhati-hati.

Kemudian At-Thusi telah menghimpunkan pendapat-pendapat tersebut kepada empat:

1. Berkata sebahagian daripada mereka harus (tidak perlu bayar Khumus) pada ketika tersembunyi Imam seperti apa yang diharuskan kepada kita daripada pernikahan dan perniagaan – iaitu selagi mana Imam Ghaib atau bersembunyi semua perkara adalah diharuskan- dan ini adalah pendapat yang

[1] Maknanya: Khumus pada ketika munculnya Imam mempunyai hukum tertentu. Pada ketika ghaib Imam atau tidak dapat menemuinya, mempunyai hukum yang lain pula.**-Penulis-**

[2] Katanya tidak ada nas tertentu masih boleh dipertikaikan. Ini kerana terdapat banyak nas dalam mengharuskan khumus kepada Syiah pada ketika Imam Ghaib yang telah kami sebut sebahagiannya pada perbahasan yang lepas.**-Penulis-**

paling sahih kerana bertepatan dengan nas-nas yang datang daripada para Imam, inilah ucapan kebanyakan daripada Fuqaha'.

2. Berkata satu kaum bahawa Khumus itu wajib disimpan atau dijaga selagi mana manusia masih hidup, apabila seseorang itu meninggal hendaklah berwasiat kepada sesiapa yang dipercayai daripada saudaranya yang beriman supaya dia menyampaikan kepada tuan empunya apabila datang, ataupun diwasiatkan selagi mana dapat disampaikan wasiat tersebut kepada tuan empunya.

3. Berkata satu kaum: Wajib ditanam kerana bumi akan mengeluarkan isinya ketika keluarnya Imam.

4. Berkata satu kaum: Wajib dibahagikan Khumus kepada enam bahagian, tiga bahagian kepada Imam dengan ditanam atau disimpan oleh orang yang dipercayai, pendapat ini telah dipilih oleh At-Thusi. Tiga bahagian yang lain diberikan kepada orang yang berhak daripada anak-anak yatim daripada keluarga Muhammad S, orang-orang miskin ahli keluarganya dan anak-anak orang yang berperang di jalan Allah, inilah yang mesti diamalkan.

Pendapat ini berbetulan dengan fatwa Al-Mufid yang menyamakan Khumus dengan zakat.

Kemudian dia berkata: *"Walaupun manusia mengamalkan sikap hati-hati dan beramal dengan salah satu pendapat yang telah disebutkan dengan cara ditanam ataupun diwasiatkan, tidak akan berdosa"* tamat dengan sedikit olahan.

Syeikh At-Thusi telah menghimpunkan cara mengatur khumus ketika tiada Imam pada empat pendapat yang lepas dan

dia memilih pendapat yang keempat daripadanya[1], dan dia menjelaskan jika manusia memilih mana-mana pendapat daripada pendapat-pendapat ini dan beramal dengannya maka tidak akan berdosa.

Kami memberi komen pada pendapat yang empat ini, ianya walaupun berbeza di antaranya pada sebahagian perkara terperinci tetapi ianya masih sama pada perkara yang satu dan kami menceritakan iaitu harta benda ini – iaitu khumus – yang mana ianya adalah hak Imam Ghaib ataupun hak orang lain, tidak boleh diserahkan kepada para Sayid dan para Mujtahid.

Walaupun empat pendapat yang lepas berbeza pada mengatur harta khumus, kecuali ianya tidak ada padanya isyarat lebih-lebih lagi secara jelas mewajibkan atau mengharuskan pemberian khumus atau sebahagian daripadanya kepada para Sayid dan Mujtahid.

Empat pendapat ini yang dipilih oleh Syeikh At-Thusi adalah pendapat yang diamalkan oleh Syiah dan At-Thusi adalah merupakan pengasas al-Hauzah Al-Ilmiah dan dia juga syeikh kaum (thaifah).

Kamu melihat adakah Syeikh dan Jumhur Syiah pada zamannya, sebelum dan selepasnya adalah orang yang tersilap? Inilah fatwa pemimpin pertama Al-Hauzah Al-Ilmiah An-Najfiyyah

[FATWA AL-IMAM AL-KHU'I]

Mari kita lihat pula fatwa pemimpin terakhir Al-Hauzah sendiri iaitu Maulana Al-Imam Ar-Rahil Abu Al-Qasim Al-

[1] Iaitu pendapat kebanyakan Fuqaha''.**-Penulis-**

Khu'i supaya jelas kepada kita fatwa di antara pemimpin pertama Al-Hauzah dan fatwa pemimpin terakhirnya.

Berkata Al-Imam Al-Khu'i pada menjelaskan orang yang berhak terhadap khumus dan tempat penyerahannya:

Dibahagikan Khumus pada zaman kita, zaman Imam Ghaib kepada dua bahagian:

Separuh kepada Imam Al-A'sr Al-Hujjah Al-Muntazar[1] "'uj"[2], dan jadikan roh-roh kita sebagai bentengnya. Separuh lagi kepada anak-anak yatim Bani Hasyim, orang-orang miskin Bani Hasyim dan anak-anak orang yang berjihad di jalan Allah daripada Bani Hasyim…sehingga katanya:

Separuh yang dikembalikan kepada Imam dan bapa-bapanya, kembali pada zaman ketika Imam Ghaib kepada penggantinya iaitu Al-Faqih yang dipercayai yang mengetahui cara pengurusannya, sama ada dengan membayar kepadanya atau minta kebenaran daripadanya….sehingga akhir.
Sila lihat {**ضياء الصالحين**} (masalah 1259 m/s 347).

Fatwa Al-Imam Al-Khu'i berbeza daripada fatwa Syeikh At-Thusi. Syeikh At-Thusi tidak berpendapat memberikan khumus atau sebahagian daripadanya kepada Al-Faqih Al-

[1] Al-Muntazar: Muhammad bin Al-Hassan Al-'Askari dengan gelaran Al-Mahdi Al-Muntazar. Imam terakhir daripada salasilah 12 Imam bermula dengan Imam Ali V. Diberi gelaran Al-Hujjah sepertimana digelar juga sebagai Al-Qaim. Dilahirkan pada pertengahan bulan Syaaban tahun 255H di rumah bapanya Al-Imam Al-Hasan bin Ali Al-'Askari di kota Samra', Iraq. Al-Mahdi Al-Muntazar dipercayai menghilangkan diri di Sirdab pada tahun 265H dan akan muncul pada akhir zaman untuk membawa keadilan kepada dunia.

[2] Perkataan ini bermaksud di sisi Syiah: Moga Allah segerakan kemunculannya. **–Penulis-**

Mujtahid. Kebanyakan Syiah yang sezaman dengannya telah beramal dengan fatwanya.

Sedangkan kita melihat fatwa Maulana Ar-Rahil Al-Imam Al-Khu'i berpendapat memberikan Khumus atau sebahagian daripadanya kepada Al-Faqih Al-Mujtahid.

Ringkasan perkembangan pendapat Ulama Syiah berkaitan permasalahan khumus

Pendapat pertama:

Selepas terputusnya salasilah Imamah[1] dan ghaibnya Imam Mahdi, **Khumus merupakan hak Imam Ghaib**. Maka Fuqaha', Sayid mahupun Mujtahid tidak ada apa-apa hak padanya. Oleh sebab itu, terdapat lebih daripada 20 orang yang mengaku bahawa mereka adalah pengganti kepada Imam Mahdi. Ini tidak lain hanya semata-mata untuk mendapat bahagian Khumus tersebut. Mereka mengatakan: *Kami telah bertemu dengan Imam Ghaib, kami mampu menyerahkan kepada beliau seperlima (Khumus) daripada hasil pencarian yang diserahkan kepada kami.*

[1] Imamah menurut pendapat Syiah: Ketua yang memegang tampuk kepimpinan sama ada dalam hal yang berkaitan dengan dunia mahupun akhirat. Bagi Syiah mereka menganggap para Imam mereka adalah maksum dengan erti kata tidak melakukan dosa dan kesilapan. Menurut pendapat Syeikh Saleh Karbasi (salah seorang ulama Syiah): *Imamah adalah pengganti kepada pangkat kenabian*. Bagi golongan Syiah, mereka beriman bahawa terdapat salasilah dua belas Imam yang telah ditetapkan oleh Allah taala. Sebelas Imam yang disebutkan oleh mereka sudah wafat cuma masih terdapat seorang lagi Imam yang masih lagi dinantikan oleh mereka iaitu Imam Mahdi (Imam Ghaib).

Keadaan ini pada permulaan zaman G*haibah Suqra*. Pendapat ini kekal lebih kurang satu kurun atau dua kurun selepas itu. Tidak pernah Khumus diberikan kepada mana-mana Mujtahid atau Sayid sepanjang tempoh ini. Dalam tempoh ini juga munculnya empat kitab yang dikenal sebagai " **الصحاح الأربعة الأولى**"[1]. Di dalam kitab-kitab ini diriwayatkan pendapat para Imam Syiah yang **mengharuskan dan memaafkan para Syiah dari membayar Khumus** tersebut.

Tiada satu pendapat pun yang mengatakan bahawa Khumus tersebut boleh diserahkan kepada mujtahid dan Sayid.

Pendapat Kedua:

[1]Kitab الصحاح الأربعة الأولى adalah merupakan kitab yang menjadi rujukan utama Syiah. Kitab-kitab tersebut ialah:

- الكافى : ianya dikarang oleh Syeikh Abu Jaafar Muhammad bin Yaakub bin Ishak Al-Kulaini yang digelar Thiqatul Islam. Meninggal pada 329 H. Beliau merupakan salah seorang ulama besar Syiah Imamiyah. Kitab ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu:
  I. أصول الكافى
  II. فروع الكافى
  III. روضة الكافى

  Kitab ini mengandungi sebanyak 16 ribu hadis berkaitan masalah akidah dan hukum-hakam.
- من لا يحضره الفقيه : ianya dikarang oleh Al-Syeikh Abu Jaafar Muhammad bin Ali bin Hussain bin Musa bin Babuyah al-Qummi yang dikenali sebagai al-Saduq. Lahir pada 305 H di Qum dan meninggal pada 381 H. Kitab ini mengandungi sebanyak 6000 hadis berkaitan fiqah.
- تهذيب الأحكام : ianya dikarang oleh Al-Syeikh Abu Jaafar Muhammad bin al-Hassan al-Thusi yang dikenali sebagai Syeikhul Thoifah. Dilahirkan di Khurasan pada tahun 385 H dan meninggal di Najaf al-Asyraf pada tahun 460 H. Kitab ini mengandungi 13590 hadis berkaitan fiqah.
- الإستبصار فيما اختلف في الأخبار juga ditulis oleh Syeikhul Thoifah. Kitab ini mengandungi sebanyak 5511 hadis.

Kemudian berlaku pengolahan di dalam masalah tersebut setelah Syiah dihalalkan dari membayar khumus pada ketika Imam Ghaib sebagaimana yang telah dijelaskan; Masalah ini diolah, maka mereka berpendapat **wajib mengeluarkan khumus.** Golongan-golongan yang mempunyai tujuan tertentu bagi mengelakkan daripada terus berpegang dengan pendapat pertama tadi berpendapat bahawa khumus wajib dikeluarkan untuk **ditanam sehinggalah munculnya Imam Mahdi.**

Pendapat Ketiga:

Kemudian berlaku lagi pengolahan, maka mereka berkata bahawa bahagian **khumus ini perlu diserahkan kepada seseorang yang mempunyai sifat amanah.** Maka mereka bersepakat **individu yang paling amanah adalah Fuqaha' Mazhab**. Tetapi perkara ini hanyalah sebagai galakan dan **bukanlah sebagai satu tuntutan yang wajib**. Harta tersebut juga **tidak boleh digunakan oleh orang yang dipertanggungjawabkan** bahkan hanya semata-mata menjaga harta tersebut sehinggalah ianya dapat diserahkan kepada Imam Mahdi.

❖ Di sini kita dapat membuat satu kesimpulan penting:

Siapakah di kalangan Fuqaha' yang akan menjaga harta yang diamanahkan kepadanya itu, kemudian selepas kematian Fuqaha' tersebut maka anak cucunya akan mengatakan: *Ini adalah harta yang diamanahkan kepada Fuqaha' tersebut dan wajib diserahkan kepada sesiapa yang akan menggantikannya*?

Tidak syak lagi jawapan yang paling benar kita akan terima ialah:

Tidak akan kita temukan manusia seperti ini. Tidak pernah kita terdengar atau terbaca tentang seorang individu yang mempunyai kriteria seperti ini apabila diberikan amanah kepadanya untuk menjaga harta manusia –Khumus-, maka dia akan mewasiatkan agar menyerahkan harta tersebut kepada sesiapa yang bertanggungjawab selepasnya.

Apa yang berlaku sebenarnya ialah:

Jika seseorang Fuqaha' yang diamanahkan harta tersebut mati, maka ahli keluarganya akan mengagih-agihkan harta tersebut dan mendakwa bahawa harta tersebut adalah milik bapa mereka. Maka harta Khumus tersebut akan berpindah menjadi hak milik ahli waris Fuqaha' yang dikatakan amanah itu. Itu pun jika Fuqaha' tersebut memang seorang yang amanah serta tidak menghabiskan harta tersebut.

Di antara perkara yang dirasakan patut disebutkan di sini ialah berkenaan dengan Al-Qadhi Ibnu Bahraj[1] atau Barraj mengolah pendapat ini **daripada hukumnya sunat kepada wajib**. Dialah orang pertama yang berpendapat wajib menyerahkan harta Khumus milik Imam Mahdi kepada sesiapa yang dipercayai di kalangan para Fuqaha' atau Mujtahid sehinggalah harta tersebut dapat diserahkan kepada Imam Ghaib jika dia bertemu dengannya ataupun dia mewasiatkan kepada sesiapa yang dia percayai selepas kematiannya untuk disampaikan kepada Imam. Sebegini yang disebutkan di dalam kitab "**المهذب** : 8/80". Ini merupakan perkembangan pendapat yang cukup penting di dalam masalah ini.

1 Al qadhi Ibn Barraj/Bahraj: Saaduddin Abu Al qasim Abdul Aziz bin Nahrir bin Abdul Aziz Ibn Barraj. Terkenal dengan panggilan Al-Qadhi atau digelar dengan Izzul mukminin. Lahir pada tahun 481 H/1008 M. Mempunyai kedudukan sebagai seorang Qadhi di kalangan Syiah Imamiah. Banyak menghasilkan karangan tentang permasalahan Usul dan Furu' dalam Ilmu Fekah.

Pendapat Keempat:

Apabila tiba zaman para Ulama mutakhir ini, maka pendapat tersebut diolah lagi satu persatu. Perubahan sebelum akhir ialah mereka mengatakan bahawa **harta tersebut wajib diberikan kepada para Fuqaha' untuk mereka agih-agihkan kepada yang berhak, terdiri daripada anak-anak yatim atau orang yang miskin daripada kalangan Ahli Bait Rasulullah S**. Pendapat yang paling rajih[1] adalah pendapat al-Faqih Ibnu Hamzah[2] merupakan ulama' yang pertama yang cenderung kepada pendapat ini pada kurun ke-6.Ini seperti apa yang disebutkan di dalam kitab
{**الوسيلة في نيل الفضيلة**: m/s 682}

Beliau juga berpendapat perbuatan seperti ini terlebih baik daripada pemilik harta tersebut sendiri yang mengagih-agihkannya, lebih-lebih lagi jika dia tidak pandai di dalam cara pengagihannya.

Pendapat Kelima:

1 Pendapat yang paling kuat

2 **al-Faqih Ibn Hamzah**: Namanya Al-Syeikh Muhammad bin Ali Al-Thusi al-Masyhadi yang dikenali sebagai Ibnu Hamzah. Beliau dilahirkan pada kurun ke-6 hijriah dan meninggal dunia pada tahun 580 H di bumi Karbala. Bukan sekadar tarikh lahirnya yang tidak diketahui malah para ulama Syiah juga tidak dapat memastikan sejarah kehidupannya secara terperinci. Antara gurunya ialah al-Syeikh Muhammad bin Hussain al-Syarhani. Manakala antara muridnya ialah Sayid Abdul Hamid bin Fakkar al-Musawi. Antara hasil karyanya ialah:

- **نهج العرفان إلي هداية الإيمان**
- **الوسيلة إلي نيل الفضيلة**
- **كتاب في قضاء الصلاة** dan lain-lain.

Pengolahan demi pengolahan berlaku pada zaman-zaman terakhir -kemungkinan kira-kira satu kurun sebelum ini- sehingga sampai kepada langkah terakhir. Berkata sebahagian daripada para Fuqaha' bahawa **khumus milik Imam Ghaib boleh digunakan oleh seorang Faqih pada bahagian yang dia rasakan perlu** seperti memberikannya kepada penuntut ilmu, membangunkan urusan agama dan lain-lain. Ini adalah seperti yang difatwakan oleh Sayid Muhsin al-Hakim[1] di dalam {**مستمسك العروة الوثقى** : 9/584}

Pendapat ini bersama dengan pandangannya mengatakan penggunaan harta Imam Mahdi tersebut tidak perlu merujuk terlebih dahulu kepada al-Faqih.[2]

---

[1] **Sayid Muhsin al-Hakim**: Namanya ialah Sayid Abu Yusuf Muhsin bin Sayyid Mahdi Thabathaba'ie al-Hakim. Salah seorang datuknya adalah merupakan seorang doktor perubatan yang terkenal. Pada zaman tersebut keluarga yang diletakkan gelaran al-Hakim adalah bermaksud Doktor. Beliau dilahirkan di Najaf al-Asyraf pada bulan Syawal 1306 H. Antara karangannya:

- رسالة في بعض المسائل المتفرقة في الصلاة
- حواش علي تقريرات السيد الخونساوى
- شرح كتاب المراح في علم الصرف
- تعليقة علي كتاب رياض المسائل
- رسالة مختصرة في علم الدراية dan lain-lain.

Beliau meninggal dunia pada 22 Rabiulawal 1390 H.

[2] Pendapat keempat mewajibkan agar harta tersebut diserahkan kepada al-Faqih untuk di agih-agihkan kepada golongan yang layak untuk menerimanya. Ini bermakna pengeluaran harta tersebut perlu merujuk terlebih dahulu kepada al-Faqih.

Manakala pendapat kelima mengatakan bahawa harta sebenar adalah milik Imam Ghaib. Cuma harta tersebut boleh digunakan oleh al-Faqih untuk tujuan memberikan bantuan kepada yang memerlukan. Pendapat keempat mewajibkan penggunaan harta merujuk terlebih dahulu kepada al-Faqih. Tetapi pendapat yang kelima tidaklah mensyaratkan agar penggunaan tersebut merujuk terlebih dahulu kepada al-Faqih.
Ini kerana mereka melihat jika harta tersebut diserahkan kepada al-Faqih maka harta tersebut akan digunakan untuk kepentingan peribadi.

Ini membawa maksud penggunaan harta milik al-Faqih tersebut adalah satu situasi yang baru timbul pada zaman mutakhir ini. Mereka berpendapat sedemikian setelah melihat realiti bahawa sekolah-sekolah, pusat percetakan dan keperluan-keperluan lain yang memerlukan sumbangan.

Mereka juga melihat kepada kepentingan peribadi. Bagaimana mungkin mereka menyelesaikan semua perkara ini dan memenuhi segala hajat keperluan mereka? Sedangkan mereka mengetahui bahawa ianya memerlukan kewangan yang banyak.

Mereka berpandangan harta khumus ini adalah sebaik-baik hasil kemasukan yang akan mampu memenuhi segala hajat keperluan mereka dan merealisasikan kesenangan peribadi serta memperoleh hasil kekayaan yang melimpah ruah. Ini sepertimana yang kita dapat lihat kepada para Fuqaha' dan Mujtahid Syiah hari ini

.

Perbahasan tentang perkara ini[1] melalui pelbagai peringkat dan pengolahan yang banyak sehingga akhirnya mendapat ketetapan bahawa **khumus harta pencarian tersebut perlu diserahkan kepada para Fuqaha' dan Mujtahid Syiah**. Ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa pembahagian seperti ini tidak disebutkan langsung di dalam al-Quran, As-Sunnah dan pendapat para Imam a. Bahkan pendapat ini hanya muncul zaman mutakhir ini yang hanya dikatakan oleh sebahagian daripada mujtahid. Pendapat ini bertentangan dengan Al-Quran, As-Sunnah dan pendapat para Ulama' Ahli Bait a serta pendapat-pendapat dan fatwa Fuqaha', Mujtahid dan mereka yang diterima pendapatnya.

---

[1] masalah pembahagian Khumus

Aku ingin memberi amaran kepada seluruh sahabat-sahabat dan anak-anak ku yang beraliran Syiah agar mereka tidak menyerahkan khumus dari harta pencarian tersebut kepada para Mujtahid Syiah. Ini kerana harta tersebut halal untuk mereka gunakan. Hakikatnya, para Fuqaha' dan Sayid tiada hak langsung untuk menggunakan harta tersebut. Sesiapa yang menyerahkan harta tersebut kepada para Mujtahid atau Faqih, maka dia telah melakukan satu dosa kerana bertentangan dengan pendapat kebanyakan pendapat para ulama Syiah yang mengatakan bahawa pembayaran khumus ini gugur sehinggalah munculnya Al-Qaim.

[PENDAPAT KHOMEINI]

Aku merasakan amat perlu menyebutkan pendapat yang dikeluarkan oleh Ayatullah Khomeini di dalam masalah ini. Beliau pernah menyentuh berkenaan perkara ini di dalam ucapan beliau di hadapan kami yang hadir di dalam majlis tersebut di Al-Hauzah pada tahun 1389 Hijriyyah. Kemudian beliau himpunkan pendapat beliau di dalam kitab :
{**الحكومة الإسلامية أو ولاية الفقيه**}

Di antara apa yang diperkatakan oleh beliau ialah:

Wahai yang dangkal pemikirannya kalau kita mengatakan bahawa disyariatkan khumus itu adalah untuk memastikan kesejahteraan hidup bagi zuriat keturunan Rasulullah s semata-mata. Sesungguhnya sudah cukup bagi mereka bahkan lebih dengan menggunakan sebahagian kecil sahaja daripada harta tersebut. Seumpama cukup bagi mereka mendapat 1/5 dari satu bursa daripada bursa-bursa besar yang terdapat di Baghdad seperti bursa Tehran, Dimasyk, Islambul dan yang seumpama dengannya dibandingkan dengan bursa-bursa perdagangan yang besar. Jadi apa yang akan terjadi kepada harta yang selebihnya itu?

Kemudian beliau berkata lagi:

Aku berpandangan bahawa hukum Islam yang adil & saksama tidak akan memberati kita terhadap sesuatu perkara yang tidak terlalu penting atau yang tiada kepentingan umum padanya.

Kemudian beliau menambah lagi:

Cukai khumus yang diperoleh ini bukanlah penghasilan untuk menjamin keperluan hidup untuk ahli keluarga Rasulullah S semata-mata ataupun ianya adalah zakat yang akan diagih-agihkan kepada para fakir miskin. Ini kerana cukai itu akan lebih berganda-ganda daripada apa yang mereka perlukan.

Adakah selepas daripada itu maka Islam akan meninggalkan khumus dan zakat ini hanya semata-mata kerana telah mencukupi keperluan Ahli Bait Rasulullah S dan para fakir miskin atau lebihan harta akan menjadi simpanan di bawah laut, ditanam di dalam bumi atau seumpamanya?

Bilangan Sayid yang diberi kebenaran kepada mereka memakan dari harta khumus pada waktu itu –permulaan Islam- tidak sampai seratus orang. Jika kita anggapkan bilangan mereka setengah juta, adakah logik Islam hanya menumpukan semata-mata mengenyangkan perut Ahli Bait Rasulullah S pada harta yang terlalu banyak ini. Harta yang sentiasa berkembang dan bertambah selagi mana berkembangnya perniagaan dan perindustrian seperti mana pada hari ini? Bahkan tidak sama sekali.
{lihat **الحكومة الإسلامية** 1/39-40-42 cetakan **مطبعة الآداب** di Najaf}

Berdasarkan ucapan yang diucapkan oleh Imam Khomeini ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa harta khumus ini terlalu banyak. Keadaan itu pada waktu Imam Khomeini menyampaikan ucapan di Al-Hauzah. Jika begitu keadaannya, berapakah banyak harta yang sudah terkumpul sehingga sekarang?

Imam Khomeini juga berkata bahawa satu bahagian daripada harta yang banyak tersebut sudah cukup untuk memenuhi keperluan Ahli Bait Rasulullah S. Kemudian selebihnya, ke manakah akan digunakan?!!

Berdasarkan apa yang kita faham daripada kalam Imam Khomeini tersebut jelas menunjukkan bahawa harta tersebut akan diagih-agihkan kepada para Fuqaha' dan Mujtahid.

Jadi tidak hairanlah jika kita lihat Imam Khomeini mempunyai kekayaan yang cukup banyak sepanjang beliau di Iraq. Ketika beliau ingin bermusafir ke Perancis untuk menetap di sana, maka beliau menukar akaun dinar Iraq kepada mata wang Amerika kemudian menyimpannya di bank Paris dengan kadar bunga yang tinggi.

Sesungguhnya rosaknya manusia disebabkan dua perkara: seks dan harta. Kedua-dua perkara ini jelas ada kepada Ulama-ulama Syiah.

Kemaluan-kemaluan dan dubur-dubur dihalalkan dengan cara nikah mut'ah dan sebagainya. Manakala harta-harta dihalalkan kepada mereka dengan cara pembahagian khumus ini atau wang yang dilempar di hadapan pintu rumah atau pada majlis-majlis. Siapakah di kalangan mereka yang akan berdiam diri dan tidak menginginkan perkara yang menyeronokkan ini. Lebih-lebih lagi jika kita mengetahui bahawa sebahagian daripada mereka memang melakukan perkara ini tidak lain tidak bukan hanya untuk memenuhi hawa nafsu mereka pada seks dan harta.

Perhatian penting:

Maka bermulalah persaingan di kalangan para Sayid dan mujtahid untuk mendapatkan harta khumus. Oleh kerana itu, setiap daripada mereka meletakkan nilai yang rendah bagi setiap khumus yang dikutip supaya orang ramai akan berduyun-duyun memilih Ulama yang meletakkan harga yang paling rendah. Mereka telah berjaya mereka-cipta teknik syaitan.

Seorang lelaki datang menemui Sayid Ali Al-Sistani[1]. Kemudian lelaki itu berkata:
Ini adalah kewajipan ku (khumus*)* yang wajib dikeluarkan sebanyak 5 ribu juta. Aku hanya ingin membayar setengah daripadanya iaitu 2.5 ribu juta.

Sayid Ali al-Sistani berkata: Berikan kepada ku 2.5 ribu juta tersebut. Maka lelaki tersebut menyerahkan wang itu kepadanya. Apabila wang itu sudah berada di tangan Al-Sistani maka dia pun berkata: Sekarang aku hadiahkan wang ini kepada kamu[2]. Lelaki itu mengambil kembali wang tersebut. Kemudian Al-Sistani berkata: Serahkan sekali lagi wang tersebut kepada ku. Maka lelaki tersebut menyerahkan wang itu kepadanya. Al-Sistani berkata: Maka sekarang, kamu telah menyelesaikan kewajipan kamu sebanyak 5 ribu juta tersebut.

---

[1] **Sayid ali al-Sistani**: Lahir pada 9 Rabiul Awwal 1349 H di Kota suci Mashhad. Mendapat bimbingan daripada Allamah Mirza Mahdi Isfahani.
Antara karangannya:

- **المسائل المنتخبة**
- **الفقه للمغتربين**
- **مناسك الحج**
- **الفتاوى الميسرة**
- **قاعدة لا ضرر و لا ضرار**

Karangannya mencecah 44 buah kitab(termasuk yang telah dicetak dan belum dicetak)

[2] seolah-olah wang itu adalah miliknya

Tatkala para Sayid yang lain melihat perkara sedemikian, maka mereka pun turut melakukan pengurangan nilai di dalam meletakkan nilai khumus tersebut. Mereka mengambil contoh yang dilakukan oleh Al-Sistani. Bahkan mereka mencipta teknik baru supaya orang ramai memilih mereka.

Maka berlakulah persaingan 'sihat dan mulia' di kalangan para Sayid untuk mendapatkan khumus. Maka jadilah khumus seumpama harta tender terbuka yang ditawarkan. Kebanyakan golongan kaya akan memilih Sayid yang mengambil nilai khumus yang paling sedikit.

Apabila Ketua Al-Hauzah melihat persaingan yang berlaku di kalangan para Sayid Syiah di dalam merebut keuntungan Khumus semakin hebat serta pendapatan yang diperoleh oleh pemimpin Al-Hauzah sedikit, maka dia mengeluarkan fatwa bahawa setiap pembayaran Khumus tidak boleh dibayar kepada sesiapa sahaja. Bahkan tidak boleh dibayar kecuali kepada individu tertentu yang telah ditetapkan. Maka Ketua Al-Hauzah atau wakilnya yang membahagikan harta di setiap kawasan akan mendapat habuan yang paling besar daripada harta itu.

Setelah memperoleh harta tersebut, dia terus menukarkannya ke dalam bentuk emas kerana jatuhnya mata wang Iraq sehinggalah dia memiliki dua bilik yang dipenuhi dengan emas. Adapun berkenaan wakil-wakil yang dilantik mencuri emas-emas tersebut tanpa pengetahuan penguasa, boleh diceritakan begitu banyak sekali.

Amirul Mukminin Ali a berkata:

"Beruntunglah bagi orang-orang yang zuhud dengan dunia serta tamak kepada akhirat. Mereka adalah orang-orang yang menjadikan bumi ini sebagai hamparan, tanahnya sebagai katil, airnya sebagai wangian, Al-Quran sebagai syiar dan doa sebagai selimut. Setelah itu mereka menggadaikan dunia ini dengan gadaian berdasarkan sistem Al-Masih. Sesungguhnya Nabi Daud a bangun pada sepertiga malam kemudian berkata: Pada waktu ini tidak akan ditolak doanya melainkan jika dia Al-Usyar, ketua tentera atau polis."
{**نهج البلاغة** : 4/24}

Cubalah bandingkan kata-kata Imam Ali a dengan perbuatan para Sayid Syiah maka kamu boleh menilainya sendiri. Perkataan-perkataan Ali a yang hebat ini dan lainnya langsung tidak mendapat tempat di dalam hati para Sayid dan Mujtahid. Kemewahan, kenikmatan dan kemuliaan di dalam hidup menyebabkan mereka lupa akan kezuhudan Ali a dan membutakan mata mereka daripada berfikir tentang perkataan-perkataan Ali a serta beramal dengan apa yang diperkatakan.

Sesungguhnya al-Usyar itu adalah orang yang mengambil harta sebanyak sepersepuluh (1/10)[1]. Orang yang

[1] Al-Assyar adalah seseorang yang ditugaskan sebagai pemungut cukai bagi kerajaan Rom. Al-Assyar yang disebutkan di dalam Injil adalah merupakan golongan Yahudi. Mereka merupakan golongan yang memberikan bantuan kepada pencerobohan golongan Rom. Golongan al-Assyar adalah lebih hina daripada golongan Yahudi yang lain. Mereka terkenal sebagai golongan yang memungut cukai melebihi daripada kadar yang ditetapkan semata-mata untuk kepentingan diri mereka sendiri. Oleh sebab itu, mereka diharamkan

mengambil harta sebanyak ini pun tidak diterima doanya apatah lagi yang mengambil seperlima (khumus) daripada orang ramai. Maka mereka yang mengambil khumus lebih layak untuk tidak diterima doanya kerana yang diambilnya lebih banyak daripada mereka yang mengambil hanya sepersepuluh. *Kita memohon kepada Allah keselamatan.*

Peringatan lain:

Kita telah mengetahui berdasarkan perbahasan kita sebelum ini bahawa khumus tidak diserahkan kepada para Fuqaha' dan mujtahid. Perkara ini menjadi jelas kepada kita dicelah-celah perbahasan tajuk ini dari semua sudut.

Satu perkara lagi yang perlu diambil perhatian oleh semua adalah berkenaan para Fuqaha' dan golongan yang menjadi sumber rujukan di dalam agama ini, mereka mengakui bahawa mereka termasuk dalam golongan Ahli Bait a. Kamu akan mendapati sebahagian daripada mereka akan meriwayatkan kepada kamu nasab keturunan mereka kepada kamu yang kononnya bersambung sehingga Al-Khazim[1] a. Adalah sesuatu

daripada memberikan sebarang pendapat di dalam masalah agama (kerana mereka sudah tidak dipercayai di kalangan umat mereka sendiri).
Terdapat satu lagi golongan yang berkait rapat dengan golongan al-Assyar. Mereka digelar al-Farisi. Golongan ini merupakan anggota di dalam majlis agama mereka. Tugas utama mereka adalah memahami secara mendalam berkaitan sistem perundangan Tuhan. Mereka lebih mementingkan perkara yang kecil dan mengabaikan perkara-perkara yang lebih utama di dalam kehidupan. Ini kerana mereka tidak mengamalkan ilmu yang mereka pelajari. Perkara ini menjadikan mereka terkenal sebagai orang yang berbangga dengan agama semata-mata(tetapi hakikat yang sebenar adalah sebaliknya).

[1] **Al-Imam Musa Al-Kadzim**: Namanya ialah Musa al-Kadzim bin Jaafar bin Muhammad al-Sadiq. Ibunya bernama Hamidah. Dilahirkan di Abwa' pada 7 Safar 128 H. Disebabkan terlalu gembira dengan kelahirannya maka ayahnya telah mengadakan kenduri selama tiga hari berturut-turut. Beliau merupakan

perkara yang sangat mustahil dengan bilangan Fuqaha' Syiah yang terlalu ramai ini (antaranya dari Iraq, Iran, Syria, Lubnan, negara Teluk, India, Pakistan dan lain-lain) adalah daripada golongan Ahli Bait a. Sesiapa yang menghitung Fuqaha' Iraq akan mendapati bilangan yang terlalu ramai terdiri dari Ahli Bait a, bagaimana pula jika ditambah dengan para Fuqaha' dan Mujtahid dari negara lain? Nescaya bilangan mereka berganda lebih besar. Adakah lojik kita katakan yang semuanya adalah daripada kalangan Ahli Bait a?

Lebih daripada itu lagi, rajah pokok keturunan dijadikan satu perniagaan di Al-Hauzah. Sesiapa yang ingin mendapatkan salasilah keturunan yang mulia maka dia hanya perlu membawa adik perempuannya atau isterinya dengan syarat cantik untuk diserahkan kepada salah seorang Sayid di sini untuk dimuta'h atau membawa harta yang banyak kepada mereka. Maka nasab keturunan yang baik akan diperoleh dengan cara yang mudah dengan salah satu daripada dua cara yang telah kita sebutkan. Ini adalah perkara yang telah diketahui umum di Al-Hauzah.

Oleh itu **aku katakan**:

Janganlah kalian terpedaya dengan apa yang dilakukan oleh sebahagian daripada para Sayid dan penulis Syiah yang meletakkan rajah pokok salasilah keturunan mereka di permulaan kitab-kitab penulisan mereka. Tidak lain dan tidak bukan hanyalah untuk menipu golongan hartawan dan miskin agar menyerahkan harta Khumus kepada mereka.

Imam ketujuh daripada senarai Imam-Imam ahli Bait a seperti yang didakwa oleh Syiah. Beliau memegang tampuk pemerintahan selama 35 tahun. Dikatakan bahawa yang membunuhnya ialah Khalifah Harun al-Rasyid. Beliau wafat pada 25 Rejab 183 H dan dikebumikan di al-Kadzimiah.

Pada akhir perbahasan tentang khumus ini aku tidak ketinggalan untuk menyebutkan perkataan daripada sahabat ku seorang penyair yang hebat iaitu Ahmad Shofi al-Najafi P [1]. Aku mengenalinya sebaik sahaja mendapat pangkat Ijtihad dan kami berdua menjadi sahabat yang rapat walaupun beza umur di antara kami cukup jelas. Beliau lebih tua daripada ku 30 tahun atau lebih. Beliau berpesan kepada ku: ***Wahai anak ku Husain, janganlah kamu mencemarkan diri kamu dengan Khumus kerana ianya adalah harta yang haram.*** Beliau berbincang dengan ku tentang masalah ini (al-Khumus) sehinggalah aku benar-benar puas tentang pengharamannya. Kemudian beliau mendeklamasikan satu syair yang beliau tulis khusus. Syair ini aku letakkan di dalam catatan kenangan dan akan aku nukilkan untuk tatapan para pembaca. Beliau berkata:

1) **عَجِبْتُ لِقَوْمٍ شَحْذَهُمْ بِاسْمِ دِيْنِهِم # وَكَيْفَ يُسَوَّغُ الشَحْذُ لِلرَّجُلِ الشَّهْمِ**

2) **لَئِنْ كَانَ تَحْصِيْلُ العُلُوْمِ مُسَوِّغًا # لِذَاكَ فَإِنَّ الجَهْلَ خَيْرٌ مِنَ العِلْمِ**

3) **وَهَلْ كَانَ فِي عَهْدِ النَّبِّيِّ عِصَابَةٌ # يَعِيْشُوْنَ مِنْ مَالِ الأَنَامِ بِذَا الاِسْمِ**

4) **لَئِنْ أَوْجَبَ اللهُ الزَّكَاةَ فَلَمْ تَكُنْ # لِتُعْطَي بِذُلٍّ بَلْ لِتُؤْخَذَ بِالرَّغْمِ**

5) **أَتَانَا بِهَا أَبْنَاءُ سَاسَان حِرْفَةً # وَ لَمْ تَكُ فِي أَبْنَاءِ يَعْرِبِ مِنْ قِدَمِ**

Maksudnya:

1) Aku hairan dengan golongan yang sanggup mengemis dengan nama agama #

---

[1] Ahmad al-Sofi al-Najafi (1897-1977M). Dilahirkan di Najaf. Seorang penyair Iraq yang hebat.

Bagaimana seorang lelaki yang bermaruah dibenarkan mengemis#

2) Jika dengan ilmu yang diperoleh dibenarkan untuk mengemis #
Maka tentulah jahil itu lebih baik daripada berilmu#

3) Adakah terdapat pada zaman Nabi golongan seperti ini#
Hidup dengan memakan harta manusia dengan nama agama#

4) Jika sekalipun Allah Taala mewajibkan zakat tetapi bukan#
Diserahkan dengan cara hina tetapi ia diambil fakir kerana itu haknya.

5) Raja Parsi yang datang mengemis kepada kita #
Tidak pernah Ya'rib (Arab yg pertama) mengemis kepada sesiapapun.

KITAB-KITAB SUCI

"Amat jelas bagi ku kebenaran ucapan ini – Al-Quran diselewengkan – setelah aku meneliti dan mengkaji berkenaan dengan sejarah Al-Quran ini, maka jelaslah bahawa Al-Quran yang ada sekarang ini adalah yang diselewengkan sekira-kira boleh meletakkan satu ketetapan bahawa ini paksi di dalam akidah Syiah. Ia juga merupakan sebesar-besar matlamat rampasan khilafah. Renungkanlah."

Sayid Hashim al-Bahrani

Terjemahan
Mohd Nazrul bin Abd Nasir

KITAB-KITAB SUCI

"Amat jelas bagi ku kebenaran ucapan ini – Al-Quran diselewengkan – setelah aku meneliti dan mengkaji berkenaan dengan sejarah Al-Quran ini, maka jelaslah bahawa Al-Quran yang ada sekarang ini adalah yang diselewengkan sekira-kira boleh meletakkan satu ketetapan bahawa ini paksi di dalam akidah Syiah. Ia juga merupakan sebesar-besar matlamat rampasan khilafah. Renungkanlah."

Sayid Hashim al-Bahrani

Tiada keraguan lagi kepada golongan Muslimin secara keseluruhannya bahawasanya Al-Quran itu adalah kitab yang diturunkan daripada Allah ﷻ kepada Nabi Islam Muhammad bin Abdullah s.

Tetapi apa yang aku dapati sepanjang penelitian dan pembacaan ku di dalam kitab-kitab muktabar kita, aku terpaku pada nama-nama kitab yang didakwa oleh para Fuqaha' Syiah ianya diturunkan juga kepada Nabi Muhammad s serta baginda

s mengkhususkan kitab-kitab ini kepada Amirul Mukminin (Ali a).
Di antara kitab-kitab yang dimaksudkan ialah:

1. **Al-Jamia'h - الجامعة**

Daripada Abu Basir, beliau meriwayatkan daripada Abu Abdullah a berkata: Muhammad telah meriwayatkan kepada kami: Sesungguhnya terdapat di sisi kami kitab yang bernama al-Jamia'h, adakah kamu tahu kedudukan al-Jamia'h?!

Kemudian Abu Basir berkata: Aku menjadikan jiwa ku sebagai tebusan mu. Beritahulah kepada ku apakah yang dimaksudkan dengan al-Jamia'h?

Kata Abu Abdullah: ***al-Jamia'h itu adalah satu lembaran yang panjangnya 70 hasta (dengan ukuran hasta Rasulullah s). Manakala tulisannya terhasil daripada pancaran mulut baginda s serta ditulis dengan tulisan daripada Ali a. Di dalamnya terdapat segala berkenaan perkara yang halal dan haram serta terdapat juga di dalamnya semua perkara yang diperlukan oleh manusia sehinggakan pada masalah pampasan kulit yang tercalar.***
{lihat **الكافي** : 1/239 dan **بحار الأنوار** : 22/26}

Terdapat riwayat lain yang banyak berkenaan perkara ini, kamu boleh mendapatinya di dalam
1) **الكافي** 2) **البحار** 3) **بصائر الدرجات** 4) **وسائل الشيعة**
Memadai bagi kita dengan hanya menyebutkan satu riwayat ini sahaja kerana ingin meringkaskan.

Aku sendiri tidak mengetahui apakah al-Jamia'h itu satu realiti atau bukan. Terkandung di dalamnya segala yang diperlukan manusia sehingga hari kiamat?. Jika benar sedemikian, mengapakah kitab ini disembunyikan? Kenapa kita diharamkan dari membaca kitab tersebut? Kenapa kita diharamkan mengambil manfaat daripada segala yang terdapat di dalamnya terdiri dari apa yang diperlukan manusia sehingga hari kiamat berkenaan halal dan haram? Bukankah ini termasuk di dalam perkara menyembunyikan ilmu?

2. **Sahifah an-Namus - صحيفة الناموس**

Diriwayatkan daripada Al-Redha a di dalam hadis yang menceritakan tanda-tanda seorang Al-Imam dengan katanya: ***Sahifah akan berada di sisinya. Di dalamnya terdapat senarai nama pembantu-pembantunya (Syiah-Syiahnya) sehingga hari kiamat. Serta terdapat juga nama-nama musuhnya di dalam lembaran tersebut sehingga hari kiamat.***
{lihat **بحار الأنوار** : 25/117 dan di dalam jilid 26 terdapat juga riwayat-riwayat lain}

Aku tertanya-tanya, seumpama apakah sahifah ini yang mampu memuatkan nama-nama pengikut Syiah sehingga hari kiamat?!!!

Jika kita catatkan nama-nama pengikut Syiah di Iraq sahaja pada hari ini, maka kita memerlukan sekurang-kurangnya 100 jilid untuk mencatat kesemuanya. Bagaimana pula jika sertakan catatan Syiah yang terdapat di Iran, India, Pakistan, Syiria, Lubnan, negara-negara teluk dan selainnya? Bahkan berapa jilid diperlukan jika disertakan juga Syiah-Syiah yang telah lama meninggal dunia pada setiap kurun yang lalu dari mula munculnya Syiah sehingga hari ini?

Berapa banyak pula yang akan diperlukan untuk mencatat bagi kurun seterusnya sehingga hari kiamat?.

Bagaimana pula dengan nama-nama musuh Syiah bermula timbulnya Sahifah an-Namus sehingga kiamat? Jika air laut kita jadikan sebagai dakwat ditambah dengan 7 lautan lagi sekalipun, tidak akan cukup untuk menulis nama-nama mereka yang begitu ramai.

Jika kita kumpulkan kesemua komputer dan seluruh teknologi yang ada dengan peralatan yang paling canggih, juga kita tidak akan mampu menghimpun kesemua bilangan nama yang terlalu banyak bahkan kita tidak akan berdaya melakukannya.

Sesungguhnya akal manusia biasa pun tidak dapat menerima riwayat sedemikian dan seumpamanya, bagaimana pula orang-orang yang cerdik pandai akan menerimanya?

Adalah sesuatu yang mustahil perkara yang tidak masuk akal dan tidak logik seperti ini diucapkan oleh para Imam a. Kalaulah riwayat-riwayat seperti ini dibaca oleh para musuh Islam nescaya ia menjadi modal berharga kepada mereka dan semestinya mereka akan menghentam Islam. Mereka semestinya akan berbicara dan memperolok-olok demi mengubati sakit hati mereka. *Tidak ada kekuatan dan upaya kecuali dengan Allah.*

3. Sahifah al-Abithah - صحيفة العبيطة

Diriwayatkan daripada Amirul Mukminin Ali a. Beliau berkata: *Demi Allah, sesungguhnya pada ku terdapat lembaran-lembaran yang banyak yang disebarkan oleh Rasulullah s dan Ahli Bait a baginda. Di antara lembaran-lembaran tersebut terdapat salah satunya bernama Sahifah*

al-Abitoh. Tidak ada riwayat yang paling dahsyat mengenai Arab kecuali disebutkan di situ. Di dalam lembaran ini diriwayatkan terdapat 60 kabilah Arab yang hidup mereka sia-sia sahaja. Tiada satu kabilah pun yang mendapat kedudukan dan habuan di sisi Allah ﷻ.
{بحار الأنوار : 26/37}

Sesungguhnya riwayat ini langsung tidak boleh diterima akal. Jika benar kabilah sebanyak itu tidak mendapatkan apa-apa habuan di sisi Allah s, maka sudah tentu tidak ada seorang Muslim pun yang akan mendapat tempat di sisi Allah ﷻ.

Mengkhususkan kabilah-kabilah daripada bangsa Arab[1] di dalamnya dengan hukum yang gersang ini, sedikit sebanyak terhidu semangat perkauman yang ingin disebarkan golongan Syiah. Akan tiba penjelasan mengenai itu pada perbahasan akan datang.

4. Sahifah Az-Zuabah As-Saif - صحيفة ذؤابة السيف

Diriwayatkan daripada Abu Basir, beliau meriwayatkan daripada Abu Abdullah a katanya: *Sesungguhnya terdapat satu lembaran kecil di dalam sarung pedang Rasulullah s. Di dalam lembaran tersebut terdapat huruf-huruf yang mana setiap huruf tersebut boleh membuka seribu kalimah yang lain.*

Kemudian Abu Basir berkata: Abu Abdullah a berkata: Tidak ada keluar daripada lembaran itu melainkan dua huruf sahaja sehingga hari kiamat.

[1] Tanpa menyebutkan bangsa lain

{بحار الأنوار : 26/56}
Aku katakan: Di manakah huruf yang lain? Bukankah dimestikan untuk huruf-huruf itu dikeluarkan semuanya sehingga Syiah Ahli Bait a dapat mengambil manfaat daripadanya ataupun ianya akan terus dibiarkan tersembunyi hingga bangunnya Imam Ghaib?.

5. Sahifah al-Ali - صحيفة علي

Ianya merupakan lembaran lain yang terdapat di dalam sarung pedang Rasulullah s.

Diriwayatkan daripada Abu Abdullah a katanya: *Terdapat di dalam sarung pedang Rasulullah s satu lembaran yang tertulis di dalamnya:*

"Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang. Sesungguhnya manusia yang paling melampaui batas kepada Allah Taala di hari kiamat kelak adalah orang-orang yang membunuh orang yang bukan pembunuhnya, orang yang memukul orang yang bukan pemukulnya. Sesiapa yang menyerahkan kepemimpinan kepada yang bukan ahlinya maka mengkufuri apa yang telah Allah Taala turunkan kepada Muhammad. Sesiapa yang melakukan perbuatan yang melampau atau angan-angan yang melampau maka Allah Taala tidak akan menerima apa-apa alasan dan helah pada hari kiamat."
{بحار الأنوار : 27/65, 104/375}

6. Al-Jafr – الجفر

Terdapat dua jenis; Jafr putih dan Jafr merah.

Diriwayatkan daripada Abu Ala' katanya: Aku mendengar Abu Abdullah a berkata: ***Aku mempunyai kitab yang bernama Jafr Putih. Kata Abu Ala': Maka aku bertanya: Apakah isi kandungannya? Kata Abu Abdullah a: Di dalamnya terkandung Zabur, Taurat, Injil, Suhuf Nabi Ibrahim a serta mengandungi segala perkara yang halal dan haram. Aku juga mempunyai Jafr Merah.***

Kata Abu Ala': Aku bertanya: Apa pula isi kandungan yang terdapat di dalam Jafr Merah?

Kata Abu Abdullah a: Terdapat di dalamnya senjata. Oleh sebab itu ia dibuka untuk menumpahkan darah. Pemilik pedang akan membukanya untuk membunuh.

Kemudian Abdullah bin Abu al-Ya'fur berkata kepada Abu Abdullah a: Moga Allah memberikan kebaikan kepada kamu. Adakah perkara ini diketahui oleh bani Hasan?

Kata Abu Abdullah a: Ya, demi Allah perkara ini diketahui oleh mereka seumpama mereka mengetahui malam itu adalah malam dan siang itu adalah siang. Tetapi mereka dikuasai oleh penyakit hasad dengki dan lebih cenderung kepada dunia maka mereka mengingkari. Jika mereka menginginkan kebenaran itu dengan cara yang benar nescaya itu lebih baik bagi mereka.

{أصول الكافى :1/24}
Aku bertanya kepada Al-Imam Al-Khu'i berkenaan Jufr Merah. Siapakah yang akan membukanya serta darah siapakah yang akan ditumpahkan?

Kata Al-Imam Al-Khu'i: Akan dibuka oleh seseorang yang Allah Taala telah tetapkan (Mahdi) dan akan menumpahkan darah nawasib serta mereka akan dikeroyok sehingga tidak ada apa-apa. Darah-darah mereka akan mengalir seumpama sungai Furat dan sungai Dajlah. Orang ini juga akan membalas dendam kepada dua berhala Quraisy iaitu (Abu Bakar dan Umar al-Khattab) serta dua anaknya (Aisyah dan Hafsah), si tua bodoh iaitu Usman dan bani Umayyah serta Bani Abbasiyah. Dia juga akan membongkar kubur mereka semua.

Aku berkata: Sesungguhnya perkataan Al-Imam Al-Khu'i ini adalah terlalu berlebih-lebihan. Kedudukan mereka terlalu tinggi untuk disifatkan kepada Ahli Bait a akan membongkar kubur-kubur orang yang telah meninggal dunia sejak sekian lama.

Para Imam Ahli Bait a, mereka membalas kejahatan orang yang melakukan perbuatan tersebut dengan kebaikan, memaafkan dan bertoleransi. Tidak dapat diterima akal bahawa mereka ini akan membongkar kubur orang-orang yang telah mati hanya semata-mata ingin menuntut bela dan menjalankan hukuman hudud kepada orang yang telah mati. Sedangkan orang yang telah mati tidak akan dijatuhkan hukuman hudud. Ahli Bait a mengenal apa yang dikatakan kelembutan, toleransi dan kebaikan.

7. Mushaf Fatimah - مصحف فاطمة

i. Diriwayatkan daripada Ali bin Said, beliau meriwayatkan daripada Abu Abdullah a. Beliau berkata: ***...Demi Allah di sisi kami terdapat Mushaf Fatimah yang mana tidak ada yang seumpamanya di dalam Al-Quran. Sesungguhnya ianya adalah hasil pancaran kalam Rasulullah s, dengan tulisan daripada Ali a dengan tangannya.***

{بحار الأنوار : 26/41}

ii. Diriwayatkan daripada Muhammad bin Muslim, beliau meriwayatkan daripada salah seorang dari keduanya: ***Fatimah telah meninggalkan satu Mushaf. Ianya bukanlah Al-Quran tetapi ianya adalah kalam Allah yang diturunkan kepadanya (Fatimah) ianya kalam Rasulullah s dengan tulisan daripada Ali a.***

{بحار الأنوار : 26/42}

iii. Diriwayatkan daripada Ali bin Abu Hamzah, beliau meriwayatkan daripada Abu Abdullah a: ***...Di sisi kami terdapat Mushaf Fatimah a. Demi Allah, tiada di dalamnya satu huruf pun daripada Al-Quran tetapi ianya merupakan ucapan Rasulullah s dan tulisan daripada Ali a.***

{بحار الأنوار : 26/48}

Aku berkata: Jika benar kitab ini adalah hasil daripada ucapan Rasulullah s dan tulisan tangan Ali a, kenapakah ianya

dirahsiakan daripada umat. Sesungguhnya Allah ﷻ telah mengarahkan kepada Rasul-Nya untuk menyampaikan kepada umat apa yang telah diturunkan kepadanya berdasarkan ayat Allah:

﴿ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ بَلِّغْ مَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ۖ وَإِن لَّمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُۥ ﴾

Maksudnya: *Wahai Rasul Allah! sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepada mu dari Tuhan mu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusan-Nya.* {al-Maidah: 67}

Bagaimana mungkin Rasulullah s akan merahsiakan perkara ini daripada kaum Muslimin seluruhnya? Mustahil juga Ali a dan para Imam selepasnya merahsiakan perkara ini daripada pengikut-pengikut (Syiah) mereka.

8. At-Taurah, Al-Injil dan Az-Zabur - التوراة و الإنجيل و الزبور

Diriwayatkan daripada Abu Abdullah a sesungguhnya beliau membaca kitab Injil, Taurat dan Zabur di dalam bahasa Suryani.
{Lihat **الحجة من الكافى** : 1/207 di dalam bab sesungguhnya para Imam a di sisi mereka terdapat kesemua kitab yang diturunkan Allah ﷻ serta mereka mengetahui kesemua kitab itu dengan bahasanya masing-masing}.

9. Al-Quran – القرآن

Al-Quran merupakan kitab yang tidak memerlukan nas untuk memastikan kesahihannya. Akan tetapi, para Fuqaha' kita serta kesemua Mujtahid kita mengatakan bahawa Al-Quran sudah diselewengkan. Ini lah satu-satunya kitab yang diselewengkan di antara semua kitab-kitab yang lain.

Al-Muhaddis al-Nuri al-Thabrisi[1] telah mengumpul bukti-bukti dan dalil-dalil yang mengatakan bahawa Al-Quran sekarang sudah diselewengkan seperti yang tersebut di dalam kitabnya yang cukup besar iaitu:

(فصل الخطاب فى اثبات تحريف كتاب رب الأرباب)

[1] **Muhaddith Nuri Thabrisi**: Namanya ialah Syeikh Mirza Husain bin Mirza Muhammad Taqi bin Mirza Ali Muhammad bin Taqi Nuri Tabrasi. Beliau merupakan salah seorang ulama dan ahli hadis yang sangat hebat dan dapat menguasai kebanyakan bidang ilmu. Dilahirkan di daerah Nur yang berada di Thabristan pada Tanggal 18 Syawal 1254 H. Mula mempelajari ilmu di Najaf al-Asyraf pada 1277H. Di antara gurunya ialah:

- Maula Fathi Ali al-Sultan Abadi
- Al-Alim al-Faqih Muhammad Ali al-Mahlati
- Al-Faqih al-Syeikh Abd Rahim Boroujordi (yang juga merupakan bapa mertuanya)
- Al-Syeikh Ali Khalili
- Al-Syeikh Murtadha al-Ansari (beliau sempat menghadiri majlis pengajiannya selama beberapa bulan sebelum al-Syeikh meninggal dunia).
- Al-Mirza Hassan Syirazi (merupakan guru yang paling banyak berjasa padanya)

Di antara muridnya ialah:

- Al-Syeikh Ismail bin Syeikh Muhammad Baqir al-Asfahani
- Al-Syeikh Murtadha bin Muhammad bin Ahmad al-Amili

Antara karangannya ialah:

- **كشف الأستار عن وجه الغائب عن الأبصار**
- **النجم الثاقب في أحوال الإمام الحجة الغائب**
- **جنة المأوى في ذكر من فاز بلقاء الحجة** dan lain-lain.

Di dalam kitab ini beliau memuatkan lebih kurang 2000 riwayat yang menguatkan hujah beliau bahawa Al-Quran sekarang sudah diubah. Beliau juga memuatkan kata-kata para Fuqaha' dan Ulama Syiah secara jelas mengatakan bahawa Al-Quran yang berada di tangan kaum Muslimin itu sudah diubah. Beliau meneguhkan ucapan bahawa kesemua Ulama Syiah dan Fuqahanya yang terdahulu dan terkebelakang mengatakan bahawa Al-Quran yang ada sekarang di tangan kaum Muslimin telah diselewengkan.

Sayid Hasyim al-Bahrani[1] mengatakan: Amat jelas bagi ku kebenaran ucapan ini –Al-Quran diselewengkan- setelah aku meneliti dan mengkaji berkenaan dengan sejarah Al-Quran ini, maka jelaslah bahawa Al-Quran yang ada sekarang ini adalah yang telah diselewengkan sekira-kira boleh meletakkan satu ketetapan bahawa ini paksi di dalam akidah Syiah. Ia juga merupakan sebesar-besar matlamat rampasan khilafah[2]. Renungkanlah.
{**مقدمة البرهان** : fasal ke-4/49}

[1] Sayid Hasyim Al-Bahrani: Sayid Hasyim bin Sulaiman bin Ismail Al-Husaini Al-Bahrani Al-Katkani (nisbah kepada sebuah perkampungan yang bernama Katkat di Bahrain). Beliau merupakan salah seorang daripada keturunan As-Sayid Murtadho yang mempunyai pertalian darah dengan Sayid Ibrahim bin Al-Imam Musa bin Kadzim. Dilahirkan pada pertengahan kurun ke 11, merupakan seorang tokoh yang layak menerima gelaran Al-A'llamah, ahli hadis, ahli tafsir yang amat teliti. Beliau juga mempunyai karangan ilmiah yang begitu banyak. Meninggal pada tahun 1107 H. Disemadikan di kampung asal beliau dilahirkan.

[2] Seolah-olah golongan Syiah berpendapat bahawa golongan Ahli Sunnah telah menjadi kafir kerana mereka telah menyelewengkan Al-Quran (seperti yang dilakukan oleh Yahudi dan Nasrani yang telah mengubah Taurat dan Injil). Tuduhan yang dilemparkan oleh ulama-ulama mereka ini telah dijadikan dalil oleh golongan Syiah untuk menjadikan bahawa perjuangan mereka untuk merampas khilafah dan menguasai dunia adalah satu matlamat yang suci. Wallahu a'lam.

Sayid Nikmatullah al-Jaza'iri berkata sebagai menolak pendapat golongan yang mengatakan bahawa Al-Quran yang ada sekarang tidak diselewengkan. Beliau berkata:

Sesiapa yang mengakui bahawa Al-Quran diperoleh secara mutawatir daripada wahyu Ilahi dan kesemuanya diturunkan oleh ar-Ruh al-Amin, maka akan membawa kepada melemparkan semua riwayat yang terlalu banyak. Dalam masa yang sama Ashab kita telah mengatakan riwayat itu sahih dan membenarkannya.
{ **الأنوار النعمانية** : 2/357}

Oleh sebab itu berkata Abu Jaafar sebagaimana yang diriwayatkan oleh Jabir: *Tiada seorang pun yang mengatakan bahawa Al-Quran yang ada sekarang dikumpulkan secara keseluruhannya kecuali para pendusta. Tiada seorang pun yang mengumpulkan dan menghafalnya sebagaimana diturunkan melainkan Ali a dan para Imam selepasnya.*
{**الحجة من الكافى** :1/26}

Tidak dapat kita nafikan lagi bahawa perkataan-perkataan ini jelas menunjukkan bahawa Al-Quran yang ada sekarang di sisi kaum Muslimin sudah diselewengkan. Al-Quran yang hakiki hanya ada bersama Ali a dan para Imam selepasnya sehingga kepada Al-Qaim.

Al-Imam Al-Khu'i juga turut mewasiatkan kepada kami semasa sudah hampir kepada saat kematian dengan wasiat supaya kami mengajar di Al-Hauzah dengan mengatakan: *Tetaplah kamu bersama al-Quran ini sehinggalah munculnya Al-Quran Fatimah.*

Al-Quran Fatimah a yang dimaksudkan di sini adalah Mashaf Fatimah yang telah dihimpunkan oleh Ali a yang telah kita sebutkan sebelum ini.

Satu perkara yang menjadi kemusykilan dan pelik kepada kita adalah kesemua kitab itu diturunkan oleh Allah ﷿ dan hanya dikhususkan kepada Ali a dan para Imam selepasnya sahaja. Ianya tetap kekal tersembunyi daripada umat Islam keseluruhannya dan secara khususnya kepada golongan Syiah Ahli Bait a itu sendiri. Hanya al-Quran sahaja yang dikatakan oleh mereka sebagai kitab yang terdapat penambahan dan pengurangan. Ini mengikut pendapat Fuqaha kita.

Jika benar kitab-kitab tersebut diturunkan oleh Allah ﷿ dan dikumpulkan serta dimiliki oleh Ali a, mengapakah kitab-kitab tersebut masih disembunyikan daripada Umat? Sedangkan ianya amat diperlukan untuk kehidupan kita serta panduan di dalam ibadat kita.

Sebahagian Fuqaha kita beralasan atas sikap tersebut kerana khuatir gangguan musuh yang membenci!!

Jika begitu kita ingin bertanya: Adakah Amirul Mukminin Ali a dan para singa bani Hasyim a pengecut sehingga tidak mampu untuk mempertahankan kitab-kitab itu?!

Adakah mereka menyembunyikan segala apa yang tertulis di dalamnya dan mengharamkan Umat daripadanya hanya semata-mata kerana takut akan diperdebatkan oleh musuh?

KENAPA AKU MENINGGALKAN SYIAH

Demi Allah yang menjadikan langit itu tanpa tiang, aku bersumpah yang Ali a tidak akan takut kepada sesiapa melainkan Allah ﷿ sahaja.

Jika kita persoalkan: Apakah yang dilakukan oleh Amirul Mukminin a dan para Imam selepas itu dengan kitab Zabur, Taurat dan Injil sehingga berpindah tangan kitab tersebut sesama mereka serta membacanya secara rahsia sesama mereka?

Jika nas-nas yang lalu mengatakan bahawa Ali a memiliki dan menyimpan Al-Quran secara keseluruhannya bersama kitab-kitab lain, kenapakah beliau masih juga memerlukan kepada Zabur, Taurat dan Injil? Lebih-lebih lagi kita sudah maklum bahawa kitab-kitab tersebut sudah dimansuhkan dengan turunnya al-Quran?

Sesungguhnya aku dapat merasakan wujud tangan-tangan khianat dan kotor yang menokok tambah riwayat dan berdusta atas nama para Imam a. Aku akan sebutkan pada perbahasan khusus yang akan datang bukti bagi segala ucapan tersebut.

Kita mengetahui secara jelas bahawa Al-Quran adalah satu-satunya kitab yang ada bagi umat Islam. Manakala berbilang-bilang kitab adalah di antara ciri-ciri bangsa Yahudi dan Nasrani.

Pendapat yang mengatakan bahawa Ali a menyimpan dan memiliki kitab yang pelbagai serta semua kitab tersebut daripada Allah ﷿ dan terkandung segala permasalahan agama, pendapat ini merupakan pendapat yang batil yang telah diserap masuk ke dalam fahaman Syiah oleh Yahudi yang bersembunyi dengan nama pengikut Syiah.

PANDANGAN SYIAH TERHADAP AHLI SUNNAH

"Jika kita mengambil dengan pendapat yang bertentangan dengan Ahli Sunnah maka padanya terdapat petunjuk"

Al-Sadiq a

Apabila kita meneliti kitab-kitab kita yang muktabar serta melihat pendapat-pendapat para Fuqaha' dan Mujtahid kita, pasti kita akan dapati musuh paling utama Syiah adalah Ahli Sunnah wal Jamaah. Oleh sebab itu mereka menyifatkan Ahli Sunnah di dalam kitab-kitab mereka dengan pelbagai sifat dan nama: Antaranya adalah Al-Ammah (**العامة**) serta An-Nawasib[1] (**النواصب**). Sehingga kini fahaman yang dipegang oleh golongan Syiah adalah setiap individu daripada Ahli Sunnah mempunyai ekor pada dubur mereka.

[1] **Maksud Al-Nawasib** : Golongan yang memusuhi Ali a. Pendapat Syiah berkenaan dengan al-Nawasib: mereka berpendapat sesiapa sahaja yang memusuhi ahli keluarga Rasulullah S dan Ali a maka golongan tersebut digelar al-Nawasib.

Jika mereka bertengkar sesama mereka serta ingin mencela seseorang itu dengan celaan yang berat maka mereka akan mengatakan dengan perkataan: ***"Tulang orang Sunni ada terdapat di dalam kubur ayah mu"***. Ini kerana bagi mereka Ahli Sunnah merupakan najis yang terlalu berat sehingga jika dibasuh seribu kali sekalipun maka tidak akan bersih dan tetap tidak akan hilang.

Satu kisah yang tidak dapat aku lupakan adalah berkaitan apa yang dilakukan oleh ayah ku sendiri. Satu hari ayah ku telah menemui seorang lelaki yang bukan orang tempatan di satu pasar dalam bandar. Ayah merupakan seorang yang sangat suka melakukan kebaikan. Maka ayah telah menjemput lelaki tersebut ke rumah sebagai tetamu pada malam itu. Maka kami melayan lelaki tersebut degan sebaik-baik layanan. Selepas Isyak kami meneruskan perbualan. Ketika itu aku masih lagi muda dan baru mula belajar di Al-Hauzah. Sepanjang perbualan kami jelas menunjukkan bahawa lelaki itu merupakan seorang yang bermazhab Ahli Sunnah. Dia datang dari hujung Samura' ke Najaf kerana ada sesuatu urusan yang hendak diselesaikan. Lelaki tersebut tidur di rumah kami pada malam tersebut. Setelah subuh, kami sama-sama bersarapan. Selesai bersarapan, lelaki tersebut meminta izin untuk beredar demi menyelesaikan tugasnya. Maka ayah ku turut memberikan sedikit wang kepada lelaki tersebut untuk digunakan sepanjang perjalanan. Lelaki tersebut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kami di atas layanan yang terlalu baik. Sebaik sahaja lelaki itu pergi, ayah mengarahkan supaya membakar hamparan tempat lelaki semalam tidur serta membersihkan sebaik-baiknya segala bekas yang telah digunakan olehnya semalam. Ini kerana dia berpendapat bahawa golongan sunni adalah najis.

Inilah iktikad kesemua golongan Syiah. Para Fuqaha' kita pula sering menyamakan golongan sunni dengan kafir,

musyrik dan khinzir. Mereka juga mengkategorikan golongan Ahli Sunnah sebagai benda-benda najis. Oleh sebab itu mereka bersepakat terhadap beberapa perkara. Antaranya ialah:

1. WAJIB BERTENTANG PENDAPAT DENGAN AHLI SUNNAH

Diriwayatkan daripada Al-Saduq a, beliau meriwayatkan daripada Ali bin Asbath katanya: Aku berkata kepada Al-Redha a: Telah berlaku satu masalah yang mana tiada seorang pun yang dapat menyelesaikannya. Tidak ada seorang pun dari pengikut engkau yang boleh aku mohon fatwa di bandar yang aku duduki sekarang. Kata Ali bin Asbath: Kemudian al-Redha berkata: ***Pergilah kamu kepada seorang alim yang ada di negeri itu[1] dan mintalah fatwa daripadanya berkenaan masalah yang kamu hadapi. Jika dia memberikan fatwa, maka ambillah yang sebaliknya kerana kebenaran itu terletak pada sebalik daripada fatwanya.***
{**عيون الأخبار الرضا** : 1/275 cetakan Tehran}

Diriwayatkan daripada Hussain bin Khalid, beliau meriwayatkan daripada al-Redha a sesungguhnya beliau pernah berkata:

Pengikut-pengikut kita (Syiah) adalah golongan yang menyerahkan jiwa raga kepada aturan kami, menerima pandangan kami dan menyalahi pendapat musuh kami. Sesiapa tidak melakukan sedemikian

[1] Faqih di kalangan Ahli Sunnah

maka mereka bukanlah termasuk daripada golongan kami.
{ **الفصول المهمة** : 225 cetakan قم }

Diriwayatkan daripada Al-Mifdhal bin Umar, beliau meriwayatkan daripada Jaafar a sesungguhnya beliau pernah berkata:

Dia pendusta jika seseorang itu mengaku bahawa dia adalah pengikut kami (Syiah) sedangkan dia masih berpegang dengan pendapat selain daripada kami.
{ **الفصول المهمة** : 225}

2. TIDAK BOLEH BERAMAL DENGAN APA YANG DISEPAKATI OLEH AHLI SUNAH DAN GOLONGAN YANG MENGIKUT JALAN MEREKA.

Bab ini telah diletakkan oleh Al-Hur al-A'mili[1] daripada Kitab "Wasail Syiah" dengan katanya:

[1] **Al-Hur al-A'mili**: Nama sebenarnya ialah Muhammad bin al-Hasan bin Ali bin Muhammad bin al-Hussain dan lebih dikenali sebagai al-Hur al-A'mili. Beliau dilahirkan di kawasan pergunungan A'mil pada malam Jumaat 8 Rejab 1033 H. Keluarganya merupakan keluarga yang mulia. Ayahnya merupakan ulama yang dihormati oleh masyarakat setempat. Antara gurunya ialah:

- Al-Syeikh Hassan bin Ali (merupakan ayahnya sendiri)
- Bapa saudaranya, al-Syeikh Muhammad bin Ali al-Hur
- Datuknya, al-Syeikh Abdul Salam bin Muhammad al-Hur dan lain-lain.

Antara muridnya ialah:

- Al-Syeikh Mustafa bin Abdul Wahid bin Siyar al-Haubaz
- Al-Syeikh Muhammad Redha bin Syeikh Mustafa
- Al-Syeikh Hassan bin Syeikh Mustafa dan lain-lain.

Antara karangannya ialah:

- **الجواهير السنية في الأحاديث القدسية**

Hadis-hadis yang disebutkan berkenaan itu adalah hadis yang mutawatir. Di antaranya kata-kata Al-Sadiq a berkenaan pertembungan di antara dua hadis: ***Bandingkannya dengan pendapat Al-Ammah. Jika salah satunya bertepatan dengan Ahli Sunnah maka tinggalkan hadis tersebut dan ambil yang bertentangan mereka.***

Kata Al-Sadiq a: ***Jika berlaku pertembungan di antara dua hadis maka ambillah yang bertentangan dengan pendapat Ahli Sunnah.***

Kata Al-Sadiq a lagi: ***Ambillah apa yang bertentangan dengan pendapat Ahli Sunnah.***

Katanya lagi: ***Jika kita mengambil dengan pendapat yang bertentangan dengan Ahli Sunnah maka padanya terdapat petunjuk.***

Kata beliau lagi: ***Demi Allah, tiada terdapat suatu perkara pun yang kamu lakukan bersamaan dengan Ahli Sunnah. Begitu juga dengan mereka, tiada terdapat sesuatu apa pun bersepakat dengan kita. Maka bertentangan lah dengan mereka kerana apa yang mereka lakukan bukan daripada agama.***

- **الصحيفة الثانية من أدعية على بن الحسين عليه السلام**
- **هداية الأمة إِلى أحكام الأئمة**
- **حواش على الكتب الأربعة** dan lain-lain.

Menurut saudara kandungnya ,al-Syeikh Ahmad al-Hur di dalam kitabnya الدر المسلوك :

"al-Syeikh al-Hur al-A'mili meninggal dunia pada 21 Ramadhan 1104 H ketika berumur 72 tahun".

Kata beliau lagi: ***Demi Allah, Allah tidak memberikan kita pilihan untuk mengikut pendapat selain kita. Sesiapa yang bersepakat dengan kita maka perlu bertentangan dengan musuh kita. Sesiapa yang bersepakat dengan musuh kita (Ahli Sunnah) sama ada pada perkataan atau amalan maka mereka bukanlah termasuk daripada kita dan kita berlepas diri daripada mereka.***

Berkata seorang hamba yang soleh[1] a berkenaan dengan dua hadis yang berlaku pertentangan: ***Ambillah yang bertentangan dengan pendapat Ahli Sunnah. Apa yang disepakati oleh mereka maka jauhkanlah diri daripadanya.***

Berkata Ar-Redha a: ***Jika datang kepada mu dua hadis yang bertembung, maka lihatlah pada keduanya. Hadis yang menyalahi Al-Ammah ambil lah. Lihat kepada hadis yang bersamaan dengan hadis mereka maka tinggalkanlah.***

Berkata al-Sadiq a: ***Demi Allah tidak terdapat sesuatu pun yang benar di tangan mereka melainkan menghadap ke arah kiblat.***[2]
{lihat **الفصول المهمة** : 325-326}

---

[1] Gelaran Imam Musa bin Jaafar a. Imam yang ketujuh daripada 12 Imam mengikut kepercayaan Syiah.

[2] Seolah-olah Syiah mengatakan bahawa semua yang dilakukan oleh Ahlu Sunnah adalah salah dan hanya satu yang benar iaitu arah kiblat.

Al-Hur memberikan komentar berkenaan dengan riwayat tadi dengan mengatakan: ***Segala riwayat tadi mencapai peringkat mutawatir*[1]*. Apa yang menghairankan sesetengah golongan mutakhir sekarang menganggap riwayat tersebut hadis ahad*[2]*.***

Katanya lagi: ***Ketahuilah bahawasanya jelas daripada apa yang disebutkan di dalam hadis-hadis mutawatir ini salahnya semua kaedah usul*[3] *yang terdapat di dalam kitab-kitab al-Ammah.***
{**الفصول المهمة** : 326}

3. KITA TIDAK AKAN BERSEPAKAT DENGAN AHLI SUNNAH DALAM SEMUA PERKARA.

Sayid Nikmatullah al-Jaza'iri berkata:

Sesungguhnya kita tidak akan bersepakat dengan mereka golongan Sunni sama ada pada Tuhan, Nabi dan Imam. Ini kerana mereka mengatakan bahawa Tuhan mereka yang menjadikan Muhammad sebagai Nabi dan Khalifah selepasnya adalah Abu Bakar.

[1] Mutawatir ialah hadis yang diriwayatkan oleh segolongan perawi yang mustahil bagi mereka bergabung untuk melakukan pembohongan kepada Rasulullah S. Hukum beramal dengan hadis mutawatir adalah wajib dan sesiapa yang menolak hadis ini maka boleh dihukumkan kafir.

[2] Hadis Ahad ialah hadis yang diriwayatkan oleh segolongan perawi yang tidak mencapai tahap hadis mutawatir. Terdapat tiga bahagian di dalam hadis ahad iaitu hadis gharib (hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi), hadis aziz (hadis yang diriwayatkan oleh dua orang perawi) dan hadis masyhur (hadis yang diriwayatkan oleh bilangan perawi sebanyak tiga orang ke atas yang tidak mencapai tahap mutawatir).

[3] Kaedah usul yang dimaksudkan di sini ialah kaedah usul fiqh bagi ahlusunnah wal jamaah.

Kita tidak pernah menyebut Tuhan sebegitu juga tiada Nabi sebegitu. Bahkan kita mengatakan: Tuhan yang mana meletakkan Abu Bakar sebagai khalifah selepas Nabi maka itu bukanlah Tuhan kita juga Nabi itu bukan Nabi kita*[1]*.
{**الأنوار الجزائرية** : 2/278 di dalam bab cahaya di dalam hakikat agama Imamiyah dan sebab yang menjadikan mereka wajib bertentangan dengan apa yang dikatakan Al-Ammah}

As-Saduq meletakkan bab ini pada sebab-sebab sesuatu hukum disyariatkan dengan katanya:

Diriwayatkan daripada Abu Ishak al-Arja'i katanya: Kata Abu Abdullah a: ***Tahu kah kamu mengapakah aku mengarahkan kamu semua untuk mengambil selain daripada pendapat Ahli Sunnah?***

[1] Hakikat yang sebenar menegaskan bahawa Allah Taala adalah tuhan sekalian alam, Nabi Muhammad S adalah merupakan utusan-Nya serta Abu Bakar adalah merupakan Khalifah yang pertama kepada Umat baginda S sama ada pelantikan tersebut mengikut Syariat atau tidak. Pendapat Sayyid al-Jaza'iri ini cukup merbahaya kerana dia tidak mengiktiraf Tuhan ini sebagai Tuhannya dan Nabi-Nya adalah Muhammad S. Realiti menegaskan bahawa Abu Bakar adalah khalifah Muhammad S sama ada secara syarie atau tidak. Aku pernah mengemukakan permasalahan ini kepada Imam Khu'ie dengan memberikan gambaran yang seumpama dengan kata-kata al-Jaza'iri. Maka Imam Khu'i memberikan jawapan dengan mengatakan bahawa: *Sesiapa yang mengatakan demikian maka dia telah kafir kepada Allah, Rasul-Nya dan Ahli Baitnya a.* **–Penulis-**

Kemudian aku menjawab: Kami tidak mengetahuinya. Maka kata Abu Abdullah a: Sesungguhnya Ali a tidak pernah melaksanakan perintah Allah kecuali beliau akan menyalahi Ummah kepada benda yang lain. Beliau bertujuan membatalkan agama mereka. Mereka bertanya Amirul Mukminin a berkenaan sesuatu perkara yang mereka tidak ketahui. Jika beliau berfatwa kepada mereka, mereka menjadikan pendapatnya berlawanan dengan kelompok di sekeliling mereka dengan tujuan mengelirukan masyarakat.
{531 cetakan Iran}

Berlegar-legar di dalam pemikiran beberapa persoalan:

Kita andaikan kebenaran berada dengan Al-Ammah, adakah wajib juga kepada kita (Syiah) untuk bertentangan pendapat dengan mereka?

Sayid Muhammad Baqir Al-Sadr[1] pernah memberikan jawapan kepada ku. Katanya: *Memang benar, wajib*

[1] **Sayid Muhammad Baqir al-Sadr**: Dilahirkan pada 25 Zulkaedah 1353 H di Bandar Kazimiah al-Muqaddasah. Keluarganya merupakan keluarga ilmuwan dan mulia. Beliau mula mengajar ilmu ketika berumur kurang daripada 25 tahun. Pelajaran pertama yang diajarinya ialah berkenaan ilmu Usul Fiqh.
Antara muridnya:
- Ayatullah Sayyid Kadzim al-Ha'iri
- Ayatullah Sayyid Mahmud al-Hasyimi
- Ayatullah Sayyid Muhammad Baqir al-Hakim

Antara karangannya ialah:
- فدك في التاريخ
- دروس في علم الأصول 3 أجزاء
- بحث حول المهدى dan lain-lain.

bagi kita mengambil yang selain daripada apa yang dikatakan oleh mereka. Walaupun kita salah tetapi lebih ringan berbanding bersepakat bersama mereka jika kita andaikan kebenaran bersama mereka.

Kebencian Syiah kepada Ahli Sunnah bukanlah perkara yang baru. Bukan juga disebabkan kebencian kepada Ahli Sunnah yang ada pada hari ini, akan tetapi ia kebencian yang mendalam sehingga kepada generasi awal Ahli Sunnah iaitu para sahabat kecuali tiga orang iaitu Abu Zar, al-Miqdad dan Salman al-Farisi ﷺ.

Oleh kerana ini Al-Kulaini meriwayatkan daripada Abu Jaafar katanya: *Semua manusia selepas kewafatan Rasulullah S murtad kecuali al-Miqdad bin Aswad, Salman al-Farisi dan Abu Zar al-Ghifari*[1] {روضة الكافى : 8/246}

Beliau mati digantung bersama adik perempuannya pada 9 April 1980. Mayatnya dikebumikan di kawasan perkuburan Wadi al-Salam bersebelahan kawasan pengebumian Ali a di Madinah Najaf al-Asyraf.

[1] Syiah Imamiah berpendapat mengatakan bahawa kebanyakan para sahabat Nabi S gugur (*Thiqah)* serta murtad kerana mengingkari pelantikan Sayidina Ali V sebagai Khalifah. Kebanyakan sahabat termasuk di dalam hukum tersebut (murtad). Hanya beberapa orang sahabat sahaja yang dikecualikan daripada termasuk di dalam hukum tersebut. Antaranya ialah Salman al-Farisi, Abu Zar al-Ghifari, al-Miqdad bin al-Aswad, Ammar bin Yasir, Huzaifah al-Yamani, Abu Haitham bin al-Taihan, Sahl ibn Hunaif dan lain-lain. Pengarang kitab الشيعة في التاريخ menyenaraikan bilangan sahabat yang tidak dikafirkan oleh golongan Syiah. Bilangan tersebut mencapai sebanyak 130 orang. Tetapi riwayat-riwayat yang terdapat di dalam kitab-kitab muktabar mereka jelas menunjukkan bahawa tiga orang sahabat sahaja yang tidak dikafirkan iaitu Abu Zar al-Ghifari, Miqdad dan Salman al-Farisi .

Penterjemah berpandangan bahawa terdapat semangat rasialisme di dalam pemikiran golongan Syiah. Ini kerana ketiga-tiga sahabat tersebut berbangsa Parsi. Allahu A'lam

Jika kita bertanya kepada golongan Yahudi: Siapakah golongan yang terbaik di dalam agama kamu?
Maka tentu mereka akan menjawab: Mereka adalah sahabat Musa a.

Jika kita bertanya kepada golongan Nasrani: Siapa pula golongan yang terbaik di dalam agama kamu?
Maka tentu mereka akan menjawab: Mereka adalah Hawari Nabi Isa a.

Tetapi jika kita bertanya kepada golongan Syiah: Golongan manakah yang paling jahat pada pandangan dan akidah kamu?
Maka pasti mereka akan menjawab: Mereka tentulah para sahabat Rasulullah s.

Para sahabat Rasulullah s merupakan golongan yang paling banyak dicaci, dicerca serta dilaknat oleh golongan Syiah khususnya Abu Bakar, Umar, Usman dan dua isteri Nabi iaitu Aisyah & Hafsah ﷺ.

Oleh sebab itu terdapat di dalam "Doa dua berhala Quraisy": ***Ya Allah engkau laknatlah kepada dua berhala Quraisy -Abu Bakar dan Umar-, serta patung dan berhala mereka. Engkau laknatlah juga kepada dua anak perempuan mereka –Aisyah dan Hafsah- ..sehingga akhir doa.***

Inilah doa yang terdapat di dalam kitab-kitab yang muktabar. Doa ini juga dibaca oleh Imam Khomeini setiap kali selepas solat subuh.

Diriwayatkan daripada Hamzah bin Muhammad Tayyar bahawa beliau berkata: Muhammad bin Abu Bakar telah

menyebutkan sesuatu kepada Abu Abdullah a: Semoga Allah merahmati kamu serta selawat dan salam kepada kamu.
Pada suatu hari Muhammad bin Abu Bakar berkata kepada Ali a: Hulurkanlah tangan mu untuk aku membai'ah kamu.
Kata Ali a: Apa yang kamu ingin lakukan?
Kata Muhammad bin Abu Bakar: Bahkan itulah yang aku ingin lakukan.
Maka Ali menghulurkan tangannya kepada Muhammad bin Abu Bakar. Maka Muhammad bin Abu bakar pun berkata:
Aku bersaksi bahawa kamu adalah Imam yang wajib ditaati serta aku bersaksi bahawa ayah ku-iaitu Abu Bakar -di dalam neraka.
{**رجال الكشي** : 61}

Diriwayatkan daripada Syuaib, beliau meriwayatkan daripada Abu Abdullah a: ***Tiada suatu pun di kalangan Ahli Bait a melainkan terdapat keturunan yang baik daripada diri mereka. Sebaik-baik keturunan di kalangan Ahli Bait a yang jahat, adalah Muhammad bin Abu Bakar.***
{**رجال الكشي** : 61}

Berkenaan dengan Umar Sayid Nikmatullah al-Jaza'iri memberikan komentar:
Sesungguhnya Umar al-Khattab menghidap satu penyakit pada duburnya yang tidak dapat disembuhkan melainkan dengan menggunakan air mani lelaki.
{**الأنوار النعمانية** : 1/63}

Terdapat satu kawasan yang bernama "Baghi fin" di Bandar Khashan Iraniyah yang menempatkan perkuburan seumpama panglima yang tidak dikenali dan diragukan siapa di dalamnya. Kubur tersebut dikatakan kubur Abu Lu'lu'ah Fairuz

al-Farisi al-Majusi. Inilah orang yang telah membunuh Khalifah kedua. Golongan Syiah meletakkan gelaran: ***Tempat berehat Jaguh Agama***. Mereka meletakkan gelaran sedemikian kepada Abu Lu'lu'ah kerana dia telah membunuh Umar al-Khattab. Terdapat juga tulisan di dinding perkuburan itu tulisan yang ditulis di dalam bahasa Parsi:

مرك بر أبو بكر ,مرك بر عمر,مرك بر عثمان

Bermaksud: Matilah Abu Bakar, matilah Umar, matilah Usman.

Perkuburan ini sering diziarahi oleh orang-orang Iran. Perkuburan ini mendapat banyak wang dan sumbangan.. Aku pernah melihat kubur itu dengan mata kepala aku sendiri. Kementerian Irsyad Iran juga turut mengambil inisiatif dengan melakukan pembaharuan dan perluasan untuk perkuburan ini. Selain itu mereka juga turut mencetak gambar-gambar kubur tersebut dalam bentuk kad untuk kiriman surat dan urusan pejabat.

Al-Kulaini meriwayatkan daripada Abu Jaafar a: ***Sesungguhnya dua orang tua-iaitu Abu Bakar dan Umar-mati sebelum sempat bertaubat di atas dosa kesalahan mereka kepada Amirul mukminin Ali a. Maka mereka akan mendapat laknat daripada Allah ﷻ, para malaikat serta manusia keseluruhannya.***
{**روضة الكافى** : 8/246}

Berkaitan dengan Usman pula mereka mengatakan seperti yang diriwayatkan daripada Ali bin Yunus al-Bayadhi katanya: ***Sesungguhnya Usman sering diperbodohkan dan Usman merupakan pondan.***
{**الصراط المستقيم** : 2/30}

Berkaitan Aisyah, Ibnu Rajab al-Barsi berkata: ***Sesungguhnya Aisyah mengumpulkan 40 dinar wang hasil daripada pengkhianatan.***[1]
{**مشارف أنوار اليقين** : 86}

Aku tertanya-tanya:

Jika benar ketiga-tiga khalifah ini bersifat sepertimana apa yang mereka katakan, mengapakah Amirul Mukminin a membai'ah mereka? Mengapakah beliau menerima jawatan sebagai menteri ketika zaman pemerintahan ketiga-tiga orang khalifah ini? atau kerana beliau takut kepada ketiga-tiga khalifah tersebut?***Aku memohon kepada Allah dari perkara itu.***

Kemudian, jika benar khalifah Umar al-Khattab ditimpa penyakit di duburnya yang tidak dapat diubati melainkan dengan menggunakan air mani lelaki sepertimana yang didakwa oleh Sayid Nikmatullah al-Jaza'iri, bagaimana pula Amirul Mukminin a boleh mengahwinkan anak perempuannya Ummu Kalthum kepada beliau? Adakah penyakit yang menimpa Umar tidak diketahui Amirul Mukminin a dan hanya diketahui oleh Sayid al-Jaza'iri?!.. Tajuk seumpama ini tidak memerlukan akal yang bijak untuk difahami.

Al-Kulaini meriwayatkan: ***Manusia keseluruhannya adalah anak zina atau pelacur melainkan golongan Syiah*** sahaja.
{ **الروضة** : 8/135}

Oleh sebab itu mereka menghalalkan darah kaum Muslimin Ahli Sunnah serta harta-harta mereka.

[1] Zina

Diriwayatkan daripada Daud bin Farqad katanya: Aku bertanya kepada Abu Abdullah a: ***Apakah pendapat kamu berkenaan membunuh golongan An-Nasib[1]?*** Jawab Abu Abdullah a: ***Darah mereka halal, tetapi aku khuatir kan kamu. Jika kamu mampu menjatuhkan dinding ke atas mereka atau menenggelamkan mereka di dalam air dengan tidak dilihat kamu yang melakukannya maka lakukanlah.***
{ **وسائل الشيعة** : 18/463, **بحار الأنوار** : 27/231}

Imam Khomeini memberikan komentar dengan mengatakan: ***Jika kamu mampu untuk merampas harta mereka maka rampaslah, kemudian berikan kepada kami khumus daripada harta tersebut.***

Kata Sayid Nikmatullah al-Jaza'iri: Sesungguhnya Ali bin Yaqtin, salah seorang menteri telah memenjarakan sekumpulan daripada Ahli Sunah. Dia mengarahkan kepada orang suruhannya untuk meruntuhkan bumbung penjara tersebut. Kejadian tersebut menyebabkan kematian 500 orang tahanan Ahli Sunnah.
{ **الأنوار النعمانية** : 3/308}

Kitab-kitab sejarah telah merakamkan kepada kita sejarah kemasukan Holaku[2] ke tanah Baghdad. Dia telah melakukan penyembelihan yang paling besar yang pernah terakam di dalam sejarah sehingga mengakibatkan sungai Dijlah menjadi merah kerana terlalu banyak mayat golongan Ahli Sunnah yang terkorban dihumbankan ke dalamnya. Kemudian air sungai Dijlah bertukar menjadi warna kebiru-biruan setelah kitab-kitab dilemparkan ke dalamnya.

[1] Kata tunggal untuk Nawasib di dalam Bahasa Arab.
[2] pemimpin tentera daripada bangsa Monggol

Semua ini terjadi berpunca dari dua orang menteri al-Nasir al-Thusi[1] dan Muhammad bin Al-Qhami[2]. Mereka berdua ini merupakan menteri khilafah Abbasiyyah dan berfahaman Syiah. Kedua-dua pengkhianat inilah yang membuat hubungan secara sulit dengan Holaku sehingga mampu meyakinkannya untuk memasuki Baghdad dan menjatuhkan khilafah Abbasiyyah yang pada ketika itu mereka adalah menteri bagi pemerintahan itu. Walaupun mereka mempunyai kedudukan yang tingi di dalam khilafah Abbasiyyah, tetapi mereka tidak senang dengan pemerintahan yang ada kerana berakidah Ahli Sunah. Akhirnya Holaku memasuki kota Baghdad dan menjatuhkan khilafah Abbasiyyah. Manakala kedua-dua pengkhianat itu dilantik menjadi menteri bagi kerajaan baru yang dipimpin oleh seorang penyembah berhala.

Ditambah lagi, Imam Khomeini bersetuju dengan apa yang dilakukan Ibnu Yaqtin, al-Thusi dan al-Alqhami. Malah

[1] Nasir At thusi: Dia adalah Abu Jaafar Muhammad bin Fakhruddin Muhammad bin Hasan. Terkenal dengan panggilan Nasiruddin At thusi. Dilahirkan pada tahun 597 H /1201 M di perkampungan At-Thus di Iran. Merupakan seorang Ahli Falsafah, Ahli Falak yang berketurunan Parsi. Selain itu beliau juga salah seorang tokoh ulama yang terkemuka pada kurun ke 7, terkenal di kalangan penduduk Iran dan Syiah 12. Mendapat pendidikan di kota Al-Mut (**قلعة ألموت**) yang terletak di utara Iran. Bekerjasama dengan Monggol selepas kejatuhan kota tersebut ke tangan mereka dan dilantik sebagai penasihat kepada Holaku pada tahun 656 H/1258 M. Dia dan Ibn Alqhomi memberi saham utama dalam kejatuhan kota Baghdad dan terbunuhnya puluhan ribu penduduknya di tangan tentera Monggol. Meninggal pada tahun 672 H/1274 M.

[2] Nama sebenarnya ialah Muhammad bin Ahmad bin Ali bin Muhammad al-Alqhami. Masyhur dengan panggilan Ibnu al-Alqhami. Dilahirkan di Baghdad pada tahun 583 Hijriah. Dilantik menjadi menteri pada tahun 640 hijriah semasa pemerintahan Abdullah (anak kepada Khalifah al-Mustansir billah). Meninggal dunia pada 1 Jamadilakhir 656 hijriah (lima bulan selepas kejatuhan khilafah Abbasiyyah).

beliau beranggapan bahawa mereka bertiga telah melakukan sebesar-besar khidmat untuk agama Islam.

Aku akhiri penulisan tentang bab ini dengan satu rumusan lengkap dalam bab ini dengan memuatkan perkataan yang disebutkan Sayid Nikmatullah al-Jaza'iri berkenaan dengan an-Nawasib (Ahli Sunnah). Kata beliau: ***Sesungguhnya golongan Ahli Sunnah itu adalah kafir yang najis berdasarkan ijmak para ulama Syiah al-Imamiyah. Bahkan mereka lebih teruk daripada Yahudi dan Nasrani. Di antara tanda-tanda termasuk di dalam golongan yang digelar an-Nawasib ialah mendahulukan orang lain selain Ali a sebagai khalifah.*** {**الأنوار النعمانية** : 2/206-207}

Ini yang dapat kita lihat. Justeru dapat disimpulkan di sini, pandangan Syiah ke atas Ahli Bait a seperti berikut:

Mereka kafir, najis, lebih teruk daripada Yahudi dan Nasrani, anak-anak zina, wajib membunuh mereka dan merampas harta-harta mereka, tidak boleh bersepakat dengan mereka walaupun pada Tuhan, nabi dan Imam. Tidak boleh bersepakat dengan mereka pada perbuatan dan perkataan. wajib melaknat dan memaki mereka khususnya golongan awal Islam yang Allah memuji mereka di dalam Al-Quran dan bersama Rasulullah s di dalam dakwah dan jihad baginda...Jika bukan sedemikian cuba katakan kepada ku dengan nama Allah siapakah yang bersama baginda di dalam semua peperangan yang disertai memerangi kafir? Penyertaan mereka di dalam kesemua peperangan sebagai bukti benarnya iman dan jihad mereka. Janganlah kita memandang apa yang telah diperkatakan oleh Fuqaha' kita.

Setelah berakhirnya pemerintahan Ali-Bahlawi[1] di Iran selepas berlakunya revolusi Islam, Imam Khomeini memegang tampuk kepimpinan. Maka diwajibkan kepada para ulama Syiah untuk melakukan kunjungan hormat kepada Imam Khomeini serta memberikan ucapan tahniah kepada beliau di atas kejayaan yang besar dengan tertubuhnya kerajaan Syiah yang pertama diperintah oleh Fuqaha' pada zaman ini.

Kewajiban memberikan ucapan tahniah kepada Imam Khomeini ke atas diri ku lebih dirasakan perlu kerana hubungan rapat di antara ku dengan beliau. Aku telah melawat Iran selepas sebulan setengah (atau lebih) Imam memasuki Tehran sebaik pulang daripada buangan dari Paris. Maka Imam menyambut ku dengan penuh kegembiraan. Kedatangan ku pada kali ini berseorangan tanpa kehadiran rombongan ulama Syiah Iraq yang lain.

Ketika sedang duduk berbual bersama Imam Khomeini secara perseorangan, beliau berkata kepada ku: ***Sayid Husain, sampailah waktunya untuk kita melaksanakan segala wasiat para Imam sebelum ini. Maka kita akan menumpahkan darah golongan An-Nawasib, membunuh anak-anak mereka dan menjatuhkan maruah perempuan-perempuan mereka. Jangan sekali-kali kita tinggalkan seorang pun daripada mereka terlepas daripada hukuman. Harta-harta mereka akan menjadi hak milik seratus peratus untuk Syiah Ahli Bait a. Kita juga akan melenyapkan Makkah dan Madinah daripada muka bumi kerana kedua-dua tempat ini menjadi***

[1] **Ali-Bahlawi**: Pemerintahan terakhir keluarga Syah Bahlawi adalah dipegang oleh Muhammad Redha Bahlawi yang lahir pada 19 Oktober 1919. Beliau memegang tampuk pemerintahan bermula 1941 sehingga berlakunya pemberontakan oleh Khomeini dan penyokongnya pada 1979. Beliau meninggal dunia pada 27 Julai 1980.

tempat perlindungan golongan Wahabi. Mahu tidak mahu kita mesti menjadikan Karbala' sebagai tanah yang mulia dan sebagai kiblat manusia untuk mendirikan solat. Dengan itu kita akan merealisasikan impian para Imam. Sekarang kerajaan yang kita impi-impikan yang bertahun kita usahakan telah terbina. Maka tidak ada perkara lain lagi melainkan kita perlu melaksanakannya!!!

Sebagai perhatian untuk kita semua:

Kita perlu menyedari bahawa kebencian Syiah kepada Al-Ammah -Ahli Sunah- adalah satu kebencian yang tiada bandingannya. Oleh sebab itulah para Fuqaha kita membenarkan berdusta kepada Ahli Sunah, meletakkan segala pendustaan ke atas mereka, memfitnah mereka dan menyifatkan mereka dengan perkara-perkara keji.

Sekarang golongan Syiah memandang kepada Ahli Sunnah dengan pandangan penuh kebencian berdasarkan kepada semangat yang disebarkan melalui sumber rujukan tertinggi. Terdapat juga semangat yang disebarkan kepada seluruh individu Syiah untuk memasuki semua sektor penting yang terdapat di dalam negara sama ada bidang ketenteraan, keamanan dan sebagainya demi memastikan kukuhnya kesatuan mereka.

Nantikanlah satu masa nanti –dengan penuh kesabaran- akan berlaku pengisytiharan perang terhadap Ahli Sunnah. Para Syiah merasakan bahawa perkara yang mereka lakukan ini adalah hanya semata-mata untuk berkhidmat kepada Ahli Bait a. Mereka terlupa individu yang mendesak mereka melakukan perkara tersebut adalah sekelompok manusia yang berada di belakang tabir. Akan tiba perbicaraan mengenainya pada perbahasan akan datang.

SYIAH

اعترافات علماء الشيعة

PENGAKUAN ULAMAK SYIAH KEPADA ALLAH DAN SEJARAH

KENAPA AKU MENINGGALKAN SYIAH?

SYEIKH AL-ALLAMAH DR. HUSAIN AL-MUSAWI

TERJEMAHAN

SEMAKAN

EKSKLUSIF

PENGARUH UNSUR-UNSUR ASING DALAM PEMBENTUKAN ALIRAN SYIAH

"Sebesar-besar kesan pengaruh asing di dalam menyelewengkan aliran Syiah kepada generasi Islam adalah meninggalkan Jumaat"

- Penulis -

Terjemahan
Mohamad Rosli bin Talib

PENGARUH UNSUR-UNSUR ASING DALAM PEMBENTUKAN ALIRAN SYIAH

"Demi Allah, jika aku riwayatkan setiap apa yang aku dengar daripada Abu Abdullah nescaya bengkaklah kemaluan lelaki dengan sebab terpaksa dipuaskan syahwat mereka walaupun ke atas kayu"

Zurarah bin 'Ayun

Kita telah mengenal melalui bahagian pertama daripada kitab ini berkenaan peranan seorang yang berbangsa Yahudi iaitu Abdullah bin Saba' dalam membentuk aliran Syiah. Ini merupakan satu hakikat yang sengaja dilupakan oleh semua peringkat pengikut-pengikut Syiah.

Aku terlalu memikirkan mengenai perkara ini bertahun-tahun lamanya, lalu ku temukan seperti mana orang lain juga menemuinya bahawa di sana terdapat beberapa individu yang turut memainkan peranan penting dalam memasukkan akidah-akidah yang salah dan fikrah-fikrah yang merosakkan ke dalam aliran Syiah.

Sepanjang keberadaan ku di dalam tempoh yang begitu lama ini di Al-Hauzah Najaf al-Ilmiah dan ia merupakan pusat segala Al-Hauzah, aku berkesempatan untuk mengkaji beberapa sumber utama Syiah yang membuatkan aku menemui beberapa kebenaran yang mengejutkan. Kebanyakan orang ramai tidak mengetahuinya atau sengaja tidak ingin mengetahui. Aku temukan juga beberapa individu yang meragukan, mereka berperanan dalam memesongkan manhaj Syiah sehingga kepada apa yang kita kenali hari ini. Segala apa yang telah dilakukan oleh penduduk Kufah terhadap keturunan (Ahli Bait) Rasulullah s serta pengkhianatan mereka kepada Ahli Bait a seperti mana yang telah dijejaskan pada perbahasan yang lalu, menunjukkan bahawa segala perbuatan mereka adalah semata-mata sekadar bersembunyi di sebalik aliran Syiah dan slogan menolong keturunan Rasulullah s.

Di antara mereka yang bersembunyi di sebalik Syiah:

1. Hisyam bin Al-Hakam[1]

Cerita mengenainya terdapat di dalam kitab sahih yang lapan[2] dan selainnya. Dialah penyebab terpenjara dan

1 - Pemikir Syiah. Terdiri daripada penduduk Kufah dan menetap di Baghdad. Di dalam Syiah dia merupakan seorang syeikh.
Pada awalnya bermazhab Al Jahmiah. Di antara fahaman yang dibawa olehnya iaitu menjisimkan Allah

2 Kitab-kitab yang menjadi pegangan Syiah:
1)الكافي
2)فقيه من لا يحضره الفقيه
3) الاستبصار فيما اختلف من الأخبار
4)تهذيب الأحكام
5)الوافي
6)بحار الأنوار الجامعة لدررأخبار الأئمة الأطهار
7)وسائل الشيعة لتحصيل مسائل الشريعة
8) مستدرك وسائل ومستنبط المسائل

terbunuhnya Al-Imam Al-Kadzim a. Disebut juga di dalam kitab "**رجال الكشى**" bahawa Hisyam bin Al-Hakam adalah seorang yang sesat dan menyesatkan serta bersekongkol dalam pembunuhan Abu Al-Hasan[1]a.
{**رجال الكشى** : 229}

Hisyam berkata kepada Abu Al-Hasana: Nasihatilah aku. Dia berkata: Aku menasihati mu agar bertakwalah kepada Allah pada darah ku.
{**رجال الكشى** : 226}

Abu Al-Hasan a meminta agar Hisyam diam dari berkata-kata. Dia diam selama sebulan kemudian kembali bercakap. Abu Al-Hasan a berkata kepadanya: Wahai Hisyam, apakah engkau suka jika dapat bersekongkol dalam pembunuhan seorang Muslim. Dia menjawab: Tidak. Berkata Abu Hasan a: Jika begitu, bagaimanakah engkau sampai terlibat dalam usaha untuk membunuh ku?. Berkata Hisyam: ***Lebih baik engkau berdiam atau engkau ku bunuh.*** Tidaklah beliau berdiam diri sehingga menimpa ke atas dirinya perkara itu.
{**رجال الكشى** : 231}

Adakah mungkin seseorang yang ikhlas terhadap Ahli Bait a turut serta dalam pembunuhan Imam ini?

Mari kita sama-sama meneliti riwayat ini.

Muhammad bin Al-Faraj Ar-Rakhji meriwayatkan dengan berkata: Aku menulis pertanyaan kepada Abu Al-Hasan

---

[1] Al-Imam Al-Kadzim

a mengenai ucapan Hisyam bin Al-Hakam berkenaan al-Jisim[1] dan Hisyam bin Salim[2] –al-Jawaliqi- mengenai as-Surah[3]

Beliau membalas: ***Jauhkan diri mu dari kebingungan mereka yang keliru dan mohonlah perlindungan Allah daripada syaitan. Bukanlah pendapat yang diterima pakai, apa yang dikatakan oleh dua orang Hisyam.***
{ **أصول الكافى**: 1/105, **بحار الأنوار** : 3/288, **الفصول المهمة** : 51}

Hisyam bin al-Hakam menyangka Allah itu berjisim dan Hisyam bin Salim pula merasakan Allah mempunyai rupa.

Diriwayatkan daripada Ibrahim bin Muhammad Al-Khazaz dan Muhammad bin Al Husain, mereka berkata: Kami masuk menemui Abu Al-Hassan Ar-Ridha a dan kami menceritakan apa yang diriwayatkan bahawa Muhammad melihat Tuhannya di dalam keadaan seorang pemuda dalam lingkungan umur 30 tahun, kedua kakinya berada di dalam sebuah taman. Kemudian kami katakan: Hisyam bin Salim, Syaitan Thaq[4] dan Al Maithami[5] berkata: ***Sesungguhnya Allah itu berongga sehingga pusat dan tidak berongga dari pusat pada baki tubuh.***
{**أصول الكافى** : 1/101, **بحار الأنوار** : 4/40}.

---

[1] Allah mempunyai jisim

[2] Hisyam bin Salim al-jawaaliqi Al Ullaf, bersekongkol dengan Hisyam bin Al Hakam dengan berkata Allah mempunyai rupa atau jisim.

[3] Allah mempunyai rupa

[4] Muhammad bin Ali An Nukman Al-Bajli Al-Kufi, gelaran ini dinisbahkan kepada sebuah pasar di Thoq Al-Mahamil yang terdapat di Kufah. Mengikut sebahagian pendapat, dia merupakan seorang syeikh kepada Syiah Ar Rofidhoh dan juga seorang pelampau syiah.

[5] **Maithami Ali bin Ismail:** Ahmad bin Al-Hasan bin Ismail bin Shuib bin Maitam. Dinisbahkan kepada datuknya yang teratas iaitu Maitham At-Tammar As syahid

Apakah ini dapat diterima oleh akal bahawa Allah disamakan dengan seorang pemuda yang berusia 30 tahun dan berongga sehingga ke pusat?!

Perkataan seperti ini sama dengan apa yang telah diperkatakan oleh kaum Yahudi di dalam kitab Taurat mereka bahawa Allah diumpamakan dengan seorang manusia yang mempunyai tubuh badan yang besar, ini jelas tertulis di dalam Sifir Takwin[1] daripada kitab Taurat mereka.

Ini adalah di antara pengaruh Yahudi yang telah meresap ke dalam aliran Syiah melalui Hisyam bin Al-Hakam yang menjadi penyebab dan bersekongkol membunuh Al-Imam Al Kadzim a. Juga turut terlibat dalam meresapkan fahaman ini Hisyam bin Salim, Syaitan Thaq, Maithami Ali bin Ismail pengarang kitab Al-Imamah.

Sekiranya dilihat di dalam kitab-kitab kita yang muktabar seperti "Sahih yang lapan" dan selainnya, kita akan dapati hadis-hadis mereka ini berada di senarai yang paling terawal.

---

[1] Rujukan Yahudi yang mengandungi 50 bab dinamakan Sifir Takwin atau ciptaan Allah atau ciptaan alam.

2. Zurarah bin 'Ayun:[1]

Syeikh At Thusi berkata: ***Zurarah berasal dari keluarga yang beragama Kristian, datuknya (Sunsun @Subsun) merupakan seorang paderi, bapanya berbangsa Rom merupakan hamba kepada seorang lelaki dari Bani Syaiban*** {**الفهرست** :104}.

Zurarah lah yang berkata: Aku telah bertanya kepada Abu Abdullah a mengenai tasyahhud…….hingga kepada: ketika aku keluar, aku melepaskan angin (kentut) pada janggutnya dan aku berkata: ***Dia tidak akan berjaya selama-lamanya[2].***
{**رجال الكشى** : 143}

---

[1] Zurarah bin A'yun As Syaibani, mengikut sebahagian pendapat namanya adalah Abd Rabbih dan Zurarah merupakan gelaran kepadanya. Terdiri daripada ahli Kufah yang berketurunan Nasrani, merupakan ketua kumpulan Az-Zurariyyah, seorang pelampau Syiah dan terdiri daripada penyair Syiah yang terkenal. Dia meninggal pada tahun 148 H, selepas 2 bulan kematian Imam As Sodiq dan ketika itu dia berumur 70 tahun. Mengikut pendapat yang lain, dia meninggal pada tahun150 H.

[2] Sesiapa yang kentut pada janggut Abu Abdullah a dan berkata beliau tidak akan berjaya selama-lamanya, tidak mungkin dia adalah daripada kalangan Muslimin dan benar-benar ikhlas terhadap keturunan Rasulullah S.**-Penulis-**

Zurarah juga berkata: ***Demi Allah, jika aku riwayatkan setiap apa yang aku dengar daripada Abu Abdullah nescaya bengkaklah kemaluan lelaki dengan sebab terpaksa dipuaskan syahwat mereka walaupun ke atas kayu[1].***
{**رجال الكشى** : 123}

Daripada Abu Miskan meriwayatkan: Aku mendengar Zurarah berkata: ***Moga Allah merahmati Abu Jaafar, sesungguhnya aku kurang senang dengannya.***

Aku berkata kepadanya: Apakah yang dimaksudkan oleh Zurarah tentang ini?. Dia menjawab: Ini kerana Abu Abdullah a telah membuka segala keaibannya.
{**رجال الكاشى** : 131}

Berpunca dari perkataan itulah Abu Abdullah a berdoa: ***Semoga Allah melaknati Zurarah***
{133}

Abu Abdullah a juga berkata: ***Demi Allah, jika sekiranya Neraka itu hanya sebesar bekas makanan[2], nescaya keluarga 'ayun bin Sunsun akan meluaskannya[3].***
{131}

---

[1] Ini merupakan satu tuduhan terhadap Abu Abdullah a dengan membicarakan isu-isu yang boleh membangkitkan syahwat lelaki sehingga mereka tidak sanggup menahan nafsu dan akan memuaskan nafsunya walaupun di atas kayu.**-Penulis-**

[2] **-سكرجه** pinggan yang kecil dan hanya sedikit sahaja makanan boleh diletakkan padanya. Ia adalah kalimah Parsi yang telah dijadikan Bahasa Arab -Penulis-

[3] Keterlaluannya dalam menggambarkan kemarahan terhadap apa yang telah dilakukan oleh zurarah.

Kata Abu Abdullah a lagi: ***Moga Allah melaknat Buraid dan melaknat Zurarah.***
{134}

Katanya lagi: ***Tidak akan mati Zurarah kecuali di dalam kesesatan dan mendapat laknat Allah.***
{134}

Beliau menambah lagi: Inilah Zurarah bin 'Ayun dan inilah demi Allah, dia termasuk di dalam golongan yang telah di sifatkan oleh Allah di dalam Al-Quran:

﴿وَقَدِمْنَآ إِلَىٰ مَا عَمِلُواْ مِنْ عَمَلٍ فَجَعَلْنَٰهُ هَبَآءً مَّنثُورًا ﴿٢٣﴾﴾

Maksudnya: *dan Kami tujukan perbicaraan kepada apa yang mereka telah kerjakan dari jenis amal (yang mereka pandang baik), lalu Kami jadikan dia terbuang sebagai debu yang berterbangan.* {al-Furqan: 23}
{**رجال الكشى** : 136}

Abu Abdullah a berkata: ***Terdapat satu kaum yang telah menyingkirkan segala keimanan mereka, kemudian merampasnya kembali. Mereka ini pada hari kiamat akan digelar: Kelompok yang telanjang. Zurarah bin A'yun merupakan salah seorang daripada mereka***
{141}

Berkata Abu Abdullah a: ***Sekiranya Zurarah sakit jangan diziarahi, jika dia mati jangan mengiringi jenazahnya.***

Ditanyakan kepada beliau, adakah individu yang dimaksudkan Zurarah? Bertanya di dalam kehairanan. Beliau menjawab: Ya, sesungguhnya Zurarah lebih jahat dari Yahudi, Nasrani dan golongan yang mengatakan Allah itu tiga dalam satu. Sesungguhnya Allah telah memalingkan dia.

Beliau berkata: Zurarah telah meragui kedudukan ku sebagai Imam, maka aku memohon daripada Tuhan ku agar membunuhnya[1].
{138}

Aku katakan: Zurarah yang berasal dari keluarga Nasrani serta meragui pelantikan Abu Abdullah a sebagai Imam dan dia juga yang mengatakan telah melepaskan angin ke janggut Abu Abdullah a lalu berkata: ***Dia tidak akan berjaya selama-lamanya***. Jika begitu, apa yang kita harapkan darinya untuk menyumbang kepada agama Islam??

Kitab-kitab Sahih kita dipenuhi dengan hadis-hadis Zurarah dan dia berada di tempat terawal di antara perawi-perawi yang lain. Dialah yang telah mendustai ke atas keturunan Rasulullah s dan memasukkan unsur-unsur bid'ah ke dalam Islam yang tidak pernah dilakukan oleh sesiapapun sepertinya sebagaimana yang pernah dikatakan Abu Abdullah a. Sesiapa yang merujuk ke dalam Kitab Sahih kami akan mendapati benarnya ucapan ini. Individu yang seumpama dengan Zurarah ialah Buraid. Abu Abdullah a melaknat kedua-duanya.

[1] Semua rujukan kita dan ulama kita mentafsirkan perkataan dan cemuhan Abu Abdullah a terhadap Zurarah sebagai satu taqiyah. Ini tidak boleh di terima, sekiranya ia sekadar taqiyah bagaimana pula perkataan Zurarah dan celaannya terhadap Abu Abdullah a dengan cara kentut pada janggut beliau. Adakah ini juga hanya taqiyah??
Bahkan tidak. Ini dapat membuktikan kepada kita bahawa permusuhan yang berlaku antara Abu Abdullah a dengan Zurarah berpunca dari ucapan dan perbuatan jelik Zurarah serta bida'h yang dilakukan olehnya. Jika bukan disebabkan itu, kenapa Abu Abdullah a berkata dengan ucapan sebegitu kepadanya. **-Penulis-**

3. Abu Basir Laith bin al-Bukhturi

Abu Basir berani mencemarkan Abu Al-Hasan Musa Al-Kazim a ketika ditanya berkenaan seorang lelaki yang mengahwini seorang wanita yang mempunyai suami tetapi suaminya tidak mengetahui.

Abu Al-Hasan a berkata: ***Wanita itu akan direjam dan lelaki itu dibebaskan kerana dia tidak mengetahui***. Lalu Abu Basir Al-Muradi menepuk dadanya sambil mengusap-usap lalu berkata: ***Aku merasakan teman kita ini belum mencukupi ilmunya***
{**رجال الكشى** : 154}

Di dalam kata lain dia telah menuduh Al-Kazim a masih dangkal ilmu pengetahuan.

Pernah ketika Ibnu Abu Ya'fur dan Abu Basir saling berbincang tentang urusan keduniaan. Abu Basir berkata: ***Teman kamu itu, jika dia memperoleh habuan dunia nescaya dia akan memonopolinya***. Kemudian Abu Basir terlelap seketika, tiba-tiba muncul seekor anjing dan kencing ke atasnya. Hamad bin Usman bangun dan menghalaunya. Ibnu Abu Ya'fur berkata kepadanya: Biarkan anjing itu, kemudian anjing itu muncul lagi lalu kencing pada telinga Abu Basir.
{**رجال الكشى** : 154}

Ini bererti dia telah menuduh Abu Abdullah a cenderung kepada keduniaan dan suka memonopoli. Allah menghukumnya dengan mengutus seekor anjing untuk kencing di telinganya sebagai balasan terhadap apa yang dia katakan kepada Abu Abdullah a.

Daripada Hammad Al-Nab dia berkata: Abu Basir menunggu Abu Abdullah a di depan pintu untuk meminta keizinan, tetapi beliau tidak mengizinkannya. Abu Basir berkata: ***Sekiranya ada bersama-sama kami hidangan makanan yang lazat pasti dia akan mengizinkan.*** Tiba-tiba datang seekor anjing lalu kencing ke muka Abu Basir. Dia berkata: Uh, uh. Air apa ini[1]? Teman di samping memberitahunya: Anjing ini kencing pada muka kamu.
{**رجال الكشى** : 155}.

Dia menuduh Abu Abdullah a sukakan tharith[2] dan makanan yang enak-enak dan beliau tidak akan membenarkan sesiapa pun datang menemuinya kecuali ada bersamanya makanan. Lalu Allah menghukumnya atas tuduhan tersebut dengan mengutus seekor anjing lalu kencing pada mukanya sebagai balasan terhadap apa yang telah dia katakan kepada Abu Abdullah a.

Dari segi akhlak Abu Basir dia tidak boleh dipercayai berdasarkan pengakuan beliau sendiri: *Ketika aku mengajarkan Al-Quran kepada seorang wanita, aku sempat bergurau dengannya dengan melakukan sesuatu.*

[1] Kerana dia buta penglihatan **–Penulis-**
[2] Tharith (bubur, kanji)

Wanita tersebut pergi menemui Abu Jaafar a untuk membuat aduan mengenai Abu Basir. Abu Jaafar a berkata: ***Wahai Abu Basir! Apakah yang telah engkau katakan kepada wanita ini?*** Dia berkata: ***Aku berkata dengan tangan ku dengan melakukan sebegini dan sebegini sambil dia menutup mukanya.*** Lalu Abu Jaafar berkata: ***Jangan kau ulanginya lagi***
{**رجال الكشى** : 154}.

Sesungguhnya Abu Basir menghulurkan tangannya untuk menyentuh bahagian daripada tubuh wanita tersebut bertujuan untuk bergurau dan bermain-main. Di dalam waktu yang sama dia sedang mengajarkan Al-Quran.

Abu Basir seorang yang telah nyanyuk.

Daripada Muhammad bin Mas'ud dia berkata: Aku bertanya kepada Ali bin Al-Hasan tentang Abu Basir lalu dia berkata: ***Abu Basir di beri gelaran sebagai Abu Muhammad, dia merupakan penghulu bagi Bani Asad dan beliau juga seorang yang buta. Aku bertanya adakah dia dituduh sebagai pelampau? Dia menjawab : Tidak, tetapi dia seorang yang telah nyanyuk[1].***
{**رجال الكشى**: 154}

Aku berkata: Memang menakjubkan kerana terdapat terlalu banyak hadis-hadisnya di dalam kitab-kitab yang sohih. Sekiranya dia nyanyuk nescaya banyak perkara yang bukan dari

[1] Terdedah kepada beberapa perkara yang boleh mencacatkan kedudukan hadis-hadis yang diriwayatkan seperti nyanyuk yang terkesan daripada usia yang lanjut, hilang penglihatan, kematian anak atau terlibat dengan perkara-perkara yang boleh merosakkan dan menghilangkan keseimbangan akal dan perbuatan. Tidak diterima hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang telah nyanyuk dalam ilmu hadis.

agama akan dimasukkan ke dalam agama. Hadis-hadis yang diriwayatkannya semuanya pelik-pelik dan ganjil-ganjil, bukankah ini disebabkan kenyanyukannya??

4. Ulama Thabristan

Muncul di Thabristan satu golongan yang bersepakat mengiklankan keilmuan mereka dan dalam masa yang sama melakukan pencemaran dalam aliran Syiah bertujuan jahat dan merosakkannya. Sebagaimana diketahui umum, setiap manusia akan dipersaksikan segala kesan-kesan dari perbuatannya, sekiranya kesannya baik ini membuktikan bahawa akhlak, sikap, iktikad dan sepanjang perjalanannya juga turut baik dan begitu juga sebaliknya. Sekiranya didapati kesannya buruk, ini membuktikan segalanya yang ada padanya juga buruk.

Sebahagian daripada Ulama' Thabristan meninggalkan segala sampah dan kekotoran yang membawa keraguan kepada keperibadian mereka. Kita perkenalkan tiga tokoh yang masyhur yang datang dari Thabristan

1) Al-Mirza Husain bin Taqi An-Nuri At-Thabrisi.

Pengarang kitab "**فصل الخطاب فى إثبات تحريف كتاب رب الأرباب**" telah menghimpunkan lebih dari 2000 riwayat yang terdiri daripada kitab-kitab Syiah yang membuktikan penyelewengan Al-Quran. Turut dikumpulkan juga semua perkataan Fuqaha' dan para Mujtahid. Karangannya membuatkan semua pengikut Syiah menjadi malu dan terhina.

Yahudi dan Nasrani mengatakan bahawa Al-Quran telah diselewengkan. Apakah perbezaan antara perkataan orang-orang Thobrisi dengan apa yang dikatakan oleh Yahudi dan

Nasrani? Apakah wujud seorang Muslim yang benar-benar berpegang dengan Islamnya sanggup menjadi saksi untuk membuktikan terdapat penyelewengan, penipuan dan sebagainya pada Al-Quran yang diturunkan yang mana Allah menjanjikan akan memeliharanya?

2) Ahmad bin Ali bin Abu Tolib[1] At-Thabrisi, pengarang kitab "**الإحتجاج**"

Terdapat di dalam kitabnya beberapa riwayat yang jelas menerangkan tentang penyelewengan Al-Quran. Terdapat juga beberapa riwayat mengenai hubungan yang buruk antara Amirul Mukminin a dan para sahabat. Riwayat-riwayat inilah menjadi punca berlakunya perpecahan di kalangan orang Islam. Sesiapa yang membaca karangan ini dia akan mendapati pengarangnya mempunyai niat yang tidak baik.

3) Fadhl bin Al-Hasan At-Thabrisi, pengarang "**مجمع البيان فى تفسير القرآن**" Kitab tafsir ini terdapat sekian banyak kesilapan, takwil yang direka-reka serta pentafsiran kontang yang bertentangan dengan kaedah-kaedah tafsir.

Kawasan Thabristan dan kawasan sekitarnya penuh dengan kaum Yahudi Khazzar. Yahudi Khazzar itulah penduduk Thabristan yang berselindung dengan nama Islam. Kebanyakan hasil karangan mereka banyak mencerca Islam. Sekiranya dibuat

[1] - Dia menggunakan nama tersebut bertujuan untuk mengelirukan dan memudahkan beliau menyebarkan racunnya. Sesungguhnya insan seumpamanya tidak layak untuk menyandarkan namanya walaupun pada tanah yang dipijak Amirul Mukminin a. Lebih-lebih lagi telah diketahui dia tidak dikenali asal usul dirinya. **–Penulis-**

perbandingan antara kitab "**فصل الخطاب**" dengan karangan-karangan yang lain daripada karangan Orientalis, kita akan temui kitab "**فصل الخطاب**" lebih serius dan dahsyat dalam menghina Islam.

Begitu juga dengan karangan-karangan dua individu[1] yang lain.

Ketika meninggalnya seorang Sayid tenaga pengajar di Al-Hauzah An-Najafiah. Aku juga turut memandikan jenazah beliau bertujuan mencari keredaan Allah. Aku dibantu oleh beberapa orang daripada ahli keluarganya, apa yang menyedihkan ketika sedang memandikan jenazah tersebut aku dapati al-Faqih itu tidak berkhatan !!! Aku tidak mahu menyebutkan namanya dibimbangkan anak-anaknya mengenali siapa aku. Sekiranya aku menceritakan kejadian ini, nescaya mereka akan mengenali ku dan mengetahui aku adalah pengarang kitab ini. Akibatnya akan berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

Terdapat sebahagian daripada Sayid Al-Hauzah yang masih aku meragui tentang keadaan mereka. Bagi ku alhamdulillah, aku akan terus melakukan kajian ini untuk mencari hakikat yang sebenar.

Kita akan melihat pula bentuk lain daripada pengaruh-pengaruh unsur asing di dalam aliran Syiah. Unsur-unsur ini telah mencemarkan kitab-kitab dan rujukan utama kita. Kita akan mengambil beberapa contoh untuk tatapan pembaca supaya kita dapat melihat sejauh mana tercemarnya unsur ini.

---

[1] Al-Mirza Husain dan Ahmad bin Ali At-Thabrisi

Kitab **"الكافى"** pada hakikatnya merupakan sebesar-besar rujukan Syiah secara mutlak. Ia juga merupakan kitab yang dipercayai oleh Imam 12 yang tidak akan silap atau tersalah. Ketika Al-Kulaini mengarang kitab ini, dia telah membentangkannya kepada Imam 12 yang berada di sirdabnya di Samura'[1], lalu Imam 12 berkata: ***Kitab ini sudah memadai untuk golongan Syiah kita.***
Lihat pendahuluan {**الكافى** : 25}.

As-Sayid Al-Muhaqqiq Abas Al-Qummi[2] berkata: ***Al-Kafi merupakan seagung-agung kitab Islam dan sehebat-hebat karangan Imamiah. Tidak ada yang dihasilkan untuk Imamiah seumpamanya***.

Maula Muhammad Amin Al-Istrabadi[3] menceritakan beberapa faedah daripada kitab ini dan berkata: ***Kami mendengar daripada guru dan ulama-ulama kami mengatakan; tidak ada karangan di dalam Islam yang menyamai atau seperti kitab ini.***
{**الكنى والألقاب** : 3/98}

---

[1] Nama kawasan di Iraq
[2] As-Sayid Al-Muhaqqiq Abbas Al-Qummi – Syeikh Abbas Ibnu Muhammad Rezza Abu Al-Qaasim Al-Qummi. Dilahirkan tahun 1290H, meninggal dunia pada tahun 1357H.
[3] Mulla Muhammad Amin bin Muhammad Syarif Al Istrabadi, merupakan salah seorang mujaddid, antara kitab karangan beliau adalah *Al Fawaid Al Madaniah*. Meninggal pada tahun 1033 H.

Marilah kita meneliti bersama-sama perkataan ini:

As-Khawansari[1] berkata: ***Mereka bercanggah pendapat mengenai isi kandungan kitab Ar-Raudhah yang mengandungi himpunan-himpunan daripada beberapa bahagian, adakah ianya merupakan salah satu dari kitab Al-Kafi dari karangan Al-Kulaini sendiri atau tambahan pada yang telah ada.***
{**روضات الجنات** : 6/118}

As-Syeikh As-Tsiqah As-Sayid Husain bin As-Sayid Haidar Al-Karki Al-A'mili – meninggal pada (1076 H) berkata: ***Kitab Al-Kafi terdapat padanya 50 perbahasan yang mempunyai sanad-sanad dan hadisnya bersambung terus kepada semua Imam-Imam*** [a]
{**روضات الجنات** : 6/114}

Akan tetapi berlainan apa yang dikatakan As-Sayid Abu Jaafar At-Thusi[2] – meninggal pada (460 H): ***Kitab al-Kafi mengandungi 30 perbahasan.***

{**الفهرست** : 161}

Jelaslah bagi kita melalui perkataan–perkataan di atas bahawa kitab Al-Kafi terdapat penambahan pada kurun ke 5

[1] As-Sayid Ahmad Al-Khawansaari bin As Sayid Al-Fadhil bin A'ilah, mempunyai pertalian kekeluargaan dengan Imam Al-Kadzim, beliau lahir di sebuah perkampungan bernama Khawansar dan berasal daripada keturunan yang berpendidikan agama. Lahir pada 8 Muharam 1309 H/1892M dan meninggal pada 1405 H/1984 M

[2] Abu As-Sayid Abu Jaafar At-Thusi – Muhammad bin Al-Hassan bin Abi At-Thusi Abu Jaafar di antara Imam-imam yang maksum, menjadi tempat rujukan Syiah Al-Imamiyah dalam setiap perkara yang berkaitan dengan mazhab dan agama.

dan 11 sebanyak 20 perbahasan. Manakala setiap perbahasan mengandungi banyak bahagian. Ini bermakna kadar penambahan yang berlaku sepanjang tempoh ini sebanyak 40% tidak termasuk penukaran riwayat-riwayat serta lafaz-lafaz, pembuangan pada beberapa bahagian dan penambahan yang lain. Siapakah yang melakukan perbuatan ini sehingga ianya berjumlah 20 perbahasan? Adakah dia seorang manusia yang mulia dan suci? Adakah ianya dilakukan oleh seseorang atau ramai individu sepanjang kurun ini dalam menambah, merubah, menukar dan mencemarkannya?

Kita ingin bertanya: Adakah Al-Kafi masih dianggap sebagai sebuah kitab yang boleh dipercayai mengikut Imam-Imam yang maksum yang tidak terdapat kesilapan atau kesalahan padanya?

Kita ambil sebuah lagi kitab yang berada di kedudukan kedua setelah Al-Kafi. Ia merupakan salah satu di antara empat ***kitab sohih*** yang utama iaitu **"تهذيب الأحكام"** dikarang oleh As-Syeikh At-Thusi pengasas al-Hauzah An-Najaf. Sebahagian besar Ulama dan Fuqaha' kita menyebutkan; kitab itu sekarang mengandungi sejumlah 13590 hadis, tetapi At Thusi (pengarang) sendiri menyatakan –sebagaimana dia sebutkan di dalam kitab "**عدة الأصول**"– bahawa ia mengandungi lebih daripada 5000 hadis. Ini bererti setiap bahagian tidak lebih daripada 6000 hadis.

Siapakah yang membuat penambahan dalam jumlah yang begitu besar sehingga melebihi daripada bilangan yang asal? Ini berserta riwayat-riwayat jelik yang diriwayatkan oleh "tahzib al-Ahkam" dan "al-Kafi" serta yang lainnya. Tidak syak lagi di sana terdapat usaha-usaha jahat yang berselindung di sebalik Islam sedangkan Islam berlepas diri dari perbuatan tersebut. Inilah nasib dua kitab yang utama, Apakah yang akan

kita temui jika kita melihat kepada rujukan lainnya?? Kesinambungan dari kejadian tersebut As-Sayid Hasyim Ma'ruf Al-Hasani[1] berkata: ***Rekaan tukang-tukang cerita Syiah bersama rekaan musuh-musuh Imam telah meletakkan bilangan yang cukup banyak daripada penipuan-penipuan ini dan disandarkan kepada Imam-imam.***

Katanya lagi: ***Setelah melihat kesemua hadis-hadis yang berselerakan di dalam kitab-kitab hadis seumpama Al-Kafi dan Al-Wafi dan selain keduanya. Kita mendapati para pelampau dan mereka yang dengki kepada para Imam*** a ***tidak meninggalkan satu bab pun daripada bab-bab yang ada kecuali mereka akan masuk ke dalamnya demi untuk merosakkan hadis-hadis para Imam serta menjatuhkan maruah mereka.***

{ **الموضوعات** : 165}

As-Syeikh At-Thusi melalui pendahuluan di dalam kitab "**التهذيب**" memberi alasan dengan berkata: ***Sebahagian teman-teman telah memperingati aku berkenaan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh ashab kita dan apa yang terdapat padanya yang terdiri daripada perselisihan, perbezaan, berlawanan dan pertembungan. Hinggakan hampir tidak ada hadis yang kita temukan pasti akan ada hadis yang lain menyalahinya. Tidak ada satu hadis pun yang selamat kecuali ada hadis lain yang berlawanan dengannya sehingga***

[1] As-Sayid Hasyim Ma'ruf Al-Hasani pengarang kitab:
i) **من وحى الثورة الحسينية**
ii) **ما بعد مجزره كربلاء**
iii) **الشيعة بين الأشاعرة والمعتزلة**

perkara ini menjadi modal besar kepada kelompok yang tidak sealiran dengan kita untuk menghentam aliran kita.

Walaupun At-Tusi berusaha sedaya mungkin untuk memelihara kitabnya daripada penyelewengan tetapi tetap berlaku sebagaimana yang kamu dapat lihat.

Semasa aku menziarahi India, aku bertemu dengan As-Sayid Dildar Ali[1]. Beliau menghadiahkan kepada ku sebuah kitab hasil karangan beliau sendiri iaitu "**أساس الأصول**" dan pada muka surat 51 beliau mengatakan: ***Sebenarnya semua hadis-hadis yang datang daripada Imam-Imam berselisih antara satu sama lain, hampir tidak ada satu hadis pun kecuali terdapat yang menyalahinya, hampir tiada satu riwayat pun pasti akan terdapat yang berlawanan.*** Inilah yang menjadi pendorong utama ramai yang meninggalkan fahaman Syiah ini.

Mari kita lihat kepada perkataan mengenai penyelewengan Al-Quran. Kitab pertama yang menceritakan mengenai penyelewengan ini adalah sebuah kitab yang di tulis oleh Salim bin Qais Al-Hilali[2] (tahun 90 H). Ia hanya mendatangkan dua riwayat sahaja mengenai perkara tersebut. Ia merupakan kitab pertama yang muncul ke dalam aliran Syiah.

Tetapi sekiranya kita merujuk kepada kitab-kitab kita yang muktabar yang telah ditulis selepas daripada Salim bin Qais setelah beberapa ketika, kita akan mendapati kesemua yang kita peroleh telah pun terisi dengan riwayat-riwayat yang telah di selewengkan sehingga memudahkan bagi An-Nuri At-Thabrisi

[1] As-Sayid Dildar Ali al-Nasirabadi (1753 hingga 1820M). Juga dikenali dengan Sayid An-Naqawi.
[2] Salim bin Qais Ak Hilali. (Salim bin Qais Ak Hilali Al-A'miri Al-Kufi) dikenali dgn gelaran Abu Sodiq. Dilahirkan pada tahun ke 2 sebelum hijrah

untuk menghimpunkan lebih dari 2000 riwayat di dalam kitabnya "فصل الخطاب"

Siapakah yang Telah Mereka-reka Semua Riwayat Ini?

Apabila kita merujuk kembali secara khusus terhadap apa yang telah disebutkan sebelum ini mengenai penjelasan terhadap penambahan kepada semua kitab-kitab terutamanya kitab-kitab sahih, maka jelaslah semua riwayat-riwayat ini telah direka cipta pada waktu kebelakangan ini daripada kitab Salim bin Qais sekitar kurun ke 6 atau ke 7 sehinggakan As-Saduq a (meninggal pada 381 H) berkata: *Sesiapa yang menyandarkan kepada Syiah seumpama riwayat ini –penyelewengan- maka dia telah berdusta.* Beliau tidak pernah mendengar riwayat seumpama ini. Jika benar riwayat ini wujud nescaya beliau akan mengetahui atau mendengarnya.

At-Thusi juga menafikan terhadap apa yang telah dinisbahkan kepada Syiah berkenaan perkara ini di dalam kitab tafsirnya "**التبيان فى تفسير القرآن**" (cetakan An Najaf tahun 1383 H). Adapun kitab Salim bin Qais adalah satu penipuan terhadapnya dan ianya telah direka oleh Aban bin Abu Ayyash kemudian disandarkan kepada Salim.

Ibnu Al-Muthahhir Al-Hulli dan Al-Ardabili menjelaskan mengenai Aban dengan kata: *Amat dhoif dan para ashab kami mengatakan dialah yang mereka-reka kitab Salim bin Qais*.

Lihat {**رجال الحلى** : 206} dan {**جامع الرواة** yang dikarang oleh Al-Ardabili :1/9}

Setelah kemunculan Daulah As-Sofwiyah[1] ianya telah menyediakan ruang yang begitu luas untuk mereka-reka dan menempelkan semua riwayat-riwayat tersebut kepada Al-Imam As-Sodiq a dan selainnya. Setelah penjelasan ringkas ini jelas membuktikan kepada kita bahawa setiap karangan ulama-ulama kita tidak boleh dipercayai dan dijadikan sebagai pegangan jika ia tidak diperiksa terlebih dahulu. Ia sudah dicemari oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, inilah di antara perkara-perkara yang telah diketahui.

Sekarang kita akan meneliti pada bentuk lain kesan pengaruh-pengaruh asing yang terdapat di dalam aliran Syiah

Masalah Imam ke 12 merupakan masalah yang berbahaya sekali.

As-Sayid Ahmad[2] telah menyentuh di dalam tulisannya mengenai perkara tersebut dengan menyebut bahawa Al-Imam ke 12 merupakan satu perkara yang tidak ada kebenaran sama sekali dan individu tersebut tidak wujud. Apa yang telah disebut oleh beliau tentang perkara tersebut sudah memadai bagi kita.

Aku mengatakan: Persoalannya bagaimana ia wujud sedangkan terdapat nas-nas daripada kitab-kitab kita yang

[1] Daulah as-Sofwiyah muncul pada tahun 1500 hingga 1753M. Diasaskan oleh As-Syah Ismail bin Haidar bin Sofwi.

[2] Dia adalah Al-A'llamah Ahmad Al-Kisrawi. Nama sebenar adalah Ahmad Mir Qasim bin Mir Ahmad Al-Kisrawi, dilahirkan di Tibriz, Iran. Beliau merupakan seorang sasterawan Iran dan banyak membuat kritikan ke atas Syiah 12. Pada akhir tahun 1324 H, beliau meninggal dunia akibat ditembak oleh golongan pelampau Syiah.

muktabar mengatakan bahawa Al-Hasan Al-Askari[1] a -merupakan Imam ke 11- meninggal dalam keadaan beliau tidak mempunyai anak, manakala semua isteri dan gundik-gundik beliau ketika itu tidak ada seorang pun yang hamil atau telah mempunyai anak. Semua ini boleh dirujuk di dalam kitab

{**الغيبة** karangan At Thusi 74}, {**الإرشاد** karangan Al-Mufid}, { **أعلام الورى** karangan Al-Fadhil At-Thabrisi : 380}, { **المقالات والفرق** karangan Al Asy'ari Lil Qummi : 102}.

Al-Fadhil As-Sayid Ahmad yang menjadi kolumnis mengenai masalah pengganti Al-Imam yang ke 12. Dia mengukuhkan ucapan dengan katanya bahawa mereka adalah satu bangsa yang berasal dari Dajlah dan mendakwa mereka adalah pengganti Imam dengan hanya bertujuan untuk menguasai khumus dari harta dan segala harta-harta yang telah didermakan di kubur dan sirdab[2].

Marilah kita lihat bersama apa yang akan dilakukan oleh Al-Imam ke 12 . Beliau juga dikenali sebagai Al-Qaim atau Al-Muntazar[3] setelah kemunculannya.

1) **Memerangi bangsa Arab**

Al-Majlisi meriwayatkan bahawa Al-Muntazar akan menjelajahi semua negara Arab sebagaimana termaktub di

[1] Al-Hasan al-Askari – Al-Hasan bin Ali, gelarannya Abu Muhammad atau Al-Askari (232-260M)

[2] Sirdab – bilik pengebumian atau terowong (tempat persembunyian Imam Mahdi al-Muntazhar)

[3] Al-Muntazhor Muhammad bin Al-Hassan – gelarannya Abu Al-Qaasim atau al-Mahdi, dilahirkan pada 255 atau 256H, kini beliau bersembunyi di Sirdab, hanya menunggu saat kemunculan.

dalam Jafrul Al-Ahmar dan beliau sendiri yang akan membunuh mereka semua
{ **بحار الأنوار** : 52/318}.

Di dalam riwayat yang lain Al-Majlisi menjelaskan: *Tidak ada yang berbaki (belum dilaksanakan) di antara kita dan bangsa Arab kecuali menyembelih mereka*.

{**بحار اللأنوار** : 52/349}.

Dia meriwayatkan lagi: *Berjaga-jagalah terhadap bangsa Arab kerana pada mereka terdapat berita buruk. Tidak ada seorang pun dari mereka yang akan terlepas dari tangan Al-Qaim*

{ **بحار الأنوار** : 52/333}.

Aku katakan: Kebanyakan Syiah berasal dari bangsa Arab, Apakah Al-Qaim akan menghunuskan pedang ke atas mereka dan membunuh mereka?.

Sudah tentu jawapannya adalah tidak dan tidak. Ini kerana di sebalik apa yang telah diriwayatkan di sini terdapat beberapa individu yang turut memainkan peranan mereka untuk menyebarkan racun yang merbahaya. Tidak menjadi satu kepelikan jika Kisra boleh terselamat dari api neraka[1], kerana

[1] Berkisar mengenai kisah seorang Raja (Anusyirwan) yang beragama Majusi memegang tampuk pemerintahan Kisra pada ketika itu, beliau seorang yang adil terhadap rakyat jelata. Ketika kelahiran Nabi Muhammad S telah berlaku beberapa keajaiban dalam negara tersebut sebagai tanda munculnya seorang Nabi akhir zaman, tetapi Raja Kisra tidak beriman dengan nabi tersebut. Setelah meninggal, beliau dimasukkan ke dalam neraka kerana tidak beriman dengan Muhammad S tetapi Allah menyelamatkan beliau

mengikut riwayat Al-Majlisi daripada Amirul Mukminin a berkata: *Allah telah menyelamatkannya –Kisra- daripada api neraka kerana api diharamkan ke atasnya*

{البحار : 4/41}

Adakah ini satu kejadian yang boleh di terima akal, bahawasanya Amirul Mukminin a mengungkapkan kata-kata tersebut??

2) **Meruntuhkan Masjid Al-Haram dan Masjid An-Nabawi.**

Al-Majlisi meriwayatkan: ***Al-Qaim akan merobohkan kedua-dua masjid ini dan akan mengembalikannya kepada sediakala.***

{بحار الأنوار :52/338}, { الغيبة للطوسى : 282}.

Mengikut penjelasan yang dibuat oleh Al-Majlisi: ***Tugas pertama yang akan di lakukan oleh Al-Qaim adalah mengeluarkan Abu Bakar dan Umar dan dibiarkan jasad mereka ditiup angin kemudian beliau akan merobohkan Masjid tersebut***

{ البحار : 52/386}

Di antara perkara yang telah diketahui umum dan tidak dipertikaikan lagi di antara semua Fuqaha' dan Ulama kita bahawa Kaabah itu tidak ada apa-apa kepentingan, bahkan Karbala' lebih baik dan mulia daripadanya. Menurut nas yang

---

daripada seksaan api neraka tersebut disebabkan keadilan yang dilakukan. Ini hanya sekadar dakwaan Syiah. Allahu A'lam

diriwayatkan oleh Fuqaha' kita. Karbala' merupakan semulia-mulia tempat di atas permukaan bumi. Ia merupakan bumi pilihan Allah dan merupakan tempat suci lagi berkat. Ia merupakan tanah haram Allah dan Rasul-Nya, kiblat Islam dan tanahnya mampu menjadi penawar. Tidak ada bumi lain yang mampu menyamainya hatta Kaabah.

Sering kali guru kami As Sayid Muhammad Al-Husain Al-Kasyif Al-Qhito' membuat perumpamaan dengan syair:

وَمِنْ حَدِيْثِ كَرْبَلاَ وَالكَعْبَةِ # لِكَرْبَلاَ بَانَ عُلُوُّ الرُّتْبَةِ

Di antara cerita Karbala dan Kaabah #

Bagi Karbala jelas ketinggian kedudukannya.

Di dalam syair yang lain:

هِىَ الطُّفُوفُ فَطُفْ سَبْعًا بِمَغْنَاهَا # فَمَا لِمَكَّةَ مَعْنَى مِثْلِ مَعْنَاهَا

أَرْضٌ وَلَكِنَّهَا السَّبْعُ الشِّدَادُ لَهَا # دَانَتْ وَطَأْطَأَتْ أَعْلاَهَا لِأَدْنَاهَا

Ia (Karbala) tempat untuk tawaf, maka tawaflah 7 pusingan di rumahnya #

Tidak ada bagi Makkah pengertian seumpama pengertiannya.

Ianya sekadar bumi tetapi tujuh lapis langit#

Patuh dan menundukkan kepala dengan penuh kerendahan kepadanya.

Kita ingin bertanya: Kenapa Al-Qaim hendak meruntuhkan masjid dan menjadikannya seperti sediakala?

Jawapannya: Ini kerana tidak berbaki daripada kaum Muslimin kecuali sepersepuluh. Ini seperti yang telah dijelaskan oleh At-Thusi: ***Tidak akan berlaku kejadian ini[1] sehingga akan lenyap 9/10 daripada kalangan manusia***

{ الغيبة : 146}

Ini semua adalah berpunca dari keganasan yang dilakukan oleh Al-Qaim kepada manusia seluruhnya secara umum dan terhadap kaum Muslimin secara khusus.

3) **Melaksanakan pentadbiran keturunan Nabi Daud a**

Al-Kulaini meletakkan satu bab di dalam kitabnya "bahawa kesemua Para Imam setelah muncul urusan[2] mereka, mereka laksanakan pemerintahan mengikut cara Nabi Daud a dan mereka tidak meminta bukti dalam kehakiman". kemudian Al-Kulaini meriwayatkan daripada Abu Abdullah a: ***Apabila muncul Al-Qaim yang datang dari keturunan Muhammad s, beliau akan melaksanakan pemerintahan menurut apa yang di lakukan oleh Nabi Daud a dan Nabi Sulaiman a tanpa perlu meminta bukti***

{ **الأصول من الكافى** : 1/397}

[1] Pembantaian yang akan dilakukan oleh Al-Qaim ke atas bangsa Arab setelah kemunculannya sehingga tidak ada yang akan terkecuali pada ketika itu.

[2] Selesai urusan mereka memusnahkan Kaabah, masjid nabawi dan kaum Muslimin.

Al-Majlisi meriwayatkan: ***Kemunculan Al-Qaim dengan perkara baru, dengan menggunakan kitab baru dan undang-undang baru***

{ **البحار** : 52/354}, { **غيبة النعمانى** :154}

Abu Abdullah a berkata: ***Aku memerhatikan seolah-olah manusia semua sedang mengangkat sumpah setia kepadanya dengan mengikut kitab yang baru di antara rukun[1] dan maqam[2]***

{ **البحار** : 52/135}, { **الغيبة** : 176}

Kita akhiri bahagian ini dengan cerita yang mengejutkan. Al-Majlisi meriwayatkan daripada Abu Abdullah a: ***Seandainya manusia mengetahui mengenai apa yang akan di lakukan oleh Al-Qaim apabila beliau keluar, nescaya kebanyakan daripada mereka tidak ingin melihatnya disebabkan ramainya manusia yang dibunuh beliau.. sehingga kebanyakan mereka berkata: Ini bukan dari keturunan Muhammad s, jika beliau dari keturunan tersebut nescaya beliau mempunyai sifat belas kasihan***

{ **البحار** : 52/353}, { **الغيبة** : 135}.

Aku meminta penjelasan daripada As-Sayid As-Sadr a mengenai riwayat ini. Dia berkata: ***Sesungguhnya pembunuhan yang berlaku kebanyakannya khusus kepada Muslimin.***

[1] Rukun-rukun yg terdapat pada sebuah Kaabah. Terdiri daripada Rukun Hajar Aswad, Iraqi, Syami dan Yamani. Terdapat 4 nama bagi setiap penjuru Kaabah. Maksud di sini adalah Rukun Hajar Aswad.

[2] Maqam Ibrahim

Kemudian beliau menghadiahkan senaskhah kitab dari karangan beliau sendiri "تاريخ ما بعد الظهور" di dalamnya terdapat penjelasan mengenai perkara tersebut. Kitab yang dia hadiahkan itu masih lagi di dalam tulisan tangan.

Seharusnya kita membuat komentar terhadap semua riwayat-riwayat ini dengan mengemukakan persoalan:

- Kenapa Al-Qaim mengayunkan pedangnya memerangi bangsa Arab? Bukankah Rasulullah s dan keluarga-Nya daripada keturunan Arab?.

- Bukankah semua Amirul Mukminin a dan keluarganya yang suci daripada keturunan Arab?. Bukankah Al-Qaim itu sendiri datang daripada keturunan Amirul Mukminin a? Lalu bukankah beliau juga terdiri daripada bangsa Arab?

- Bukankah di kalangan bangsa Arab itu sendiri terdapat jutaan mereka yang beriman dengan kebangkitan beliau dan menanti kemunculannya?

- Kenapa hanya dikhususkan untuk memerangi dan menyembelih bangsa Arab sahaja? Bagaimana boleh dikatakan: Tidak akan ada seorang pun yang akan terselamat?

- Bagaimana mungkin beliau akan merobohkan Masjid Al-Haram dan Masjid An-Nabawi? Di dalam keadaan Masjid Haram merupakan kiblat bagi kaum Muslimin seperti yang telah dijelaskan oleh Al-Quran. Al-Quran juga menjelaskan ia merupakan rumah yang pertama dibangunkan di atas permukaan bumi ini. Rasulullah s dan Amirul Mukminin a pernah bersembahyang di situ. Begitu juga para Imam a pernah

solat di situ secara khususnya Al-Imam As-Sodiq a yang pernah menetap di situ di dalam tempoh masa yang lama.

Pada mulanya kami menyangka Al-Qaim akan menjadikan Masjid ini kembali kepada seperti rupa asal masjid di zaman Nabi s seperti sebelum ia diperluaskan setelah ia diruntuhkan. Akan tetapi jelas kepada ku apa yang dimaksudkan "mengembalikannya kepada asal" adalah merobohkan dan meratakan ke bumi. Ini kerana kiblat kaum Muslimin akan bertukar arah ke Kufah selepas itu.

Al-Faidhul Al-Kasyani meriwayatkan: ***Wahai penduduk Kufah, sesungguhnya Allah telah menganugerahkan kepada kalian sesuatu kelebihan yang tidak pernah diberikan kepada sesiapa pun selain daripada kamu. Tempat sembahyang kamu itulah rumah Nabi Adam, Nuh, Idris dan Ibrahim...tidak akan berlalu hari-hari tersebut[1] sehingga diletakkan Hajarul Aswad padanya[2].***

{**الوافى** : 1/215}

Jika begitu keadaannya pemindahan Hajarul Aswad dari Makkah ke Kufah dan dijadikannya sebagai tempat sembahyang Adam a, Nuh a, Idris a dan Ibrahim a merupakan bukti kepada usaha menjadikan Kufah sebagai kiblat sembahyang setelah diruntuhkan Masjid Haram. Kalau begitu yang dimaksudkan, maka tidak memberi apa-apa faedah mengembalikannya ke tempat asalnya sebelum diperluaskan (masjid haram). Maka tidak boleh tidak mesti dibuang dan dihapuskan –sebagaimana yang telah disebutkan di dalam riwayat-. Maka jadilah Hajarul Aswad dan Kiblat itu di Kufah.

[1] Hari Kaabah dan masjid diruntuhkan oleh mereka

[2] Kaabah yg baru dibina di Kufah

Kita telah diperkenalkan pada perbahasan yang lalu bahawa Kaabah tidak ada apa-apa keistimewaan di sisi Fuqaha' kita. Dari itu, tidak boleh tidak ia mesti dimusnahkan.

Kita kembali mengulang pertanyaan: **Apakah perkara baru yang akan di bawa oleh Al-Qaim? Apakah kitab dan undang-undang yang baru tersebut?**

Sekiranya perkara yang akan di lakukan oleh beliau berasal dari apa yang telah dilakukan oleh keturunan Muhammad s ini bukanlah sesuatu yang boleh dikatakan sebagai baru.

Jika sekiranya itu adalah sebuah kitab di antara kitab-kitab yang pernah dipelajari oleh Amirul Mukminin a mengikut apa yang telah diriwayatkan, ini juga bukan sebuah kitab yang baru.

Jika undang-undang daripada undang-undang Muhammad s dan ahli keluarganya a, maka ini tidak dikatakan baru.

Jika kitab bukan daripada kitab-kitab mereka dan undang-undang bukan daripada undang mereka, maka ini baru dikatakan kitab baru dan undang-undang baru. Bagaimana tidak dikatakan baru, ini kerana Al-Qaim akan melaksanakan undang-undang mengikut ketetapan Daud a dan keturunannya sebagaimana yang telah kita sebutkan.

Sesungguhnya itu merupakan perkara baru, kitab baru dan undang-undang baru. Oleh itu ia dikatakan baru. Disebabkan itu juga terdapat riwayat: *Aku memerhatikan seolah-olah manusia semua sedang mengangkat sumpah*

*setia kepadanya dengan mengikut kitab yang baru di antara rukun dan maqam. S*ebagaimana yang telah dijelaskan.

Tidak ada apa lagi yang perlu kalian ketahui kecuali apa yang akan dilakukan oleh Al-Qaim mengikut riwayat yang mengejutkan. Sesungguhnya beliau akan melancarkan pembunuhan sehingga orang ramai berangan-angan tidak akan menemuinya disebabkan ramainya yang dibunuh dalam bentuk yang paling jelik, kejam dan tidak ada langsung rahmat serta kasih sayang. Sehinggakan orang ramai mengatakan ini bukan daripada keturunan Muhammad s. Jika benar beliau daripada keturunan Muhammad s nescaya beliau akan berbelas ihsan.

Menjadi hak kita untuk bertanya: Siapa yang akan dibunuh oleh Al-Qaim ini? Darah siapakah akan dialirkan dengan cara yang begitu ganas sekali?

Semestinya ini adalah darah kaum Muslimin seperti mana yang terdapat di dalam riwayat-riwayat dan sebagaimana yang dijelaskan As-Sayid As-Sodr.

Jika begitu, kemunculan Al-Qaim merupakan satu kecelakaan ke atas orang-orang Islam bukannya satu rahmat. Mereka benar jika mereka mengatakan beliau bukan daripada keturunan Muhammad s yang sentiasa berlemah lembut dan mengasihi orang Islam. Adapun Al-Qaim beliau tidak berlemah lembut apatah lagi mengasihi, jadi memang beliau bukan daripada keturunan tersebut. Apakah beliau –Al-Qaim – akan memenuhi dunia dengan keadilan dan kebenaran setelah dipenuhi dunia dengan kejahatan dan kezaliman.

Di manakah keadilan tersebut sekiranya beliau akan membunuh 9/10 daripada manusia secara khususnya kaum Muslimin? Ini tidak pernah dilakukan oleh sesiapa pun

mengikut sejarah kemanusiaan hinggakan dalam pemerintahan komunis sekalipun yang mana mereka sentiasa berusaha melaksanakan ideologi mereka walaupun terpaksa menggadai orang ramai. Perhatikanlah!!.

Pada perbahasan yang lalu mengukuhkan bahawa Al-Qaim bukan satu realiti, sahsiah itu tidak pernah wujud. Akan tetapi sekiranya beliau benar-benar muncul beliau akan memerintah mengikut cara yang dibawa oleh keturunan Daud a dan akan melenyapkan bangsa Arab dan kaum Muslimin tanpa ada rasa belas kasihan dan kasih sayang. Beliau akan meruntuhkan Masjid Haram dan Nabawi, merampas Hajarul Aswad, membawa perkara baru dan kitab baru serta melaksanakan undang-undang baru. Siapakah sebenarnya beliau? Apakah tujuannya berbuat begitu?

Kebenaran yang telah aku peroleh setelah melakukan kajian beberapa tahun lamanya dan meneliti semua rujukan utama ialah kemunculan Al-Qaim ini tidak lebih sebagai gambaran kepada akan terwujudnya sebuah Negara Israel atau beliau itu adalah Dajjal. Ini kerana Al-Hasan Al-Askari a tidak mempunyai anak seperti mana yang kita sebutkan sebelum ini. Berdasarkan ini telah diriwayatkan daripada Abu Abdullah a – hakikatnya beliau tidak pernah mengatakannya- berkata: ***Akan ada habuan kepada sesiapa yang menyalahi kami di negara kami, sesungguhnya Allah menghalalkan darah mereka kepada kami ketika munculnya Al-Qaim***

{البحار : 52/376}

Kenapa pemerintahan Daud a yang akan mereka laksanakan? Bukankah ini satu isyarat kepada akidah Yahudi?

Kemunculan Negara Israel semestinya diperintah secara keturunan Daud a. Negara Israel jika berdiri sebahagian daripada perancangan mereka adalah untuk melenyapkan bangsa Arab secara khususnya dan kaum Muslimin secara umumnya seperti yang tertera di dalam protokol mereka. Menjatuhkan hukuman muktamad dan membunuh mereka semuanya tanpa belas kasihan dan kasih sayang.

Impian Negara Israel adalah meruntuhkan kiblat Muslimin dan meratakannya di atas permukaan bumi. Setelah itu menghancurkan Masjid Nabawi dan mereka kembali ke Yathrib bumi yang mereka pernah diusir. Sekiranya semua ini berjaya mereka akan melaksanakan semua perkara-perkara baru, menggantikan Al-Quran dengan kitab yang baru, undang-undang juga turut baru tanpa memerlukan bukti kerana memerlukan bukti adalah ciri-ciri yang terdapat pada kaum Muslimin. Maka dengan ini akan berlakulah kepincangan dan kezaliman disebabkan rasialisme Yahudi.

Amat baik rasanya jika kita memberi peringatan berhubung pemilihan Ashab kita dengan 12 orang Imam. Pemilihan bilangan ini terdapat tujuannya. Bilangan ini untuk menyamai keturunan Bani Israel, tidak memadai dengan itu sahaja bahkan mereka menamakan diri mereka dengan 12 sebagai optimis kepada bilangan itu. Mereka memusuhi Jibrail a dan Ar-Ruh al-Amin seperti mana Allah sifatkan di dalam Al-Quran. Mereka mengatakan bahawa Jibrail a telah mengkhianati amanah, sepatutnya ditugaskan menyampaikan wahyu kepada Ali a tetapi dia berniat jahat kepada beliau lalu menyampaikan wahyu kepada Muhammad s, maka dia telah khianat dengan amanah itu.

Dengan alasan itu mereka terlalu benci kepadanya. Lantas Allah menjawab tuduhan tersebut dengan berfirman:

﴿ قُلْ مَن كَانَ عَدُوًّا لِّجِبْرِيلَ فَإِنَّهُۥ نَزَّلَهُۥ عَلَىٰ قَلْبِكَ بِإِذْنِ ٱللَّهِ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَهُدًى وَبُشْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٩٧﴾ مَن كَانَ عَدُوًّا لِّلَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَرُسُلِهِۦ وَجِبْرِيلَ وَمِيكَىٰلَ فَإِنَّ ٱللَّهَ عَدُوٌّ لِّلْكَٰفِرِينَ ﴿٩٨﴾ ﴾

Maksudnya: *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesiapa memusuhi Jibrail maka sebabnya ialah kerana Jibrail itu menurunkan Al-Quran ke dalam hati mu dengan izin Allah, Yang mengesahkan kebenaran Kitab-kitab yang ada di hadapannya (yang diturunkan sebelumnya), serta menjadi petunjuk dan memberi khabar gembira kepada orang-orang yang beriman". Sesiapa memusuhi Allah (dengan mengingkari Segala petunjuk dan perintah-Nya) dan memusuhi Malaikat-malaikat-Nya dan Rasul-rasulNya, khasnya malaikat Jibrail dan Mikail, (maka ia akan diseksa oleh Allah) kerana sesungguhnya Allah adalah musuh bagi orang-orang kafir.* {al-Baqarah: 97-98}

Allah menyifatkan sesiapa yang memusuhi Jibrail a kafir dan sesiapa memusuhinya maka dia memusuhi Allah.

[MENINGGALKAN JUMAAT DAN TANGAN TERSEMBUNYI]

Di antara sebesar-besar kesan pengaruh asing di dalam menyelewengkan aliran Syiah kepada generasi Islam adalah meninggalkan Jumaat, bahkan tidak dibenarkan melaksanakan Jumaat kecuali berimamkan Imam Maksum.

Semenjak kebelakangan ini ada yang memfatwakan harus mendirikan sembahyang Jumaat di belakang para Husainiyyat. Ini satu perkara yg mengagumkan. Ucapan alhamdulillah kepada Allah kerana aku juga berusaha dengan bersungguh untuk menggesa para individu yang menjadi rujukan tertinggi untuk melaksanakan solat Jumaat. Aku hanya mengharapkan ganjaran pahala ku daripada Allah Taala.

Tetapi aku tertanya-tanya: Siapakah yang telah mencegah semua generasi ini semenjak lebih kurang 1000 tahun lalu dari menunaikan sembahyang Jumaat? Usaha kotor siapakah yang licik mampu untuk menghalang pengikut-pengikut Syiah dari melakukan solat Jumaat pada masa Al-Quran menjelaskan secara terang tentang kefarduan Jumaat??!

Tangan-tangan tersembunyi ini masih lagi memainkan peranan dalam menyebarkan racun mereka. Pemimpin Al-Hauzah telah mengeluarkan pekeliling wajibnya memperbanyakkan kerosakan dan kezaliman serta menyebarkannya di kalangan orang ramai. Ini kerana perbuatan itu akan mempercepatkan keluarnya Imam Mahdi –Al-Qaim- daripada tempat persembunyiannya. Para Syiah menyahut pekeliling tersebut dan melaksanakannya dengan apa jua cara. Sayid Al-Borojourdi merupakan penyelia dalam melaksanakan misi tersebut di sebuah perkampungan revolusi di Baghdad.

Tidak ada seorang lelaki pun yang berjalan di salah satu jalan di situ lalu dia ternampak seorang wanita yang memikat hatinya, pasti wanita tersebut menyambut senyuman lelaki itu atau kenyitan matanya. Apa yang berlaku itu masih belum memadai bagi Pemimpin Al-Hauzah, bahkan mereka ingin memenuhi setiap penjuru Iraq dengan kerosakan. Atas tujuan itulah mereka sanggup menyewa bas-bas yang besar bertujuan untuk melancong dan menikmati percutian musim panas di utara Iraq.

Mereka turut memberi galakan kepada mana-mana keluarga yang tinggal di bandar sebelah selatan agar berpindah ke utara Iraq yang rata-rata terdiri dari kalangan lelaki yang sudah lemah dan isteri mereka yang berusia lanjut. Mereka langsung tidak memiliki wang untuk makan malam lebih-lebih lagi untuk perbelanjaan melancong dan menghabiskan musim panas. Setiap keluarga tersebut akan membawa bersama anak-anak gadis mereka yang cantik-cantik. Apabila rombongan mereka sampai di daerah-daerah yang mereka lalui seperti Solehudin, Tekrit Mausil, Dahuk, Arbel dan Karkuk semuanya akan singgah di situ buat beberapa hari, kemudian bermulalah peranan gadis-gadis cantik turun ke pekan di daerah tersebut. Mereka menawarkan diri mereka untuk dijamah oleh pemuda-pemuda di sana demi melengkapkan "perjanjian haram". Adapun sepanjang keberadaan mereka untuk mengecap percutian di pusat peranginan mereka, tidak mampu untuk aku bahasakan apa yang akan berlaku.

Matlamat di sebalik pekeliling ini hanya bertujuan menyebarkan kerosakan dan menghancurkan negara. Adapun keluarnya Imam ke 12 yang terkenal dengan panggilan Al-Qaim, aku yakin bahawa mereka juga mengetahui Imam ini tidak wujud.

Lihatlah tangan-tangan kotor ini. Apa yang telah mereka lakukan dan akan lakukan!!!.

PENUTUP

Rujukan dan Lampiran

PENUTUP

Selepas melalui perjalanan yang memenatkan dalam menerangkan hakikat yang memedihkan ini, apakah yang perlu aku lakukan seterusnya?

Adakah aku terus kekal dengan jawatan dan pangkat ku, mengumpulkan harta daripada si kaya, miskin, sumbangan dari majlis dengan nama Khumus, membawa kereta mewah dan berseronok dengan perempuan-perempuan cantik? Atau aku meninggalkan harta benda dunia yang akan sirna dan menjauhkan diri dari perkara-perkara haram ini serta bangun memperjuangkan hak –kerana mereka yang diam menyatakan kebenaran adalah syaitan bisu-?

Aku mengetahui bahawa Abdullah bin Saba' si Yahudi pengasas kepada aliran Syiah, memecahbelahkan kaum Muslimin dan menimbulkan permusuhan dan kebencian sesama mereka setelah mereka disatukan oleh rasa kasih dan iman sesama mereka. **Aku juga mengetahui** apa yang telah dilakukan oleh nenek moyang kita -ahli Kufah- terhadap Ahli Bait Rasulullah s dan segala apa yang tercatat di dalam kitab-kitab kita mengenai kutukan dan celaan para Imam a kepada

mereka. Ahli Bait a juga tidak merasa senang terhadap Syiah mereka. Memadailah dengan perkataan Amirul Mukminin a dalam menjelaskan hakikat mereka:

"Kalau aku kenal pengikut dan penyokong ku nescaya aku hanya akan mendapati semua mereka adalah golongan yang menyifatkan Allah, kalau aku menguji mereka nescaya aku akan mendapati mereka akan murtad dan jika aku saring mereka nescaya tiada seorang pun yang akan lepas."
{**الكافي**: 8/338}

Aku juga mengetahui mereka mendustai Allah. Allah menjelaskan bahawa Al-Quran tidak akan dicemarkan oleh mana-mana tangan kerana Allah telah memberi jaminan untuk memeliharanya. Adapun Fuqaha kita mengatakan Al-Quran ini telah diselewengkan, apa yang mereka kata tertolak dengan firman Allah[1]. Siapakah akan aku percaya? Mereka? Atau Allah Taala?

Aku mengetahui Mut'ah haram, tetapi Fuqaha kita mengharuskannya. Kesan hukum harus ini mengheret kepada mengharuskan perbuatan-perbuatan yang lain. Perkara terakhir yang diharuskan ialah meliwat kanak-kanak yang comel.

Selain itu **aku juga mengetahui** Khumus tidak diwajibkan ke atas Syiah untuk memberi atau menyerahnya kepada para Fuqaha dan Mujtahid. Bahkan harta itu halal untuk mereka makan sehinggalah munculnya Al-Qaim. Akan tetapi

[1] Firman Allah ﷻ dalam Surah al-Hijr, ayat 9:

﴿إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا ٱلذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ۝٩﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.*

para Fuqaha kita mewajibkannya ke atas orang ramai untuk mengeluarkan dan menyerahkannya. Ini demi tujuan peribadi dan kepentingan diri.

Aku mengetahui bahawa aliran Syiah ini telah dicemarkan oleh tangan-tangan tersembunyi yang telah melakukan pelbagai kerosakan -sepertimana yang telah kita jelaskan sebelum ini-, apakah yang boleh menyebabkan aku untuk terus kekal di dalam Syiah?

Oleh sebab itu terdapat riwayat daripada Muhammad bin Sulaiman daripada ayahnya berkata: Aku berkata kepada Abu Abdullah a:

Aku sebagai tebusan mu, sesungguhnya kita diberi jolokan yang berat untuk menanggungnya sehingga mematikan hati-hati kita, Allah telah menghalalkan darah-darah kita kepada para pemimpin sebagaimana di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Fuqaha mereka.

Abu Abdullah a berkata: ***Adakah jolokan yang kalian maksudkan Ar-Rafidhoh?***. Lalu aku menjawab: ***Ya***.

Abu Abdullah a berkata: ***Demi Allah bukan begitu, mereka tidak menamakan kamu sebegitu tetapi Allah lah yang menamakan kamu dengan nama tersebut.***
{**روضة الكافي** : 5/34}

Abu Abdullah a menjadi saksi bahawa mereka adalah **Rafidhah**[1] -kerana mereka menolak Ahli Bait Rasulullah s- dan

[1] Rafidhah – gelaran yang diberikan kepada golongan Syiah yang menolak kesahihan pelantikan Khalifah Abu Bakar, Umar dan Usman.

Allah yang memberikan jolokan tersebut, maka apakah alasan untuk aku terus kekal bersama mereka?.

Daripada Al-Mifdhol bin Umar berkata: Aku mendengar Abu Abdullah a berkata: ***Sekiranya muncul Imam kita (Imam ke 12) beliau akan memulai dengan pendusta dari kalangan Syiah dan membunuh mereka***.
{**رجال الكشى** : 253}mengikut penterjemahan Ibnu Khattab, kenapa beliau mulai dengan pendusta daripada kalangan Syiah dan membunuh mereka?

Beliau membunuh mereka sebelum yang lain kerana mereka mereka-reka dan menjadikan rekaan itu salah satu dari urusan agama yang merupakan ibadat untuk mendekatkan diri kepada Allah seperti ucapan mereka dalam menghalalkan mut'ah dan liwat, mewajibkan mengeluarkan khumus, Al-Quran diselewengkan, Buda'[1] pada Allah dan Ruja'h[1] Imam. Kesemua

[1] **الْبُدَاءُ**

- satu konsep yang terdapat dalam fahaman Syiah iaitu perubahan yang berlaku pada ilmu Allah kerana perubahan pada maklumat mengenai sesuatu perkara.
- Diertikan juga dengan kemunculan pandangan baru.
- Konsep ini diasaskan oleh Yahudi dan telah diambil oleh Syiah khususnya Hisyam bin Hakam.
- Mengikut pandangan Syiah, mereka yang tidak beriman dengan konsep ini tidak ada istilah taubat dan penghambaan berdalilkan ayat 39, surah Ar-Ra'du:

﴿يَمْحُواْ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ وَيُثْبِتُ﴾

Maksudnya: *Allah menghapuskan apa jua Yang dikehendakiNya dan ia juga menetapkan apa jua Yang dikehendakiNya.*

- Al-Kulaini meletakkan satu bab khusus mengenai fahaman ini dengan menyebutkan 15 hadith yang disandarkan kepada imam-imam mereka.
- Fahaman ini tidak boleh diterima kerana ia menafikan ilmu Allah ﷻ terhadap sesuatu.

Sayid, para Fuqaha dan Mujtahid beriman dengan akidah ini dan selainnya. Siapakah di antara mereka yang akan selamat daripada mata pedang Al-Qaim??

Daripada Abu Abdullah a dia berkata: ***Allah tidak menurunkan mana-mana ayat tentang orang-orang munafik kecuali sifat tersebut ada kepada Syiah.***
{**رجال الكشى** : 254 Abu Khattab}

Demi ayah dan ibu ku, apa yang dikatakan Abu Abdullah a adalah benar. Jika ayat-ayat yang diturunkan kepada Munafik ada kepada mereka yang menganut Syiah, bagaimana aku akan terus kekal bersama mereka lagi??

Apakah masih boleh selepas ini untuk mereka mengaku berada di dalam mazhab Ahli Bait a?? Apakah masih boleh mengaku mencintai Ahli Bait a?

Kini aku telah mengetahui jawapan terhadap semua persoalan yang mengganggu dan memeningkan pemikiran ku selama ini.

الرَجْعَة[1]

- Mengikut sumber pengambilan al-Imamiah daripada Ahli Bait a, bahawa Allah ﷻ telah menghidupkan kembali sesuatu kaum dari kalangan yang telah mati dalam keadaan rupa asal mereka. Ada yang dimuliakan dan ada yang dihina. Akan berlaku saling menuntut di antara yang benar dan salah dan yang dizalimi dan dizalimi. Semua ini akan berlaku setelah kemunculan al-Mahdi.
- Mengikut pendapat Syiah al-Imamiah, ruju' iaitu kembali selepas mati atau selepas kemunculan al-Mahdi.
- Tujuan raj'ah mengikut perkiraan mereka ialah pembantaian al-Mahdi dan pengikut-pengikutnya terhadap dua khalifah Rasul iaitu Abu Bakar dan Umar.

Setelah aku meneliti kebenaran ini dan selainnya, aku mengkaji pula kenapa aku dilahirkan dalam Syiah dan sebab keluarga dan kerabat ku turut menjadi Syiah. Maka aku mendapati keluarga ku sebelumnya dari kalangan Ahli Sunnah tetapi sekitar 150 tahun yang lalu pendakwah-pendakwah dari Iran mula memasuki selatan Iraq dan menemui sebahagian dari pimpinan utama kabilah dan mempengaruhi mereka kerana kelemahan mereka dari segi ilmu pengetahuan dan lembutnya hati mereka. Kabilah ini terpedaya dengan manisnya ucapan pendakwah ini. Inilah punca masuknya mereka ke dalam Syiah bahkan kebanyakan daripada kabilah dan puak-puak terpujuk dengan ajaran Syiah dengan cara ini sedangkan pada awalnya mereka adalah dari golongan Ahli Sunnah.

Aku rasa perlu untuk ku senaraikan sebahagian dari kabilah-kabilah yang terlibat sebagai pengetahuan dan amanah terhadap ilmu;:

1) Bani Rabi'ah
2) Bani Tamim
3) Khaza'il
4) Zabidat
5) Al-A'mir (mereka dari puak bani Tamim)
6) Khazraj
7) Syamarthukah ad-Dawwar
8) Ad Difafa'ah
9) Keturunan Muhammad (dari kalangan Imarah)
10) Kabilah Ad Diwaniah (dari keturunan Akra' dan Badir, 'Affaj, Al-Jabbur dan Al-Jalihah
11) Kabilah Ka'ab
12) Bani Lam dan banyak lagi

Semua yang telah ku senaraikan di atas merupakan kabilah asal di Iraq yang terkenal. Mereka juga terkenal dengan sifat berani, pemurah dan mempunyai harga diri. Mereka

merupakan satu kabilah yang besar dari keturunan Arab. Tetapi apa yang menyedihkan mereka telah menjadi pengikut Syiah semenjak lebih dari 150 tahun yang lalu akibat dari pukulan gelombang yang di bawa oleh pendakwah yang di hantar dari Iran. Mereka dijajah dan dijadikan pengikut ajaran Syiah dengan apa juga cara yang ada.

Ku lupakan tentang keberanian dari keluarga ini – walau sekuat mana Syiah mereka- tetap keganasan pedang Al-Qaim menanti leher-leher mereka seperti mana yang telah dijelaskan. Ini kerana Imam ke 12 ini akan membunuh bangsa Arab secara kejam meskipun mereka dari golongan Syiah. Inilah yang telah disebut secara jelas di dalam kitab-kitab kita –pengikut Syiah-. Maka kabilah itu menanti-nanti pedang Al-Qaim untuk diayunkan.

Allah telah membuat perjanjian kepada orang yang mempunyai ilmu bahawa mereka akan menjadi penunjuk kebenaran kepada manusia. Ini lah aku sekarang, menjelaskan kepada manusia, membangunkan yang tidur dan menyedarkan yang alpa. Aku menyeru kepada semua kabilah Arab asal ini agar kembali kepada mazhab asal mereka dan jangan lagi terpengaruh dengan mereka para pemakai serban[1] yang masih

[1] Pemakai serban: Golongan ulama Syiah yang membezakan warna serban hitam dan putih. Pemakai serban Hitam adalah para Sayid Syiah. **Pemakai serban hitam:** Sebahagian daripada pakaian ulama Syiah yang bersambung keturunan mereka dengan Husain bin Ali a atau Hasan a, merupakan anak kepada Fatimah Az-zahra' a, anak perempuan Rasulullah S. Keturunan ini selalunya akan digelar dengan Sayid. **Pemakai serban putih:** Selalunya di pakai oleh ulama Syiah yang bukan berketurunan Husain atau Hasan a. Mereka akan diberi gelaran sebagai Syeikh sahaja. Kebiasaannya mereka hanya memakai serban ini sebagai tanda ikutan atau sekadar ingin menzahirkan persamaan dengan apa yang telah dipakai oleh golongan Muslimin terawal.

memakan harta dengan nama khumus dan derma serta masih mencemari kemuliaan wanita-wanita mereka dengan nama Mut'ah. Semua dari Khumus dan Muta'h haram sebagaimana yang telah dijelaskan.

Aku juga turut mengajak kabilah Arab asal ini agar meneliti semula sejarah mereka dan sejarah golongan sebelum mereka untuk melihat kebenaran yang telah dipadamkan oleh para Fuqaha', Mujtahid dan pemakai serban Syiah yang hanya bertujuan untuk menjaga kepentingan diri peribadi mereka sahaja.

Sekarang aku telah pun menunaikan sebahagian dari kewajipan yang telah diamanahkan

Kepada Allah aku memohon dengan kasih ku terhadap Nabinya yang terpilih serta kasih ku kepada semua keturunan baginda yang suci agar di terima kitab ini di sisi-Nya dunia dan akhirat. Juga menjadikannya ikhlas kepada-Nya serta menjadikannya bermanfaat untuk semua. Segala puji-pujian hanya untuk Allah selama-lamanya.

RUJUKAN & LAMPIRAN

1. Al-Quran Al-Kareem
2. Hatta La Nankhadi'; Abdullah al-Musili.
3. Al-Syi'ah al-Rafidhah, Tarikh wa Haqaiq; Dr Abdullah Syakir al-Junaidi.
4. Maza Ta'rif 'an al-Syi'ah; Abu Abdillah Hani al-Misri.
5. Tautsiq al-Sunnah Baina al-Syi'ah al-Imamiyah wa Ahli al-Sunnah; Ahmad Haris Suhaimi.
6. Syarah al-Maqasid; al-Imam al-Taftazani.
7. Fath al-Majid; Syeikh Ibrahim al-Baijuri.
8. Abkar al-Afkar fi Usul al-Din; Imam Saifuddin al-Amidi.
9. Adab al-Musafahah; Syeikh Nuruddin al-Makki al-Banjari.
10. Al-Mu'jam al-Syamil li Mustolahat al-Falsafah; Dr Abd al-Mun'im al-Hafni.
11. Buhuts fi al-Firaq al-Islamiyah; Dr Muhammad al-Anwar Hamid Isa.
12. Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam; Dewan Bahasa dan Pustaka.
13. Al-Marji' al-Kamil fi al-Firaq wa al-Jama'at wa al-Mazahib al-Islamiyah Munzu Saqifah Bani Sa'idah ila al-Yaum; Solah Abu al-Sa'ud
14. Al-Muntakhab al-Jalil min Takhlil Man Harrafa al-Injil; al-Syeikh Abu al-Fadhl al-Sa'udi al-Maliki.
15. Akhbar al-Hamqa wa al-Mughaffalin; Al-Hafidz Ibnu al-Jauzi.
16. Asl al-Syi'ah wa Usuluha; al-Imam al-Syeikh Muhammad al-Husain Aal Kasyif al-Ghito'.
17. Al-Isobah fi Tamyiz al-Sohabah; Ibn Hajar.
18. Injil Luqa.
19. Bazl al-Majhud fi Isbat Musyabahah al-Rafidhah bi al-Yahud.
20. Al-Syi'ah Fi al-Tarikh, al-Sayid Abd al-Rasul al-Musawi; Maktabah Madbuli.

21. Fikr Al-Khawarij wa al-Syiah. Fi al-Mizan Ahli Sunnah; Dr Ali Muhammad al-Salabi.
22. A'yan al-Syi'ah; al-Sayid Muhsin al-Amin.
23. Al-Qamus al-'Ilmi al-Khalil (Arab-Melayu, Melayu-Arab)
24. Al-Maurid, Qamus Arabi-Inglizi.
25. Al-Firaq al-Islamiyah; Dr Ibrahim al-Faiyumi.
26. Al-Syi'ah wa al-Sunnah; Dr. Ahmad Abd Rahman
27. Al-Bidayah wa al-Nihayah; Ibn Kathir.
28. Sumber-sumber Internet

Bil	Nama Imam	Gelaran	Gelaran	Tahun Lahir-Wafat
1	Ali bin Abi Talib	Abu al-Hasan	Al-Murtadha	23 sblmH-40 H
2	Al-Hasan bin Ali	Abu Muhammad	Al-Zaki	2 H-50 H
3	Al-Husain bin Ali	Abu Abdillah	Al-Syahid	3 H-61 H
4	Ali bin al-Husain	Abu Muhammad	Zainul Abidin	38-95H
5	Muhammad bin Ali	Abu Ja'far	Al-Baqir	57-114 H
6	Ja'far bin Muhammad	Abu Abdillah	Al-Sadiq	83-148 H
7	Musa bin Ja'far	Abu Ibrahim	Al-Kazim	128-183 H
8	Ali bin Musa	Abu al-Hasan	Al-Ridha	148-203 H
9	Muhammad bin Ali	Abu Ja'far	Al-Jawwad	195-220 H
10	Ali bin Muhammad	Abu al-Hasan	Al-Hadi	212-254 H
11	Al-Hasan bin Ali	Abu Muhammad	Al-'Askari	232-260 H
12	Muhammad bin al-Hasan	Abu al-Qasim	Al-Mahdi	Syiah mendakwa al-Mahdi dilahirkan tahun 255@256 H. Mereka percaya beliau masih hidup dan akan muncul suatu hari nanti.